

**Jilid IV
Bil. 4**



**Hari Jumaat
2hb Mac, 1990**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 625]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh)**
[Ruangan 705]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAİK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.
(Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOMANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jejenu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEN SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suho bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 2hb Mac, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

FELDA—PENEROKA
RANCANGAN

1. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
minta Menteri Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bilakah pengambilan peserta-peserta peneroka bagi sistem baru di rancangan FELDA akan dilaksanakan. Adakah pemohon-pemohon untuk memasuki rancangan tersebut boleh membuat permohonan mereka dengan menggunakan borang lama atau borang baru. Kalau dikehendaki menggunakan borang baru, bilakah borang tersebut akan dikeluarkan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menawarkan sebahagian daripada saham rancangan tersebut kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat memberikan tanah bagi rancangan-rancangan itu.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengambilan peserta-peserta bagi sistem baru di rancangan-rancangan FELDA dijangka dapat mula dilaksanakan mulai tahun hadapan. Permohonan untuk memasuki rancangan tersebut tidak lagi menggunakan borang-borang lama. Borang-borang baru akan disediakan mulai pertengahan tahun ini.
- (b) Mengikut ketetapan yang dicapai selepas perundingan di antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar serta Ketua-ketua Menteri, saham-saham syarikat yang mengendalikan rancangan-rancangan sistem baru ini hanya akan dipegang oleh peserta-peserta dan FELDA.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kerajaan ada rancangan untuk men-swastakan skim FELDA. Suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah rasionalnya bagi pihak Kerajaan untuk men-swastakan skim-skim FELDA ini dan sehingga kini berapa buahkah skim FELDA yang telah diswastakan?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum, salah satu masalah yang dihadapi oleh FELDA ialah soal kos pembangunan dan pemerosesan.

Jadi, rasionalnya kita mencuba untuk menswastakan rancangan-rancangan ini ialah untuk dapat kita buat suatu perbandingan dan perhitungan, khususnya dari segi cara-cara pengurusan serta pengendalian dengan penekanan yang diberikan kepada soal-soal belanja ataupun kos yang terlibat mengenai pengurusan dan pengendalian skim-skim tersebut.

Suka saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita cuma tawarkan kepada dua pihak swasta sahaja dan setakat ini mereka baru pergi melihat ataupun meninjau kawasan-kawasan yang berkenaan. Sama ada mereka akan betul-betul bersetuju untuk melaksanakannya, banyak bergantung kepada penelitian yang dibuat oleh kedua-dua buah syarikat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa luaskah lagi rancangan-rancangan FELDA yang akan dibuka pada tahun ini dan di tahun-tahun yang akan datang dan jika perlu diterangkan keluasan kawasan di tiap-tiap negeri yang akan dirancang nanti.

Yang kedua, adakah benar pemohon-pemohon ataupun peserta-peserta hanya diwajibkan kepada negeri-negeri berkenaan sahaja yang diterima untuk menjadi peserta?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penelitian yang telah kita buat, jumlah kawasan yang akan terlibat di bawah pelaksanaan sistem baru ini adalah kira-kira 450,000 ekar sehingga 500,000 ekar lebih kurang.

Yang Berhormat minta mengikut negeri-negeri, saya minta maaf kerana angka-angka itu tidak ada pada saya sekarang tetapi saya boleh berikan kalau sekiranya dikehendaki. Keluasan itu kita susun meliputi 135 buah rancangan.

Yang kedua tentang peserta-peserta, sejak dulu dan termasuklah kepada peserta-peserta dalam sistem yang baru ini nanti, kuasa untuk sama ada hendak menerima ataupun menolak peserta-peserta ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan banyak bergantung kepada sikap Kerajaan Negeri dari segi hendak menentu dan memuktamadkan peserta-peserta tersebut. Kalau sekiranya Pihak Berkuasa Negeri tidak bercadang untuk mengambil orang lain daripada negerinya, maka dari segi kesefahaman dan peraturan yang telah kita buat, maka itu adalah hak sesuatu negeri.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN MENGIKUT KONSEP ISLAM

2. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah pihak Kerajaan hendak melaksanakan pinjaman Kerajaan (kereta dan rumah) mengikut konsep pinjaman secara Islam.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih lagi mengkaji pelaksanaan Skim Pinjaman Perumahan dan Kenderaan mengikut konsep pinjaman secara Islam. Kajian ini adalah di peringkat terakhir dan hasilnya akan diumumkan apabila siap kelak.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan secara kasar apakah perbezaan di antara skim pinjaman yang sedia ada bagi pinjaman untuk membeli rumah dan kenderaan dan juga skim pinjaman mengikut konsep Islam yang dikatakan itu dan dari perbandingan di antara dua konsep itu, yang mana satukah dirasai sesuai untuk dilaksanakan dan sama ada pilihan bagi seseorang yang ingin memohon pinjaman itu untuk memilih sama ada kekal dengan sistem sekarang ataupun yang baru?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya akan dijelaskan bila Kerajaan memutuskan sama ada hendak melaksanakan ataupun sebaliknya rancangan ini. Pada masa in adalah terlalu awal untuk saya menjawab soalan Yang Berhormat itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah ada segi hukum orang-orang yang membuat pinjaman pada masa sekarang dengan menggunakan konsep tidak secara Islam? Apakah di segi hukumnya kepada orang Islam yang meminjam kepada Kerajaan sekarang? Adakah kita menanggung dosa atau sebagainya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya bukanlah orang yang layak untuk menjawab segi apakah hukuman tentang perkara ini.

RANCANGAN PENGAIRAN KECIL KEBANGSAAN

3. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah status pencapaian projek-projek di bawah National Small Irrigation Scheme yang dicadang dibiayai oleh Bank Dunia tidak berapa lama dahulu. Bilakah kawasan-kawasan sawah yang terletak di pinggir MADA akan mendapat manfaat dari air takungan ampangan-ampangan Pedu, Muda dan Ahning yang semakin bertambah kepastiannya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya minta dibetulkan pada barisan No. 2 soalan ini iaitu dimasukkan perkataan "National" sebelum perkataan-perkataan "Small Irrigation Scheme". Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 3.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pencapaian

projek-projek di bawah Rancangan Pengairan Kecil Kebangsaan adalah seperti berikut:

- (a) Sebanyak 111 projek di bawah Rancangan Pengairan Kecil Kebangsaan iaitu National Small-scale Irrigation Project, dengan izin, telah siap dibina pada tahun 1979 hingga 1985.
- (b) Projek-projek ini yang dibiayai oleh Bank Dunia telah disediakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$181.115 juta. Projek-projek ini terletak di seluruh negara dan telah dapat memberi manfaat kepada lebih kurang 60,000 kaum keluarga petani di kawasan padi seluas 36,155 hektar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawasan-kawasan sawah di pinggir MADA, dimaklumkan bahawa air takungan dari ampangan-ampangan Pedu dan MUDA hanya dapat membekalkan keperluan air untuk pengairan bagi kawasan jelapang padi iaitu MADA sahaja manakala air dari ampangan Ahning adalah untuk keperluan kegunaan domestik, bukan untuk pengairan kepada peladang.

Bagi kawasan-kawasan sawah yang terletak di pinggir MADA, Kerajaan menerusi dasar pertanian negara, menggalakkan petani-petani untuk mempelbagaikan tanaman selain daripada padi, khasnya pada tempoh luar musim. Dengan melaksanakan tanaman-tanaman bukan padi luar musim, dijangka dapat memaksimumkan kegunaan sumber air di samping mendatangkan hasil yang lebih lumayan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa kawasan-kawasan di pinggir MADA dirancang untuk ditanam padi dan tanaman kontan sepertimana saya telah faham, tetapi setakat Rancangan Small-

scale yang dijalankan ini, tidak pernah ada usaha-usaha dari mana-mana Jabatan untuk menanam kontan dan padi. Malah apa yang dilakukan di kawasan yang saya maksudkan iaitu di kawasan Budi, di Jabi, di Pendang dan di kawasan Bata, adalah pihak JPS sedang cuba menjalankan projek tanaman padi dua kali setahun. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan akan mengubah dasar iaitu supaya MADA dapat membekalkan air daripada southern and northern main canalsnya, dengan izin, kepada kawasan-kawasan ini, kerana kawasan ini adalah di tepi dengan air yang banyak tetapi tidak dapat, "so near, yet so far". Dan ini akan mendatangkan implikasi yang buruk terhadap rakyat yang telah 15 tahun melihat air di tepi tangga tetapi tidak dapat mengguna.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat dari Padang Terap itu memang bagus, tetapi ini tergantung kepada keupayaan sungai-sungai ataupun saluran-saliran yang tertentu. Keupayaan maksima untuk kolam MUDA dan Pedu hanya adalah 780 juta meter padu sahaja manakala keperluan air purata untuk menanam padi dua kali setahun untuk kawasan MADA dianggarkan sebanyak 800 juta meter padu. Jadi, dengan kedua ampangan ini kita pun tidak dapat bekalkan air yang mencukupi bagi seluruh kawasan MADA. Jadi, dengan kedua ampangan ini tidaklah dapat kita memperluaskan saluran air itu kepada pinggir-pinggir MADA.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah bekas pegawai MADA dan sebenarnya kapasiti dua-dua ampangan itu ialah 1 juta ekar kaki. Dan apabila MADA mewujudkan Program MADA II pada lapan tahun yang lalu, MADA II sepatutnya menyelamatkan air sebanyak 25%. Jadi, soal air tidak ada, tidak berbangkit kerana MADA II telah menggunakan wang \$300 juta untuk meningkatkan kepada saluran dan parit ataupun "canal intensity" dari 30 meter ke 100 meter

sehektar. Jadi, jawapan menyatakan tidak cukup air mungkin tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya terima ini keupayaan untuk kolam MUDA dan Pedu. Pada masa biasanya ialah 740 juta meter dan bukan 100 juta ekar kaki. Dan mengikut maklumat yang saya dapati, maksima keperluan untuk kawasan MADA ialah 800 juta meter padu. Jadi, dengan dua ampangan ini kita tidak dapat memperluaskan pengairannya.

Berkenaan dengan ampangan Ahning itu, ianya untuk menggunakan domestik sahaja, bukan untuk kegunaan peladang-peladang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, semua kawasan pilihanraya saya adalah di dalam kawasan MADA. Tetapi hampir 1/4 daripada kawasan ini tidak mendapat kemudahan pengairan daripada MADA. Malangnya, pihak Kerajaan telah mengenakan cukai air kepada kawasan-kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan MADA. Jadi, soalan saya apakah Kerajaan ingin tidak mengenakan bayaran cukai air kepada kawasan-kawasan yang tidak mendapat kemudahan air daripada ampangan Muda tadi ataupun Kerajaan ingin membayar balik kepada petani-petani yang telahpun membayar cukai air bagi kawasan-kawasan yang tidak mendapat bekalan air tetapi dikenakan cukai air oleh kerana mereka berada di kawasan MADA. Saya minta Yang Berhormat menjawab "ya". (*Ketawa*)

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya sudah pun saya menerangkan bahawa semua kawasan pengairan dalam MADA mendapat bekalan dari ampangan-ampangan kawasan MADA.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, semua kawasan pilihanraya saya Arau adalah di dalam

kawasan MADA. Saya tahu, malah kawasan keluarga saya pun di dalam kawasan MADA dan saya tahu mereka tidak mendapat bekalan air, tetapi mereka dikenakan cukai air seperti kawasan yang mendapat bekalan air daripada MADA. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi jawapan patutkah mereka ini dikenakan cukai? Itu satu.

Yang keduanya, patutkah mereka dibayar balik cukai yang telah dibayar kepada Kerajaan oleh kerana tidak mendapat bekalan air daripada MADA? MADA dapat dua kali setahun, tetapi mereka ini dapat sekali sahaja ataupun 1 1/2. Maksudnya padi yang 1/2 lagi tidak menjadi kerana tidak cukup air.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat boleh beritahu kawasan-kawasan yang tidak mendapat bekalan air daripada skim MADA itu, saya boleh menyasat balik tuntutan itu. Tetapi pada pengetahuan saya, cukai air dikenakan oleh Kerajaan Negeri dan bukan Kerajaan Pusat. Jadi, saya tidak mampu menjawab soalan itu.

GETAH DAN KOKO— KEMEROSOTAN PENDAPATAN EKSPORT

4. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) kenapa pendapatan eksport daripada getah dan koko merosot bagi tempoh Januari hingga November 1989 walaupun negara mencatat imbalan dagangan lebihan \$6,344 juta; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kemerosotan tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi kebiasaan bagi pendapatan eksport sesetengah komoditi menurun sementara yang lain-lain meningkat dalam sesuatu tahun. Bagi komoditi pada kese-

luruhannya kecuali petroleum dan gas, jumlah pendapatan negara dalam tahun 1989 dianggarkan berjumlah 21.2 billion berbanding dengan 20.1 billion dalam tahun sebelumnya. Walaupun pendapatan daripada getah dan koko telah menurun dalam tahun 1989, namun pendapatan eksport bagi minyak sawit dan produk minyak sawit, perhutanan dan kayu-kayan termasuk galian adalah tinggi dan keadaan ini telah mengimbangkan kekurangan pendapatan eksport dari getah dan koko.

Pendapatan eksport daripada koko dan getah dalam tahun 1989 adalah lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya terutamanya disebabkan oleh harga bahan tersebut yang rendah di pasaran antarabangsa. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, getah dan koko didagangkan di pasaran antarabangsa, dan oleh yang demikian harganya adalah dipengaruhi oleh keadaan penawaran dan permintaan di pasaran dunia.

Sebagai langkah untuk mengukuhkan harga getah asli, Malaysia bersama dengan negara-negara penge-luar lain dan pengguna getah asli telah menubuhkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) untuk menstabilkan harga dan setakat ini INRA yang kedua telah pun dikuatkuasakan. Dalam hubungan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah sekarang ini berada di paras di mana Pengurus Stok Penimbal Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) mempunyai kuasa untuk membeli getah dari pasaran bagi memastikan bahawa harga getah asli tidak terus menurun di bawah paras harga yang merugikan. Berdasarkan pengalaman yang lepas di bawah INRA yang pertama, pembelian getah oleh Pengurus Stok Penimbal semasa tempoh kemelesetan ekonomi dunia sekitar tahun 1982 telah berjaya menahan harga getah asli daripada terus merosot. Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan termasuklah mempertingkatkan mutu getah terutamanya keluaran pekebun-pekebun

kecil, sebagaimana yang dilakukan oleh MARDEC, menggalakkan aktiviti-aktiviti pemerosesan hiliran bagi meningkatkan nilai tambah iaitu "value added" dan mempergiatkan lagi aktiviti R & D bagi meningkatkan daya saing getah Malaysia di pasaran antarabangsa.

Mengenai koko pula, walaupun Perjanjian Koko Antarabangsa telah berusaha untuk menstabilkan harga, namun harga koko berada di tahap yang rendah kerana wujudnya ketidakseimbangan struktur di antara penawaran dan permintaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sukacita saya memaklumkan bahawa penggunaan dunia bagi koko telah meningkat pada kadar 3.5% setahun. Justeru itu bagi memulihkan harga koko di pasaran antarabangsa, negara-negara pengeluar perlu mengambil langkah bagi mengurangkan pengeluaran dan stok koko dunia. Dalam konteks ini, perlu dimaklumkan bahawa Malaysia mengeluarkan hanya 10% daripada pengeluaran koko dunia dan Ivory Coast serta Brazil masih merupakan negara pengeluar utama. Memandangkan industri koko memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara, Kerajaan baru-baru ini telah menubuhkan Lembaga Koko Malaysia bertujuan untuk meningkatkan mutu biji koko Malaysia dan mempergiatkan aktiviti pemasaran bagi memastikan bahawa biji koko Malaysia tidak dijual pada harga diskaun berbanding dengan koko dari lain-lain negara. Dalam hubungan ini, sepertimana juga dengan industri getah asli dan lain-lain komoditi, Kerajaan memberi peruntukan kewangan kepada Lembaga Koko Malaysia untuk mempergiatkan aktiviti R & D bagi mencapai objektif tersebut.

Kerajaan juga menggalakkan aktiviti pemerosesan hiliran bagi memperluaskan penggunaan koko di samping mempergiatkan promosi pasaran untuk mengukuhkan pasaran yang sedia ada dan mendapatkan pasaran baru umpamanya di Korea Selatan, China dan Jepun.

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah objektif-objektif dan tanggungjawab utama Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung Malaysia semenjak Akta LPKP 1987 berkuat kuasa pada 1 Januari, 1988. Sebanyak manakah lesen baru yang telah dilulus, membaharui lesen dan ubah syarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tahun 1988 dan 1989.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab dan objektif Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) menentukan supaya bekalan kenderaan perdagangan mencukupi dan dapat memenuhi keperluan serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan mengikut keadaan dan perkembangan semasa;
- (b) menentukan supaya industri pengangkutan berkembang dengan maju berasaskan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru; dan
- (c) menetapkan dasar berkaitan dengan hal ehwal kenderaan perdagangan bagi Semenanjung Malaysia.

Untuk mencapai objektif tersebut Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia memproses, menimbang dan meluluskan lesen-lesen baru, membaharui lesen dan ubah syarat lesen bagi lesen-lesen kenderaan perdagangan di Semenanjung Malaysia. Lembaga juga melakukan kajian, perancangan dan pembangunan yang berhubung dengan pengangkutan awam dan barang-barang di Semenanjung Malaysia. Di samping itu,

Lembaga juga melaksanakan tugas-tugas pengesanan dan mengambil tindakan berhubung dengan penguatkuasaan ke atas pemegang-pemegang lesen yang melanggar undang-undang dan syarat-syarat lesen.

Jumlah lesen yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1988 dan 1989 untuk semua kelas lesen adalah seperti berikut:

	1988	1989
Lesen Baru	5,377	9,226
Membaharui	13,848	11,773
Ubah syarat	7,773	7,494
JUMLAH	26,998	28,493

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pekerja-pekerja kilang di negeri Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai sedang menghadapi masalah kekurangan bas kilang dan jika ia, apakah usaha yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar mengenai masalah bas kilang ini dan untuk makluman perbandingan, dalam tahun 1988 sebanyak 60 kelulusan baru bagi bas kilang tetapi dalam tahun 1989 jumlah ini bertambah kepada 430, iaitu hampir hampir lapan kali ganda dan Kementerian, khususnya Lembaga, sedang memproses permohonan-permohonan baru.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara objektif yang kedua Lembaga Pelesenan tadi ialah untuk memajukan pengangkutan di samping memberi kemudahan kepada rakyat. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kriteria yang dipakai untuk mendapat lesen-lesen baru, oleh kerana ianya tidak menyebut dalam tiga objektif

tadi, tidak menyebut kepada siapa yang patut diberi, kepada SAUJANA atau sebagainya? Jadi, saya ingin bertanya apakah kriteria yang dipakai dalam pemberian lesen baru?

Yang kedua, apakah Yang Berhormat sedar oleh kerana Lembaga ini berada di Kuala Lumpur, mereka tidak dapat menentukan keperluan di Lapangan-terbang? Apakah yang Yang Berhormat sedar sekarang ini di Lapangan-terbang, pihak berkuasa Lapangan-terbang terpaksa mendapatkan teksi-teksi luar yang bukan teksi Lapangan-terbang untuk menampung keperluan di Terminal 2 dan juga di Terminal 1, terutamanya pada hari-hari minggu? Itu soalan saya.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria pemberian lesen adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah kita tentukan, dasar-dasar yang kita tentukan termasuk, yang pertama, ianya mestilah memenuhi keperluan, misalnya keperluan sama ada pengangkutan itu diperlukan di tempat-tempat yang berkenaan. Yang kedua, pemohon-pemohon telah mempunyai kelayakan seperti modal dan juga pengetahuan dan juga pengalaman. Di samping itu, kita mahu menentukan yang lesen-lesen itu tidak dipajak, bahkan diusahakan sendiri. Dalam banyak hal, Kementerian telahpun memberi kan kelonggaran untuk menentukan supaya lesen-lesen baru ini dapat diberikan untuk memenuhi kehendak-kehendak keperluan ekonomi semasa yang sedang berkembang setakat ini.

Di samping itu, Kementerian khususnya Lembaga juga menentukan supaya kecakapan perkhidmatan yang baik diuruskan dan ini memerlukan pengawasan dan pentadbiran yang cekap. Oleh sebab itu, kajian-kajian sentiasa dibuat untuk menentukan supaya kecemerlangan perkhidmatan ini dicapai.

Mengenai kekurangan teksi di Lapangan-terbang—saya faham mungkin dimaksudkan Lapangan-terbang Subang—perkara ini berlaku dahulu,

sekarang ini tidak lagi berlaku kerana pihak pengusaha-pengusaha Lapangan-terbang Subang telahpun diluluskan dengan jumlah lesen-lesen baru khususnya bagi lesen limousine. Dan juga pihak Lapanganterbang memberikan kelulusan kepada teksi-teksi luar untuk membantu—itu sebenarnya dasar - untuk membantu keperluan teksi-teksi di Lapanganterbang Subang khususnya Terminal 2, sekiranya memerlukan. Ini memang ada hubungan yang bersefahaman di antara teksi-teksi Lapanganterbang dan limousine dengan teksi-teksi luar. Di masa-masa tertentu memang dibenarkan mereka membawa passenger-passenger daripada Lapanganterbang Subang di Terminal 2.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

(Soalan No.6 Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Johari tidak hadir)

GAJI BULANAN PEKERJA ESTET

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim gaji bulanan minima bagi pekerja-pekerja estet di negara ini.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan penetapan gaji melalui persetujuan yang dicapai melalui rundingan di antara majikan dan pekerja, melainkan dalam beberapa jenis pekerjaan di mana pihak pekerja kurang keupayaan berbuat demikian maka Majlis-majlis Gaji ditubuhkan bagi menentukan syarat-syarat pekerjaan yang minimum.

Di dalam sektor perladangan di mana pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja berdasarkan kadar harian, memang telah wujud di bawah Seksyen 16, Akta Kerja 1955 peruntukan untuk menjamin bilangan hari bekerja minimum

sebanyak 24 hari dalam satu bulan atau jika pekerjaan tidak ditawarkan, gaji untuk 24 hari perlu dibayar kepada mereka sebagai ganti. Baru-baru ini pihak Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) telah bersetuju tentang cara-cara pelaksanaan peruntukan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kerajaan pernah mendapat cadangan-cadangan dari pihak kesatuan-kesatuan mengenai mengadakan undang-undang untuk gaji bulanan minimum untuk pekerja-pekerja estet?

Kedua, adakah pihak Kerajaan pernah mengadakan kajian melalui apa-apa jawatankuasa dan lain-lain mengenai perkara ini?

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan untuk gaji bulanan, perkara ini sentiasa dikaji oleh Kementerian dari masa ke semasa. Mengenai dengan, Tuan Yang di-Pertua, apakah soalan yang kedua?

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada perkara ini pernah dikaji oleh Kerajaan, dan kalau pernah, apakah jenis kajian yang dibuat dan siapa yang membuat kajian itu?

Tuan Kalakau Untol: Buat masa ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak majikan dan pekerja adalah diharapkan bahawa gaji itu adalah di bawah perundingan di antara pekerja dengan majikan dan perkara itu tidak timbul buat ketika ini.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan sokong permintaan yang dibuat oleh NUPW iaitu mendapat gaji bulanan minima sebanyak \$350. Ini adalah satu jumlah atau satu permintaan yang harus dipertimbangkan memandangkan bahawa Kerajaan telah

menetapkan \$350 sebagai satu jumlah yang di paras kemiskinan, ini yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, memandangkan bahawa skim yang dicadangkan oleh MAPA kepada NUPW bahawa mereka akan menerima gaji harian yang diadakan sekarang ditukarkan kepada gaji bulanan dengan conversion, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 24 hari dan ini akan menjadikan jumlah gaji bulanan sebanyak \$192 sahaja. Dan sama ada pihak Kerajaan menyokong permintaan atau cadangan yang dibuat oleh MAPA. Adakah usaha ini selari dengan usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan memandangkan bahawa paras kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan sendiri adalah \$350 sebulan?

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, kesemua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah termasuk dalam agenda-agenda dalam perbincangan NUPW dan MAPA sekarang ini dan pihak Kementerian berpuas hati dengan kemajuan yang telah dicapai dalam masa perundingan selama 10 kali sesudah itu dan oleh kerana perbincangan masih diteruskan, maka saya tidak dapat memberi maklumat.

Tuan Lim Guan Eng: Pendirian Kerajaan, itulah soalan saya.

Tuan Kalakau Untol: Kerajaan akan menggalakkan

Tuan Lim Guan Eng: Pendirian Kerajaan.

Tuan Kalakau Untol: Kerajaan memang menggalakkan rundingan damai di antara pekerja dan majikan, apa yang dipersetujui dan tidak dipersetujui. Jika menemui jalan buntu, Kerajaan akan membuat pendirian menyelesaikan perkara ini.

UNDI SECARA POS

8. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) oleh kerana banyak keraguan tentang kelicinan dan kebebasan undi pos—misalnya tidak ada jaminan kertas undi sampai ketangan pengundi yang berkhidmat dihutan, pengundi bebas memilih calon yang disukai tanpa sebarang paksaan dan lain-lain, apakah usaha SPR bagi memastikan peraturan dan prinsip pengundian itu berjalan baik;
- (b) jika tempoh antara penamaan calon hingga hari mengundi cuma 9 hari dan undi pos mesti sampai ke pihak pengurus pilihanraya kawasan sebelum hari mengundi, bagaimana sistem yang ada membolehkan kertas undi tiba kepada pengundi dan dikembalikan dalam tempoh waktu yang cukup. Sila terangkan cara kertas undi disampaikan kepada petugas di kedutaan dan konsulat luar negeri, bagaimana kertas disampaikan kepada askar dan polis di hutan; dan
- (c) apakah Kerajaan bersetuju membenarkan pengundi yang terdiri dari keluarga polis dan askar yang tinggal di luar kawasan keselamatan mengundi seperti pengundi biasa bagi memastikan mereka mengundi secara bebas dan diperhatikan oleh wakil-wakil calon.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, setakat hari pengundian secara pos berjalan dengan baik dan saya difahamkan belum ada bukti bahawa penyelewengan telah berlaku. Tempoh sembilan hari yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dalam soalan tersebut bukanlah merupakan peraturan yang tetap.

Mengikut peruntukan undang-undang, tempoh minima di antara hari penamaan calon dengan hari mengundi ialah tujuh hari. Oleh itu, Suruhanjaya Pilihanraya boleh menetapkan sebarang tarikh hari pengundian dengan syarat ianya tidak lebih awal dari tujuh hari dari hari penamaan calon tetapi tidak melebihi 60 hari dari tarikh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan bagi seluruh negara kecuali bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak tidak melebihi 90 hari dari tarikh Dewan Undangan Negeri dibubarkan.

Kertas-kertas undi bagi pemilih-pemilih yang bertugas di Kedutaan Malaysia di luar negeri disampaikan melalui Wisma Putra manakala kertas-kertas undi bagi anggota-anggota tentera disampaikan melalui Kementerian Pertahanan dan kertas-kertas undi bagi Polis disampaikan melalui Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Saya difahamkan mereka mempunyai jentera dan keupayaan bagi mengendalikan urusan ini di mana undi-undi hendaklah disampaikan kepada Pengurus Pilihanraya pada hari membuang undi.

Peraturan yang berkuatkuasa sekarang ialah isteri/suami anggota Polis mengundi secara biasa sementara isteri/suami anggota tentera mengundi secara pos. Peraturan ini telah berjalan dengan baik dan licin dan setakat ini tidak ada cadangan untuk mengubahnya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hanya ingin jaminan daripada pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai dakwaan sama ada rasmi atau tidak mengenai keputusan pilihanraya Sebandi tahun 1987

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di dalam ini tidak boleh

mengagak-agak. Kalau betul kata betul, tidak boleh mengagak-agak dalam soal

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak suruh supaya dibetulkan, kerana pihak Kementerian, saya rasa

Tuan Yang di-Pertua: Yang bertanya itu kena tahu fact yang sebetulnya, barulah boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Yang sebetulnya ialah undi pos itu lebih kurang, itupun agak-agaklah itu (*Ketawa*). Undi pos itu 800 lebih sedangkan yang keluar bekerja di Jabatan Polis, askar 30 orang lebih. Jadi, adakah ini dapat disiasat dan Yang Berhormat beri jaminan kepada saya sama ada ini betul atau tidak.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, susah kita hendak beri jaminan kepada perkara yang mengguna atau berupa "anggapan" sahaja. Kalau Ahli Yang Berhormat bersedia mengeluarkan bukti-bukti yang jelas mengenai perkara ini, insya Allah, saya akan menyiasat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak yang berkenaan sedar ada dua perkara berlaku. Pertama biasanya undi ini dipanggil dan dipaksa supaya pangkah di hadapan pegawai yang tertentu (*Tepuk*). Perkara ini saya boleh buktikan. Dan satu lagi undi ini kalau tidak dapat dipangkah di hadapan pegawai yang tertentu maka akan dibuka pula pada ketika lain, dan dikoyak kertas undi itu dan diganti dengan kertas undi yang lain (*Tepuk*). Yang ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dua cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Satu sahaja lagi. Mengapa tidak boleh panggil wakil calon atau calon

bersama semasa memangkah undi itu? Tidakkah itu lebih selamat dan lebih baik tidak menimbulkan sebarang kecurigaan? (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Panggil wakil calon masuk hutan semua, ya? (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak sedar mengenai beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Memanglah kita tidak berkeupayaan hendak membawa wakil-wakil calon masuk dalam hutan, terutama sekali dalam hutan Sarawak. Saya tidak faham bagaimana perkara yang dituduh oleh Yang Berhormat itu boleh berlaku iaitu kalau pangkah itu tidak betul, tidak kepada orang yang dikehendaki oleh pihak yang ditentukan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat maka undi baru akan dikeluarkan, padahal bilangan undi yang dikeluarkan hanya cukup untuk bilangan pengundi dan tiap-tiap nama pengundi yang telah diberi kertas undi ditandakan dan undi itu adalah rahsia.

JAWATANKUASA PETUGAS ASEAN

9. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan kejayaan yang sebenar yang dicapai oleh Jawatankuasa Petugas ASEAN untuk menentukan ada kerjasama politik yang lebih erat di antara kelima-lima negara termasuk juga mengadakan lebih banyak penyelarasan di mesyuarat-mesyuarat antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Petugas ASEAN yang ditubuhkan di Mesyuarat Ke-Lima Belas Menteri-Menteri Luar ASEAN pada pertengahan tahun 1982, bertanggungjawab untuk mengkaji dan membuat penaksiran yang menyeluruh mengenai kerjasama ASEAN. Jawatankuasa

tersebut telahpun selesai menjalani kajiannya pada pertengahan tahun 1984.

Ekoran daripada itu, Mesyuarat Ke-Tujuh Belas Menteri-Menteri Luar ASEAN telah diadakan pada pertengahan tahun 1984 telah mengarahkan Setiausaha Agung Urusteria ASEAN dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap ASEAN dan lain-lain badan ASEAN yang berkenaan untuk mengambil langkah sewajarnya untuk melaksanakan pelbagai cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Petugas ASEAN yang telah pun dipersetujui oleh Mesyuarat Ke-Tujuh Belas Menteri-Menteri Luar ASEAN untuk mempertingkatkan lagi kerjasama yang lebih erat di antara negara-negara dalam ASEAN.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah butir-butir kerjasama yang telah dibincangkan itu dan adakah pihak ASEAN akan mengadakan Jawatankuasa Petugas Khas untuk membincangkan butir-butir kerjasama ekonomi yang mana ASEAN ditubuh dulu pada asas kerjasama ekonomi bukan politik.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini khusus bertanya tentang kerjasama politik antara negara-negara ASEAN, sesungguhnya butir-butir berkenaan dengan semua masalah politik di peringkat kedaerahan mahupun antarabangsa dibincangkan dengan negara-negara dalam ASEAN. Sesungguhnya ASEAN merupakan sebuah rangkaian negara-negara yang setempat yang benar-benar kini menunjukkan prestasi yang tinggi dalam kerjasama politik antara negara-negara dalam satu kawasan.

Tentang Jawatankuasa Petugas berkenaan dengan ekonomi walaupun tidak berkenaan dengan soalan ini, sesungguhnya pihak ASEAN melalui Sidang Kemuncak 1987 telah pun menekankan pentingnya kerjasama

ekonomi di antara negara-negara ASEAN dan pelbagai-bagai committee atau jawatankuasa petugas telah dibentuk untuk mempasti dan membincangkan masalah kerjasama ekonomi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa satu jawatankuasa petugas telah pun berbincang pada tahun 1982 untuk menentukan kerjasama politik di antara negara-negara ASEAN. Saya ingin tahu sama ada jawatankuasa ini telah membincangkan isu Sabah yang pada pengetahuan kita masih lagi belum selesai. Jadi sama ada isu ini telah pun dibincangkan dan apakah keputusan daripada perbincangan untuk mengeratkan lagi kerjasama politik di antara negara-negara ASEAN ini.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, masalah Sabah itu adalah masalah dua hala di antara Malaysia dengan negara Filipina. Maka jawatankuasa yang dibentuk itu adalah di antara kedua negara dan tidak meliputi ASEAN pada keseluruhannya. Kini, kita masih lagi berbincang terhadap masalah Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir)

HAKIM MAHKAMAH TINGGI, SURUHANJAYA KEHAKIMAN— JUMLAH

11. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kehakiman menyatakan berapa ramaikah Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Suruhanjaya Kehakiman dan Hakim-hakim Mahkamah Tengah akan dilantik pada tahun ini. Berapa ramaikah akan dilantik daripada Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman dan Hakim Mahkamah Sesyen akan dilantik pada tahun ini tidak dapat ditentukan setakat ini. Ini adalah kerana perlantikan-perlantikan dibuat berdasarkan beberapa fakta seperti adanya kekosongan atau adanya calon-calon yang sesuai dan berpengalaman sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mahu mendapat tahu sahaja sama ada kemungkinan wujud sekarang untuk Peguam Negara kita dilantik sebagai salah satu Hakim di Mahkamah Agung. Adakah betul bahawa CJ sekarang sedikit menderita kerana sakit, maka kemungkinan juga wujud untuk A.G. untuk dijadikan C.J. pada akhirnya. Adakah ini betul atau tidak betul.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Inilah kali pertama saya mendengar berita ini.

KEBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN

12. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab kebocoran Kertas Peperiksaan berlaku baru-baru ini. Apakah langkah diambil untuk menentukan kebocoran tidak berlaku lagi.

21. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah Peperiksaan SRP, SPM dan STPM pada tahun 1990 ini dijamin tidak akan dialami lagi dengan suatu skandal "Bocor Soalan" sebelum pelaksanaan peperiksaan tersebut. Apakah tindakan yang Kementerian sudah ambil tentang pegawai-pegawai yang disyak terlibat dalam kegiatan "Bocor Soalan Peperiksaan" tahun 1989. Sedarkah Menteri Pendidikan bahawa kepercayaan dan keyakinan negara-negara

lain atas keputusan-keputusan peperiksaan pelajaran Malaysia akan menurun lagi. Nyatakan adakah rancangan Kementerian memastikan ketauliahian sijil-sijil Peperiksaan Pelajaran Malaysia tidak akan ditarik balik oleh pihak-pihak berkuasa di lain-lain negara seperti yang terjadi kepada Ijazah Peperiksaan Sarjana Muda Perubatan (MBBS) di Universiti Malaya kita di mana "The General Medical Council of Britain" (GMC) telah menarik balik ketauliahannya.

5-3-90

28. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah berlaku kebocoran soalan peperiksaan SPM pada tahun lalu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan, supaya perkara seperti itu tidak berulang lagi.

50. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan yang telah dijalankan ke atas kes kebocoran soalan peperiksaan SPM tahun lepas; dan
- (b) berdasarkan hasil penyiasatan tersebut, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan perkara tersebut tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu kebocoran soalan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan adalah seperti berikut:

<i>Ahli Yang Berhormat</i>	<i>Tarikh</i>
Y.B. Tuan Douglas Uggah Embas	2-3-90
Y.B. Dr Eng Seng Chai	2-3-90
Y.B. Tuan Law Lai Heng	5-3-90
Y.B. Tuan M. G. Pandithan	5-3-90

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab kesemua soalan tersebut sekaligus seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Woon See Chin:

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa berjaga-jaga dan berusaha untuk mempertingkatkan peraturan keselamatan di semua peringkat serta memastikan agar semua peraturan dipatuhi. Walau bagaimanapun, kebocoran soalan peperiksaan tidak dapat dielakkan kerana penyediaan dan pengedaran kertas soalan peperiksaan melibatkan ramai pegawai dan adalah sukar untuk menghapuskan kebocoran jika terdapat kakitangan yang tidak jujur dan ikhlas. Walau bagaimanapun, selepas kebocoran yang baru berlaku pada tahun 1989, Kementerian Pendidikan sudah mempertingkat dan memperketatkan lagi kawalan terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan yang akan terlibat dalam penyediaan dan pengedaran kertas soalan peperiksaan.
- (b) Hasil daripada penyiasatan polis, dua orang kakitangan telah didakwa oleh pihak pengadilan dan perbicaraan masih belum selesai. Oleh kerana perkara ini masih dalam *sub judice*, dengan izin, Kementerian Pendidikan tidak dapat memberikan sebab-sebab berlakunya kebocoran kertas peperiksaan.
- (c) Pihak Kementerian Pendidikan juga yakin bahawa pengiktirafan pihak luar terhadap sijil-sijil peperiksaan Malaysia tidak terjejas kerana kebocoran kertas soalan jarang sekali berlaku.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pen-

didikan, bagi menentukan supaya tidak ada lagi kebocoran pada masa depan, apakah Kementerian Pendidikan ber-cadang untuk melibatkan pihak polis sama dalam menentukan keselamatan kertas-kertas peperiksaan sesudah ianya siap dicetak sebelum peperiksaan dimulakan dan apakah jaminan tegas supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, langkah biasa Kementerian Pendidikan memang melibatkan polis untuk mengawal kertas soalan peperiksaan. Kertas soalan peperiksaan ada juga disimpan di bilik kebal di balai polis dan sebagainya dan dalam masa mengedar kertas-kertas soalan peperiksaan ini dari satu tempat ke satu tempat, kita ada menjemput polis untuk mengiringi kertas-kertas soalan seperti yang disebutkan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kertas-kertas peperiksaan ini dicetak di dalam negara ini. Saya ingin tahu apakah langkah yang boleh dibuat untuk menentukan supaya pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang bekerja di kilang percetakan itu pula tidak membocorkan rahsia kertas peperiksaan kepada orang luar. Pihak polis mengawal kertas peperiksaan selepas cetak, itu satu perkara. Tetapi apakah tindakan untuk menentukan semasa dicetak itu pegawai serta pekerja-pekerja yang terlibat itu mungkin juga membocorkan perkara ini. Apakah tindakan Kementerian?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membentulkan iaitu Sijil Peperiksaan Malaysia itu adalah dicetak di luar negeri dan Sijil Rendah Pelajaran adalah dicetak di dalam negeri sahaja. Kementerian Pendidikan sentiasa memilih kakitangan-kakitangan yang kita yakin akan bertanggungjawab, jujur dan ikhlas.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan berharap generasi baru kita

pada masa hadapan dapat mempertingkatkan moraliti mereka dan kursus seperti pendidikan agama, pendidikan moral dititikberatkan di sekolah rendah dan juga diteruskan di sekolah menengah. Kita harap dengan usaha-usaha seperti yang kita jalankan dan dengan kerjasama semua ahli-ahli masyarakat, kita dapat mempertingkatkan moraliti generasi baru kita.

PEGAWAI PENJARA—TUGAS

13. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai muda berijazah di penjara diberi tugas yang sensitif yang terdedah kepada sogokan dan rasuah wanita. Jika tidak benar, apakah punca sebenar kebanyakan kes banduan melepaskan diri dari penjara dan dalam kes yang terbukti memberi layanan istimewa kepada banduan-banduan tertentu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa tugas-tugas pegawai-pegawai penjara termasuklah pegawai-pegawai muda berijazah adalah terlibat dengan penjagaan, pengawasan dan kerja-kerja pemulihan orang-orang yang menjalani hukuman di penjara-penjara atau orang-orang tahanan di pusat-pusat tahanan. Dalam keadaan yang sedemikian, tidak dapat tidak, pegawai-pegawai penjara bersemuka dengan bantuan atau orang-orang tahanan pada tiap-tiap hari dan sering berurusan juga dengan keluarga-keluarga banduan atau orang-orang tahanan mengenai masalah-masalah bantuan atau orang-orang tahanan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, apa juga tugas yang ada kaitan dengan urusan secara langsung dengan manusia, maka timbullah anggapan bahawa mereka mudah disogok dengan apa juga sogokan. Walau bagaimanapun, tidak terdapat

bukti-bukti pegawai penjara terlibat dengan sogokan sebagaimana yang diadakan.

Punca sebenar banduan melarikan diri adalah seperti berikut:

- (i) keadaan fizikal bangunan penjara yang telah lama dan terdapat banyak yang telah rosak;
- (ii) kesesakan dalam penjara-penjara yang menimbulkan keresahan di kalangan banduan;
- (iii) peluang kerja di luar disalahgunakan oleh banduan untuk melarikan diri;
- (iv) kelalaian kawalan pegawai-pegawai penjara.

Mengenai layanan istimewa kepada banduan, keadaan ini sepatutnya tidak berbangkit oleh kerana peraturan penjara tidak membezakan layanan yang diberi kepada banduan-banduan. Walau bagaimanapun, jika terdapat bukti-bukti yang mencukupi bahawa peraturan itu tidak dipatuhi, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pegawai yang berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada hakikat bahawa banyak masalah-masalah telah berlaku dalam penjara di negara kita, seperti kes banduan melarikan diri, kes menghisap dadah dan juga masalah yang lain, saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kerajaan ada rancangan untuk merombak semula sistem penjara negara kita dan memperkenalkan reformasi radikal untuk memperbaiki keadaan di dalam penjara?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dimaklum bahawa satu tindakan yang begitu radikal telah kita lakukan di mana kita telah menukarkan seorang pegawai kanan polis untuk mengambil alih jawatan Ketua Pengarah Penjara yang mana ini tidak pernah dilakukan di masa-masa yang lalu. Adalah di

harapkan dengan adanya seorang pegawai kanan polis yang begitu berpengalaman dari segi disiplin dan sebagainya dapat menukarkan corak pentadbiran penjara dan menentukan bahawa apa yang telah berlaku di masa-masa yang lepas tidak akan berlaku lagi. Di samping itu kita juga akan menentukan dari segi bahagian pembangunan dan juga bahagian kewangan penjara. Kerajaan sedang menimbangkan adakah perlu dihantar pegawai-pegawai dari PTD yang berpengalaman untuk mengambil alih jawatan ini agar menyelaraskan dari segi fizikal bangunan penjara dan juga menentukan bahawa sistem kewangan dan sistem pentadbiran penjara adalah dalam keadaan terkawal.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan bahawa ada berlaku sogokan dan rasuah wanita terhadap pegawai-pegawai penjara adalah dibuat oleh seorang bekas Pengarah Penjara Negeri dan daripada jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi jelas menunjukkan bahawa tuduhan itu tidak berasas sama sekali. Jadi, apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri terhadap seorang pegawai yang telah pun mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas yang boleh mengaibkan Kerajaan di dalam satu-satu Kementerian?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya tidak ada satu-satu peraturan yang boleh Kerajaan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang telah pun bersara, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan peraturan-peraturan yang sedemikian?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian telah pun menyelidik perkara ini dan telah pun menemui bekas pegawai tersebut dan bekas pegawai tersebut telah mengatakan bahawa ini berlaku masa beliau muda-muda dahulu pada

tahun 60an tetapi tidak berlaku pada masa ini. Dengan sebab itu, tidak timbullah tentang mewujudkan Badan Tatatertib dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

(Soalan No. 14 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir).

**PENUNTUT ASING KE
UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA—KELAYAKAN
MASUK**

15. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Osman minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kelayakan masuk yang diperlukan mengikut syarat yang ditetapkan kepada penuntut-penuntut dari luar negeri yang ingin masuk ke Universiti Islam Antarabangsa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan masuk yang disyaratkan kepada pelajar-pelajar luar negeri bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa ialah memiliki General Certificate of Education (GCE), A Level atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Senat Universiti tersebut. Selain daripada itu, pelajar-pelajar luar negeri dikehendaki juga membuktikan bahawa mereka dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik seperti lulus Test of English As a Foreign Language, dengan izin, sekurang-kurangnya dengan pencapaian 500 markah atau mempunyai Sijil Kelayakan bahasa Inggeris yang diiktiraf oleh Senat Universiti berkenaan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan memberitahu Dewan ini sekarang ada berapa pelajar-pelajar

asing sedang belajar di universiti-universiti negara kita?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pada sesi 1987 hingga 1988 ialah 117 orang, sesi 1988 hingga 1989 ialah 140 orang dan sesi 1989 hingga 1990 ialah 1,057 orang, dibandingkan dengan jumlah pengambilan pada tahun 1989 hingga 1990 ialah 1,665 orang. Ini bererti pengambilan pada tahun ini ialah 9% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, masa soal jawab sudah habis.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 10, 14 dan 16 hingga 53 adalah diberi di bawah ini.)

**TABUNG PUSINGAN BEKAS
PERAJURIT**

6. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah tabung pusingan atau "outright grant" kepada bekas-bekas perajurit untuk membantu mereka dalam memulakan "hidup baru" selepas meninggalkan lapangan ketenteraan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan tabung pusingan atau "outright grant" kepada bekas-bekas perajurit untuk membantu mereka dalam memulakan "hidup baru" selepas meninggalkan lapangan ketenteraan. Ini adalah kerana setiap anggota tentera telah dibekalkan dengan sejumlah ganjaran ataupun pencen mengikut kadar kelayakan masing-masing apabila mereka tamat perkhidmatan.

Hasrat Kerajaan ialah supaya bekas-bekas perajurit dapat menggunakan wang yang dibekalkan itu dengan sebaik-baiknya dan sekiranya adalah di

kalangan mereka yang berpeluang menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perniagaan mereka itu pula ada berdaya-maju maka Kerajaan bersedia mempertimbangkan bantuan kewangan melalui agensi-agensinya seperti MARA, Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan lain-lain institusi kewangan Kerajaan.

Kerajaan tidak dapat menyediakan "outright grant" dengan izin, bersifat secara guna-habis memandangkan kepada kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan pada masa ini. Walau bagaimanapun sekiranya Yang Berhormat dari Sik dapat mengemukakan cadangan yang lengkap berhubung dengan satu tabung pusingan bagi maksud meningkatkan keupayaan usahawan-usahawan bekas perajurit, Kerajaan mungkin bersedia untuk menimbangkannya, asalkan cadangan tersebut mempunyai tujuan yang baik di samping cara-cara pelaksanaan yang teratur serta memberi manfaat kepada bekas-bekas perajurit yang berkenaan.

PEMBERONTAKAN DI AZERBAIJAN DAN AMERNIA

10. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menjelaskan tentang pemberontakan dan pergaduhan di antara Azerbaijan dan Amernia baru-baru ini:

- (a) apakah sikap Kerajaan kita terhadap pemberontakan tersebut (campurtangan tentera USSR);
- (b) apakah kepentingan kita di sana;
- (c) apakah langkah Kerajaan kita di dalam perkara ini di peringkat PBB.

15-3-90

14. Tuan Haji Ibrahim Ali minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan di atas peristiwa pembunuhan yang dilakukan ke atas Umat Islam oleh tentera Russia di Azerbaijan. Apakah reaksi Kerajaan di

atas peristiwa pembunuhan yang dilakukan ke atas umat Islam oleh tentera Russia di Azerbaijan. Apakah reaksi Kerajaan di atas peristiwa ini dan apakah tindakan yang telah Kerajaan ambil, dan apakah peristiwa ini dibawa ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana Malaysia menjadi anggotanya.

16-3-90

4. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan terhadap:

- (a) kerahan tentera Soviet Union untuk mengawal pemberontakan di Azerbaijan;
- (b) polisi perestroika dan glasnost yang kini diamalkan oleh Kerajaan Soviet Union di bawah pimpinan Mikhail Gorbachev; dan
- (c) setakat manakah ASEAN amnya dan Malaysia khususnya dapat bermanfaat daripada amalan polisi yang tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya pohon izin untuk memberi jawapan sekaligus kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar pada 2-3-1990, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Ali pada 15-3-1990 dan Yang Berhormat Tuan Ong Kee Keat pada 16-3-1990. Soalan-soalan ini berkisar kepada pertanyaan yang sama dan juga berkaitan dengan perkembangan yang sedang berlaku di Soviet Union.

Sekarang ini Soviet Union sedang menghadapi masalah yang rumit di dalam proses reformasinya. Presiden Gorbachev telah memperkenalkan sistem kerajaan yang lebih liberal dan demokratik di Soviet Union. Pada mada yang sama, beliau juga melaksanakan reformasi ekonomi Soviet Union yang mana pada masa sekarang berada di dalam keadaan yang runcing.

Perubahan yang demikian sudah tentu membawa berbagai cabaran dan

masalah. Presiden Gorbachev memerlukan sokongan semua pihak untuk memastikan reformasinya ini berjaya.

Malaysia menyambut baik perubahan-perubahan yang dibuat oleh Presiden Gorbachev. Walaupun reformasi ini menghadapi masalah tetapi saya percaya perubahan-perubahan ini akan memberi satu suasana yang sesuai ke arah kestabilan dan pembangunan di Soviet Union.

Dasar-dasar yang dipopularkan oleh Presiden Gorbachev sudah memberi kesan yang positif terhadap perkembangan yang berlaku di Eropah Timur. Perubahan-perubahan di Eropah Timur telah mengurangkan ketegangan di peringkat antarabangsa dan serantau. Walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil, kita juga akan cuba membantu Soviet Union setakat mana yang terdaya untuk membolehkan Soviet Union bercantum di dalam sistem ekonomi dan perdagangan antarabangsa. Di dalam hubungan duahala, kita juga akan mencari jalan untuk meningkat serta menggalak kerjasama yang lebih erat.

Beberapa projek usahasama antara Malaysia dengan Soviet Union telah ditubuhkan di Malaysia. Projek usahasama ini antara lain termasuklah membuat sarung tangan getah dan barang-barang dibuat dari getah. Syarikat perniagaan (Trading Company) Malaysia—Soviet Union sudah pun beroperasi di mana syarikat ini telah mengeksport minyak kelapa sawit ke Soviet Union. Projek ketiga ialah hospital mata di Langkawi di mana ianya di peringkat perancangan. Semua projek-projek ini akan meningkatkan lagi hubungan duahala.

Mengenai pertelingkahan kaum di Azerbaijan yang mendapat perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkan saya memberi keterangan secara ringkas. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Republik Azerbaijan adalah

salah satu daripada republik Soviet Union di Asia Tengah. Kerajaan merasa kesal terhadap pergaduhan di antara Azeris dan Armenia yang berpunca perebutan wilayah Nagarno-Karabakh. Kerajaan Soviet Union telah memberitahu bahawa mereka terpaksa menambahkan tenteranya ke sana untuk mententeramkan keadaan serta mengelak lebih banyak nyawa yang terkorban. Walau bagaimanapun kita berharap pertelingkahan kaum ini dapat diselesai secara aman dan penyelesaian ini dapat diterima oleh semua pihak yang berkenaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa menyokong prinsip bebas beragama dan cara mengamal hidup masing-masing minoriti kaum Islam baik di Soviet Union atau di Eropah Timur. Sokongan kita ini adalah selaras dengan prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Di dalam hubungan kita dengan Republik Uzbekistan, iaitu salah sebuah lagi republik Soviet Union, di Asia Tengah, kita mengadakan hubungan yang khas dengan republik tersebut untuk meningkat kerjasama Islam dengan mendapat galakan dari Kerajaan Soviet. Y.A.B. Perdana Menteri sendiri telah beberapa kali menerima kunjungan pemimpin-pemimpin dari Uzbekistan selepas beliau melawat republik tersebut pada tahun 1987. Untuk meningkat kerjasama dengan Uzbekistan, kita telah menghantar naskah-naskah mengenai Islam dan merancang pertukaran ahli ulamak di antara Malaysia dengan republik tersebut.

Pada tahun ini kita juga telah menjemput wakil Uzbekistan sebagai pemerhati di Pertandingan Musabaqah. Kerjasama yang demikian akan dipertingkat lagi ke republik-republik Soviet Union di Asia Tengah dan kaum minoriti Islam yang lain pada satu masa yang sesuai.

PROJEK PERTANIAN ENDAU-ROMPIN

14. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah meminta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar projek pertanian Endau-Rompin telah mengalami kegagalan. Jika benar apakah langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasinya?

Tuan Ong Tin Kim: Adalah tidak benar Projek Pertanian Endau-Rompin telah mengalami kegagalan. Pembubaran projek ini adalah disebabkan oleh perubahan mengenai dasar pengeluaran beras negara yang dikurangkan daripada 85% kepada 55-60% sahaja. Berikutan dengan itu, Projek Pertanian Endau-Rompin telah dikeluarkan sebagai salah satu daripada kawasan jelapang padi. Walau bagaimanapun satu siasatan telah dibuat di kawasan tersebut dan didapati kawasan tersebut adalah sesuai untuk tanaman kelapa sawit. Berikutan dengan siasatan ini, kawasan tersebut akan dimaju untuk tanaman kelapa sawit.

PELANCONG KE PULAU LANGKAWI

16. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah usaha Kerajaan yang segera bagi mengatasi masalah kesulitan tempat penginapan, pengangkutan udara, laut dan darat bagi pelancong-pelancong ke Pulau Langkawi;
- (b) benarkah ada usaha-usaha sabotaj untuk menggagalkan kempen "Tahun Melawat Malaysia" yang dilakukan oleh sesuatu pihak di dalam dan di luar negara ini; dan
- (c) semenjak Kempen Tahun Melawat Malaysia bermula bagaimana kadar penginapan

(occupancy rate) di hotel-hotel di negara ini dan adakah syarat-syarat penetapan harga sewaan bilik ini dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha hotel.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak-pihak yang terlibat di dalam industri pelancongan termasuk Kerajaan Negeri (Kedah) sedar akan adanya kesulitan tempat penginapan, pengangkutan udara, laut dan darat, dan sedang berusaha mengambil tindakan-tindakan bagi mengatasi atau mengurangkan masalah-masalah tersebut.

Mengenai masalah penginapan, langkah-langkah sedang diambil bagi mengadakan lebih banyak hotel-hotel, chalet-chalet dan lain-lain jenis penginapan. Mengenai masalah pengangkutan feri (laut) dan darat, pihak Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk memperbaiki dengan menambah perkhidmatan feri. Mengenai pengangkutan udara pula, pihak MAS telah dan sedang berusaha untuk menambah penerbangan ke Langkawi, termasuk dari Singapura.

- (b) Mengenai soal sabotaj oleh pihak-pihak tertentu di dalam usaha untuk menggagalkan kempen Tahun Melawat Malaysia, saya berpandangan, memang terdapat cara-cara yang halus yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu dengan tujuan untuk mengurangkan tarikan pelancong melawat ke negara kita, dengan cara memberi gambaran yang kurang baik khususnya tentang kekurangan kemudahan pelancongan di Malaysia seperti kurang tempat penginapan, masalah pengangkutan dan lain-lain. Di

samping itu terdapat juga usaha untuk menyulitkan kemasukan pelancong ke negara kita dengan mengenakan syarat-syarat dan pemeriksaan yang agak ketat seperti polisi setengah tangki minyak bagi kereta-kereta Singapura. Di samping itu terdapat juga kempen lawatan setengah hari ke Malaysia di mana para pelancong hanya digalakkan datang ke Malaysia setengah hari sahaja, dengan memberi gambaran kepada mereka bahawa tempoh tersebut sudah cukup memadai untuk mengenali Malaysia.

- (c) Mengenai kadar penginapan, mengikut laporan yang disampaikan kepada Kementerian oleh pengusaha-pengusaha hotel bahawa kadar penginapan telah meningkat semenjak beberapa bulan kebelakangan ini khususnya awal 1990. Di setengah-setengah hotel kadar penginapan telah meningkat ke peringkat 90 hingga 95%.

Berhubung dengan kadar sewa bilik, kita tidak mempunyai apa-apa kuasa undang-undang yang mesti diikuti oleh pengusaha-pengusaha hotel di dalam menentukan kadar sewa hotel. Kita cuma boleh menasihati mereka agar mengenakan kadar sewa hotel di tahap yang berpatutan. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara perbandingan, kadar sewa hotel di negara kita adalah di antara yang termurah di kalangan negara-negara ASEAN.

**BUKU "THE COMMUNIST
INSURRECTION IN MALAYA
1948-60"—ANTHONY SHORT**

17. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada buku yang dikarang oleh Anthony Short

berjudul "The Communist Insurrection in Malaya, 1948-60" masih diharamkan; jika ya, nyatakan sebab-sebab mengapa pengharaman dikenakan, jika tidak, bilakah pengharaman tersebut dilonggarkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Buku berjudul "The Communist Insurrection in Malaya, 1948-60" tidak pernah diharamkan oleh Kementerian ini.

**KEDUTAAN MALAYSIA DI
LUAR NEGERI**

18. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) negara-negara yang Kedutaan Malaysia mempunyai bangunan-bangunan sendiri;
- (b) negara-negara yang Kedutaan Malaysia menyewa; dan
- (c) negara-negara yang Kementerian merancangkan untuk membeli bangunan atau mendirikannya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pada keseluruhannya terdapat 62 buah Pejabat Perwakilan di Luar Negeri merangkumi 53 buah negara. Daripada jumlah ini terdapat 20 buah tempat di mana Kerajaan memiliki pejabat perwakilan sendiri manakala 4 tempat lagi di dalam perancangan pembinaan iaitu di Jakarta, Kuwait, Medan dan Brunei Darussalam. Kesemua projek-projek ini dijangka dapat disiapkan pada pertengahan Rancangan Malaysia Keenam.

Di samping memiliki pejabat-pejabat perwakilan Kerajaan juga mempunyai 26 buah bangunan Kediaman Rasmi Ketua

Perwakilan, sebanyak 4 buah bangunan di dalam proses pembinaan. Bangunan-bangunan lain yang dimiliki oleh Kerajaan termasuklah 59 buah unit apartment untuk kediaman kakitangan. Sebanyak 53 unit sedang dalam proses pembinaan iaitu 24 unit di Jakarta dan 29 unit di Tokyo.

- (b) Bagi soalan bahagian (b) mengenai penyewaan bangunan-bangunan di luar negeri pula, buat masa ini Kerajaan terpaksa menyewa beberapa buah bangunan pejabat perwakilan di 41 buah tempat yang melibatkan jumlah sewaan \$9,095,463.00 setahun.

Dalam hubungan ini, Kementerian Luar Negeri sememangnya sedar bahawa Kerajaan perlu memiliki bangunan-bangunan sendiri khususnya di negara-negara maju di mana kadar sewanya terlalu tinggi. Tetapi perlaksanaannya mengikut perancangan Kementerian Luar Negeri perlulah dilakukan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan serta keperluan semasa.

- (c) Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya bercadang untuk membeli bangunan atau mendirikan bangunan baru di luar negeri. Kementerian Luar Negeri terpaksa merangka pembelian bangunan ataupun mendirikan bangunan mengikut kemampuan kewangan negara dan kelulusan daripada agensi-agensi pusat. Rancangan-rancangan pembelian dan mendirikan bangunan akan dikemukakan kepada Kerajaan di dalam RME. Di antara tempat-tempat di mana Kerajaan akan mendirikan bangunan adalah di Jeddah, Muscat, New Delhi, Port Moresby, Islamabad dan beberapa tempat lain.

JABATAN PEMBANGUNAN NEGERI SABAH—WARAN KELULUSAN

19. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kenapakah Jabatan Pembangunan Negeri Sabah biasanya mengeluarkan waran kelulusan peruntukan untuk pelaksanaan projek hanya pada pertengahan bulan November saja. Sedangkan umum mengetahui bahawa pada setiap hujung tahun iaitu bermula pada bulan Oktober biasanya mulai hujan lebat di negeri Sabah hinggalah pada awal permulaan tahun yang baru. Kerana itu maka susahlah melaksanakan sebarang projek yang melibatkan kerja sama ada pembaikan atau pembinaan terutama sekali projek jalan raya. Akhirnya projek itu terbengkalai begitu sahaja. Meskipun peruntukan boleh didapati kembali bagi menyambung projek itu, tetapi disegi perolehan peruntukan tahunan, rakyat mengalami suatu kerugian. Bolehkah Jabatan tersebut mengeluarkan waran peruntukan itu pada pertengahan tahun atau lebih awal sedikit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Adalah tidak menjadi kebiasaan bagi Jabatan Pembangunan Negeri Sabah mengeluarkan waran kelulusan peruntukan bagi projek-projek yang dibiayai oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hanya di pertengahan bulan November sahaja. Waran peruntukan dikeluarkan berperingkat-peringkat bermula dari awal tahun supaya projek-projek dapat disiapkan dalam tahun semasa. Namun begitu terdapat juga beberapa projek yang terlewat dilaksanakan. Bagaimana pun pada tahun 1989 kelewatan yang berlaku adalah disebabkan peruntukan tambahan hanya diluluskan pada bulan Julai pada tahun berkenaan. Selain daripada itu ada kalanya projek-projek terlewat perlaksanaannya kerana kekurangan maklumat yang lengkap

ataupun pindaan kepada skop projek. Namun demikian Kementerian akan berusaha untuk memastikan kelewatan pengeluaran waran ini akan dapat disegerakan sekiranya kerjasama semua pihak dapat ditentukan lebih awal.

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL

20. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pelajar dari Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah 1989;
- (b) bagaimanakah pencapaian mereka mengikut matapelajaran; dan
- (c) setakat manakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan prestasi mata-pelajaran-matapelajaran yang rendah pencapaian itu berjaya.

(i) *SRJK (Cina)*
Ujian

	1988	1989	Perbezaan
1. Bahasa Malaysia			
— Kefahaman	66.2	68.4	2.2
— Penulisan	35.8	36.7	0.9
2. Bahasa Inggeris	65.0	69.4	4.4
3. Bahasa Cina			
— Kefahaman	82.6	83.2	0.6
— Penulisan	70.0	63.7	-6.3
— Lisan dan Bacaan	87.2	88.4	1.2
4. Matematik	91.3	92.6	1.3

(ii) *SRJK (Tamil)*
Ujian

1. Bahasa Malaysia			
— Kefahaman	54.0	54.1	0.1
— Penulisan	22.6	22.7	0.1
— Lisan dan Bacaan	85.9	89.1	3.2
2. Bahasa Inggeris	51.5	57.1	5.6
3. Bahasa Tamil			
— Kefahaman	72.8	75.7	2.9
— Penulisan	32.2	51.0	18.7
— Lisan dan Bacaan	85.9	89.1	3.2
4. Matematik	65.3	67.7	2.4

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana jawapan yang diperlukan sangat panjang dan mengandungi perangkaan, maka saya memohon keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini secara bertulis.

(a) Jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 1989 di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ialah:

(i) SRJK (Cina)—93,830 orang pelajar

(ii) SRJK (Tamil)—12,232 orang pelajar.

(b) Pencapaian pelajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah bertambah baik. Pencapaian pada tahap penguasaan telah meningkat dalam hampir semua kemahiran yang diuji. Keputusan mengikut kemahiran yang diuji adalah seperti berikut:

(c) Berdasarkan peningkatan keputusan UPSR dalam hampir kesemua kemahiran yang diuji, jelaslah bahawa usaha untuk meningkatkan prestasi pelajar telah menampakkan kejayaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan usaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian keputusan UPSR. Antara usaha-usaha tersebut ialah:

- (a) melaksanakan Program Proses Penulisan dalam pengajaran bahasa di peringkat sekolah, daerah dan negeri.
- (b) mengadakan bengkel untuk guru-guru bagi melaksanakan program-program untuk meningkatkan prestasi pelajar.
- (c) mengadakan kelas-kelas bimbingan dengan penglibatan PIBG.
- (d) mengadakan kelas-kelas pemulihan untuk pelajar-pelajar yang lemah pencapaiannya.

(Soalan No. 21. Sila lihat jawapan No. 12).

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR TIDAK IKTIRAF CLOB INTERNATIONAL

22. Dr Abdul Hadi Derani minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Bursa Saham Kuala Lumpur mengiktirafkan perniagaan saham-saham syarikat-syarikat Malaysia oleh CLOB International iaitu sebuah bursa saham yang berdaftar di Singapura. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian Kewangan supaya aktiviti bursa tersebut tidak menjejaskan pasaran sekuriti di negara ini.

7-3-90

39. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat manakah pemisahan antara Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Bursa Saham Singapura telah mendatangkan kesan kepada prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur pada khususnya dan ekonomi negara pada amnya; dan
- (b) semenjak Singapura memperkenalkan CLOB yang memperdagangkan saham-saham Malaysia, sejauh manakah ia telah mempengaruhi dagangan saham-saham yang sama di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Setar adalah serupa dengan pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pontian yang dijadualkan untuk dijawab pada 7hb Mac, 1990 maka saya memohon menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hanya mengiktiraf pasaran rasmi sesebuah negara. Oleh itu, BSKL hanya mengiktiraf Bursa Saham Singapura (BSS) dan tidak CLOB International.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, CLOB International dilancarkan sebaik sahaja BSKL dan BSS dipisahkan. Sejauh mana penubuhan CLOB International mempengaruhi dagangan saham-saham yang sama di BSKL tidaklah dapat ditentukan. Ini adalah kerana dalam masa yang sama, jumlah dagangan di BSKL bagi saham-sahamnya yang juga didagangkan di CLOB International telah meningkat dengan ketara semenjak pemisahan berkuatkuasa.

Sungguhpun begitu, adalah tidak dinafikan bahawa penubuhan CLOB International merupakan satu cabaran

yang mungkin membantutkan pencapaian sepenuhnya matlamat pemisahan kedua-dua bursa ini. Namun demikian, adalah terserah kepada Jawatankuasa BSKL untuk memastikan hasrat pemisahan kedua-dua bursa ini tercapai dan dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan buat masa sekarang.

Seperti yang saya telah sarankan, pihak BSKL perlulah meningkatkan keberkesanan dan kecekapannya, dan ahli-ahli BSKL perlulah meningkatkan modal syarikat masing-masing, dan dengan itu barulah mereka boleh bersaing dengan lebih berkesan di peringkat antarabangsa.

PARTI KOMUNIS MALAYA— JUMLAH ANGGOTA KOMUNIS

23. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keputusan Parti Komunis Malaya (PKM) meletak senjata adalah satu kejayaan besar negara dalam menghadapi ancaman komunis dan ia juga merupakan kegagalan PKM. Saya ingin tahu:

- (a) berapa ramaikah ahli-ahli PKM yang tinggal;
- (b) bagaimanakah kedudukan pengganas-pengganas yang selama ini tinggal di hutan-hutan; dan
- (c) apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan pengaruh komunis dalam negara ini lenyap sama sekali.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan sememangnya sedar bahawa perjanjian yang menamatkan perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) yang dimeterai pada 2 Disember, 1989 lalu itu adalah merupakan satu kejayaan besar negara, lebih-lebih lagi kepada pasukan-pasukan keselamatan negara yang telah berhadapan dengan ancaman keselamatan dari punca komunis berlarutan sejak lebih 41 tahun. Ianya juga menandakan kegagalan pihak PKM

dalam perjuangannya yang sia-sia. Dengan penamatan ancaman kegiatan bersenjata dari PKM ini, negara akan dapat memberi tumpuan kepada pembangunan sosio-ekonomi yang lebih pesat.

- (a) Terdapat sejumlah 1,091 orang anggota komunis.
- (b) Kesemua 1,091 anggota-anggota PKM telah pun keluar dari hutan dan menjalani penghidupan mereka di empat (4) buah kawasan penempatan yang disediakan oleh pihak berkuasa Thai yang digelar "Kampong-Kampong Aman" (Friendship Villages).
- (c) Sungguhpun Perjanjian pada 2 Disember, 1989 itu menamatkan semua bentuk perjuangan bersenjata PKM. Kerajaan akan terus mengamalkan sikap berhati-hati dan berwaspada bagi memastikan bahawa ancaman pengaruh komunis adalah lenyap sama sekali dalam negara kita. Pengawasan keselamatan dalam negara, khususnya di kawasan-kawasan perbatasan Malaysia-Thailand adalah diteruskan bagi, umpamanya, membendung dan mencegah penyusupan (infiltration) atau menghadapi sebarang kemungkinan oleh anggota-anggota PKM di Selatan Thai ke negara ini.

Tindak-tanduk dan kegiatan anasir-anasir dan subversif komunis di negara ini akan terus diawasi supaya mereka tidak mengambil kesempatan untuk menyebarkan dan menanamkan pengaruh ideologi komunis yang mana adalah jelas bertentangan dengan falsafah dan dasar negara ini yang berteraskan amalan demokrasi. Atas dasar itulah, PKM tetap diharamkan dari bergerak bebas di negara ini.

**JURURAWAT KERAJAAN
BERHIJRAH KE HOSPITAL
SWASTA**

24. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaakob minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah tidak berlaku hijrah jururawat terlatih hospital-hospital kerajaan ke Pusat-Pusat Kesihatan swasta. Kalau ada berapa ramai dan kenapa mereka berhijrah dan adakah yang dikenakan ganti rugi berapa ramai.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada berlakunya jururawat terlatih berhenti daripada perkhidmatan kerajaan untuk bekerja di hospital-hospital swasta yang memberi gaji lebih tinggi dan juga masa kerja yang boleh dipilih. Bagaimanapun Kementerian Kesihatan tidak ada mempunyai rekod mereka yang bekerja di hospital-hospital swasta setelah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan kerana mereka itu tidak perlu melaporkan dan mendapat kebenaran daripada Kementerian Kesihatan jika hendak bekerja dengan hospital-hospital swasta.

Semua jururawat terlatih yang berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan adalah mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun dan telah tamat kontraknya dengan Kerajaan. Dari itu mereka tidak dikenakan apa-apa ganti rugi semasa mereka berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan.

25. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan adakah betul:

- (a) Dasar Ekonomi Baru ini sebenarnya tidak sampai 5% dimiliki oleh bangsa Melayu, walhal kita telah mencapai kemerdekaan lebih 30 tahun, orang-orang Melayu masih ketinggalan dalam berbagai-bagai bidang perniagaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan terhadap syarikat-syarikat bukan bumiputera yang suka

mengambil pemimpin-pemimpin Melayu menduduki Lembaga Pengarah syarikat mereka dan sahamnya semua dimiliki oleh bukan bumiputera.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Angka pencapaian 5 peratus merupakan hasil pemerhatian beberapa pemimpin negara mengenai gambaran am pemilikan dan penyertaan secara giat oleh orang-orang Melayu dalam semua kegiatan ekonomi moden negara, sama ada sektor korporat dan bukan korporat, tanpa mengambilkira penyertaan agensi-agensi Kerajaan.

Kita harus sedar bahawa orang Melayu hanya baru mula melibatkan diri dalam ekonomi moden secara serius selepas wujudnya DEB. Oleh kerana tapak permulaan mereka adalah kecil. Maka tentulah proses untuk mempergiat dan meningkatkan tahap pemilikan dan penyertaan mengalami berbagai masalah dan cabaran. Oleh kerana inilah, Kerajaan sendiri memainkan peranan penting menerusi agensi-agensi tertentu bagi membantu orang-orang Melayu dan Bumiputera lain di bawah DEB. Sedikit sebanyak kejayaan sudah pun dicapai dan mereka tidak harus merasa kecewa dengan pencapaian yang sedikit ini kerana prospek ekonomi kita masih cerah, dan dari itu mereka hendaklah terus bergerak meningkatkan prestasi. Kerajaan sendiri akan terus memikir dan memastikan supaya orang Melayu dan Bumiputera lain akan mendapat tempat yang sewajarnya dalam proses pemodenan ekonomi negara.

- (b) Sesebuah syarikat bukan bumiputera bebas memilih ahli Lembaga Pengarah masing-masing termasuk mana-mana

p e m i p i n - p e m i p i n bumiputera. Terpulanglah kepada bumiputera tersebut untuk memilih sama ada untuk sama-sama memegang saham di dalam syarikat-syarikat tersebut atau hanya menjadi Lembaga Pengarah sahaja. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bidang perniagaan adalah lebih luas daripada hanya menduduki Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat dan saya ingin mencadangkan supaya selain daripada mencari jalan untuk menjadikan penglibatan ahli Lembaga Pengarah bumiputera yang sedia ada lebih berkesan, seberapa ramai bumiputera yang lain hendaklah digalakkan merebut peluang perniagaan yang berbagai.

VISIT MALAYSIA YEAR— JUMLAH PELANCONG

26. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan jumlah pelancong yang datang melawat negara ini sejak program "Visit Malaysia Year" dilancarkan pada 31-12-1989 yang lalu. Adakah kemudahan-kemudahan yang disediakan di negara ini mencukupi bagi memenuhi kehendak citarasa mereka.

Dato' Ng Cheng Kuai: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Imigresen sedang mengumpulkan maklumat mengenai bilangan pelancong yang datang ke Malaysia. Mengenai kemudahan-kemudahan bagi memenuhi citarasa pelancong, Kementerian percaya negara kita mempunyai banyak kemudahan-kemudahan asas dan daya tarikan yang mampu memenuhi berbagai citarasa pelancong di dalam berbagai bidang umpamanya dari segi acara-acara kebudayaan, kesenian, tempat-tempat istirehat, alam semulajadi, dan sukan. Walau bagaimanapun kita sentiasa berusaha memperbaiki dan melengkapkan segala kemudahan-kemudahan yang sedia ada bagi para pelancong di masa-masa akan datang.

PENERBANGAN MAS KE CHINA

27. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar atau tidak penerbangan MAS ke China telah mengalami kerugian, dan selalunya tidak cukup penumpang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): MAS telah memulakan perkhidmatan ke Republik Rakyat China di atas sektor Kuala Lumpur-Guangzhou (Canton) pergi balik sebanyak sekali seminggu dengan menggunakan pesawat B737 pada 6 Jun, 1989. Walau bagaimanapun, perkhidmatan itu telah dibatalkan, buat sementara, selepas dua penerbangan diadakan memandangkan kepada pergolakan yang berlaku di Republik Rakyat China pada masa itu. MAS telah menyambung semula perkhidmatannya pada 5 September, 1989.

Memandangkan bahawa penerbangan MAS ke Republik Rakyat China merupakan satu perkhidmatan baru yang dijalankan sejak hanya beberapa bulan yang lalu, adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada perkhidmatan itu adalah menguntungkan atau tidak. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan biasanya memerlukan masa untuk mengembangkan pertumbuhan trafik di atas sesuatu sektor perkhidmatan baru. Bagi penerbangan MAS ke Guangzhou, kita juga harus mengambil kira bahawa pertumbuhan trafik di atas sektor tersebut telah tergendala buat sementara waktu akibat pergolakan yang berlaku di Republik Rakyat China.

Semenjak MAS menyambung semula penerbangan ke Guangzhou pada 5 September, 1989 dan sehingga 17 Februari, 1990, MAS telah mengangkut seramai 2,220 penumpang di antara Malaysia dan Republik Rakyat China. Jumlah ini adalah menggalakkan oleh kerana secara purata MAS telah

mengangkut seramai lebih kurang 440 penumpang setiap bulan. MAS menjangka bahawa trafik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China akan mencapai peningkatan lagi pada masa depan.

KERETAPI TANAH MELAYU— PENSWASTAAN

28. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan menyatakan keputusan-keputusan tinjauan yang dijalankan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu untuk memeriksakan viabiliti dan kapabiliti KTM dan adakah mana-mana firma, maupun tempatan atau luar negeri, menghubungi dengan Kementerian berkenaan untuk ambilalih pihak KTM.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Selepas Kerajaan mengisytiharkan rancangan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu (KTM) beberapa Syarikat telah mengemukakan cadangan-cadangan untuk menswastakan fungsi KTM yang tertentu, seperti bengkel dan pengangkutan barang.

Dalam pada itu, satu kajian mengenai penswastakan KTM telah pun dijalankan oleh sebuah bank saudagar untuk menentukan cara-cara bagi menswastakan KTM. Kerajaan berpendapat bahawa KTM harus diswastakan secara berperingkat. Sehubungan dengan ini, pada 12 Julai, 1989, Kerajaan telah bersetuju supaya KTM diperbadankan (corporatise) di bawah Akta Syarikat 1965.

Melalui cara perbadanan (corporatization), pada awalnya saham syarikat ini akan dimiliki sepenuhnya 100% oleh Kerajaan Malaysia. Apabila syarikat ini berdaya maju dan memperoleh keuntungan yang mencukupi, maka saham syarikat akan dibuka kepada orang awam melalui "public floatation" ataupun dijual kepada pihak swasta secara "private placement".

Sehingga ini, bagi tujuan perbadanan KTM, Akta Penubuhan Syarikat Pengganti dan "Memorandum of Asso-

ciation dan "Article of Association", serta pindaan kepada Ordinan Keretapi 1948 sedang disediakan.

Memandangkan bahawa Kerajaan telah memilih cara perbadanan (corporatization) sebagai langkah pertama dalam menswastakan KTM, maka syarikat-syarikat yang berminat tidak lagi timbul kerana syarikat baru itu nanti akan pada awalnya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

PERISTIWA PEMBUNUHAN— SIASATAN POLIS

29. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menjamin peristiwa di Balai Polis Batu 14, Hulu Langat pada 4-2-1990 dan peristiwa di Kalumpang pada 7-2-1990 tidak berulang lagi; dan

- (a) bilakah siasatan polis dapat diumumkan; dan
- (b) apakah pampasan telah dan akan diberi kepada mangsa-mangsa, orang-orang yang cedera dan menghadapi kerosakan harta-benda mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Peristiwa di Balai Polis Batu 14 Hulu Langat pada 4-2-1990 dan peristiwa di Kalumpang pada 7-2-1990 adalah peristiwa terpencil (isolated cases) yang mana telah berlaku tanpa diduga. Peristiwa di Balai Polis Batu 14 Hulu Langat terjadi apabila orang yang mengamuk berpura-pura masuk ke kawasan Balai Polis untuk bertanya dan meminta pertolongan dan kemudiannya telah merampas senjata dari anggota yang bertugas. Dalam peristiwa ini pihak polis terpaksa membenarkan orang awam masuk ke kawasan balai untuk membuat pengaduan dan sebagainya. Sementara itu peristiwa di Kalumpang pula telah berlaku dengan cepat ekoran rasa tidak puas hati seorang peserta di atas pengundian lot tanah untuk projek pertanian. Di dalam kedua-dua peristiwa ini adalah agak sukar untuk menentukan langkah-langkah yang perlu diambil

untuk menjamin berulangnya peristiwa yang sama. Walau bagaimanapun langkah-langkah keselamatan di balai-balai polis telah diperketatkan dan anggota-anggota yang bertugas sebagai senteri telah diarahkan supaya lebih berhati-hati dan mencurigai orang ramai yang datang ke balai polis pada bila-bila masa.

- (a) Siasatan polis tidak diumumkan kepada orang ramai, sebaliknya siasatan akan dirujuk ke Kamar Yang Arif Pendakwa Raya. Sekiranya ada bukti untuk menuduh sesiapa, ianya akan dibuat di mahkamah terbuka di mana orang ramai boleh hadir untuk mengikuti perkembangan kes.
- (b) Untuk makluman, kerajaan sedia menimbangankan pemberian pampasan jika ada permohonan diterima.

PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR KEPADA SARAWAK DAN SIMUNJAN

30. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan infrastruktur di:
 - (i) Sarawak bagi 1990 dan 1991;
 - (ii) Kawasan Pilihanraya Simunjan bagi 1990 dan 1991.
- (b) Bilakah pembangunan dan kemajuan infrastruktur di Sarawak dan Sabah akan dapat diseimbangkan dengan pembangunan dan infrastruktur di Semenanjung Malaysia.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggi anak Irok):

- (a) Peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan infrastruktur iaitu termasuk jalanraya, bangunan, bekalan air

dan jentera di Sarawak di bawah Kementerian Kerjaraya adalah seperti berikut:

	1990
Sarawak	\$156,418,010
Simunjan	1,000,000

Bagi tahun 1991, peruntukan akan dimasukkan di dalam RM6 yang pada masa ini sedang disediakan oleh Kementerian Kerjaraya untuk dikemukakan bagi pertimbangan Agensi-agensi Pusat.

- (b) Memandangkan Sarawak dan Sabah mempunyai kawasan yang luas, pembangunan infrastruktur tentunya memakan masa sedikit. Walau bagaimanapun Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur Sarawak dan Sabah terutamanya bagi menyiapkan jalan-jalan raya utama di kedua-dua buah negeri tersebut di bawah rancangan Malaysia kelima. Usaha ini akan dipertingkatkan lagi di bawah RM6 di mana Kerajaan telah bersetuju memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat seterusnya, pada masa ini terdapat 65 Projek Jalan Persekutuan termasuk 42 daripadanya jalan-jalan luar bandar yang sedang di dalam pembinaan di Sarawak. Bagi Negeri Sabah pula sebanyak 23 projek jalan raya Persekutuan yang akan menghubungkan bandar-bandar serta pekan-pekan utama negeri ini sedang dilaksanakan. Ini menunjukkan Kerajaan sentiasa berusaha sedaya-upaya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas bagi faedah rakyat di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan berharap jurang perbezaan pembangunan

infrastruktur di kedua-dua negeri ini dengan Semenanjung Malaysia akan dapat dikurangkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

ROYALTI KEPADA NEGERI TIDAK MEMPUNYAI MINYAK

31. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan penemuan telaga-telaga minyak yang tidak dijalankan sejak kini dan bagaimanakah hasilnya:

- (a) apakah Kerajaan mempunyai cadangan memberikan royalti kepada negeri-negeri yang tidak mempunyai sumber telaga minyak sama seperti negeri-negeri yang mempunyai hasil minyak; dan
- (b) apakah reaksi Kerajaan terhadap tuntutan Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan kenaikan royalti.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Sehingga setakat ini sebanyak 56 medan minyak telah ditemui di dalam kawasan luar pantai Malaysia, dengan simpanan minyaknya dianggarkan sebanyak 3.1 ribu juta tong. Daripada jumlah medan-medan minyak tersebut, 31 medan sedang di dalam pengeluaran, satu medan (medan Dulang di luar pantai Semenanjung) sedang dibangunkan manakala tiga lagi medan minyak di luar pantai Sarawak akan dibangunkan kelak.

21 medan minyak yang lain didapati mempunyai simpanan yang agak kecil untuk diusahakan secara komersial. Oleh itu PETRONAS buat masa ini tidak mempunyai rancangan untuk mengusahakan 21 medan-medan berkenaan—

- (a) Sistem royalti yang diamalkan oleh Kerajaan dalam operasi pengeluaran minyak merupakan sebahagian daripada sistem perkongsian kos dan keuntungan di bawah Kontrak Perkongsian

Pengeluaran (PSC) yang digunakan di negara ini sekarang.

Kerajaan berpendapat bahawa sistem ini yang melibatkan pemberian royalti petroleum sebanyak 10% daripada pengeluaran kasar minyak dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar bagi kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan petroleum di negara ini. Daripada jumlah ini separuh daripada royalti berkenaan diberi kepada negeri-negeri di mana sumber-sumber minyak ini terdapat.

Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk memberi royalti yang serupa kepada negeri-negeri di mana telaga-telaga minyak ini tidak terletak. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak pula mengabaikan negeri-negeri berkenaan oleh kerana Kerajaan Negeri juga diberi peruntukan pembangunan yang diagihkan daripada pendapatan keseluruhan yang diperolehi negara termasuk daripada hasil minyak.

- (b) Mengenai tuntutan Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan kenaikan royalti minyak, alasan yang saya nyatakan seperti di atas juga adalah berkaitan. Setakat ini jumlah royalti yang diberi kepada negeri Sabah atau negeri-negeri yang mengeluarkan minyak yang lain adalah dianggap amat memadai memandangkan kenaikan peratusan yang ada sekarang akan menjejaskan perkiraan formula yang pada takat ini menggalakkan pelabur-pelabur minyak antarabangsa menjalankan operasi petroleum di negara ini. Apa-apa perubahan dalam formula ini juga akan memberi kesan negatif kepada pelaburan di dalam industri petroleum negara keseluruhannya.

Perlu juga dijelaskan bahawa kadar kenaikan royalti akan juga memberi kesan ke atas keuntungan pelabur-pelabur yang berkenaan dan seterusnya akan mengurangkan cukai yang boleh diperolehi untuk keuntungan berkenaan. Pengurangan hasil ini tentu akan menjejaskan keupayaan Kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan negara keseluruhannya.

INDUSTRI KAYU HILIRAN

32. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan:

- (a) perancangan Kementeriaannya secara komprehensif untuk menentukan kejayaan perkembangan sektor hiliran industri perkayuan menjelang tahun 2000 agar hasil aktiviti hiliran ini dapat menjadi penyumbang utama kepada hasil komoditi negara; dan
- (b) bagaimana industri hiliran perkayuan patut dirancang supaya tidak menghadapi kesulitan pasaran kerana saingan hebat dengan negara lain termasuk Thailand dan Indonesia.

Dato' Alias bin Md. Ali:

- (a) Kerajaan telah pun merancang dan mengambil tindakan bagi menggalakkan pembangunan dan perkembangan sektor industri kayu hiliran supaya dapat menjadi penyumbang utama kepada hasil komoditi negara seperti berikut:

- (i) memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi kepada industri pemprosesan hiliran tempatan melalui dasar pengawalan eksport bahan mentah.

- (ii) merancang dan membina beberapa zon/kompleks perindustrian bagi industri perkayuan seperti Olak Lempit di Selangor, Bukit Rambai di Melaka, Tanjong Manis, Kemana, Kuala Baram di Sarawak dan sebagainya.

- (iii) meningkatkan kemahiran pekerja dalam industri perkayuan melalui program latihan.

- (iv) m e n i n g k a t k a n penyertaan di dalam pameran perabot antarabangsa dan aktiviti penggalakan pasaran melalui penghantaran misi perdagangan dan galakan pelaburan terutamanya ke pasaran-pasaran yang berpotensi bagi barangan kayu negara.

- (v) Mengembang dan menggalakan pertumbuhan industri pemprosesan hiliran dengan menyediakan insentif-insentif yang menarik; dan

- (vi) menyedia dan meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi perindustrian kayu-kayan.

- (b) Untuk memastikan sektor hiliran dapat menghadapi persaingan dengan pengeluar barangan kayu tropika yang lain, beberapa perancangan telah dibuat seperti di bawah:

- (i) Kerajaan telah mempelbagai dan mengenalpasti pasaran-pasaran baru yang berpotensi, menyakin pembeli terhadap mutu barangan kayu negara di samping mengenalpasti saluran pemasarannya.

- (ii) penekanan keluaran barangan kayu mengutamakan pilihan pengguna, rekabentuk dan kemasiapan.
- (iii) memasti industri pemprosesan hiliran memperoleh bekalan bahan mentah yang mencukupi dengan harga yang munasabah supaya kos barangan kayu yang dihasilkan dapat bersaing di pasaran antarabangsa.
- (iv) mempergiatkan aktiviti penyelidikan pasaran supaya maklumat mengenai pasaran dan kegiatan pembekal saingan dapat dikenalpasti serta mengedar penerbitan mengenai maklumat pasaran kepada pengeksport barangan pemprosesan kayu.
- (v) menyediakan kemudahan makmal ujian perabot bagi menjamin mutu di samping memusatkan industri pemprosesan kayu melalui penubuhan zon/komplek perkayuan supaya menikmati faedah ekonomi bidangan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA— GALAKAN

33. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) setakat mana Kementeriannya berjaya mengesan usaha-usaha sabotaj negara jiran terhadap Kempen Tahun Melawat Malaysia;
- (b) adakah usaha-usaha sabotaj tersebut tajaan Kerajaan Negara jiran yang tertentu itu atas sekadar tindak-tanduk segelintir golongan rakyatnya sahaja; dan

- (c) apakah motif atau penyebab sabotaj yang telah dapat dikenalpasti.

Dato' Ng Cheng Kuai:

- (a) Usaha-usaha oleh negara jiran untuk menggagalkan kempen Tahun Melawat Malaysia adalah bertujuan untuk mengurangkan kemasukan pelancong-pelancong asing melawat ke negara kita. Mereka telah meberikan gambaran yang kurang baik khususnya tentang kekurangan kemudahan pelancongan seperti masalah tempat penginapan, sewa bilik yang mahal, masalah pengangkutan dan sebagainya. Di samping itu dikenakan syarat yang menyusahkan rakyat negara itu datang ke Malaysia umpamanya dengan mengenakan peraturan undang-undang bagi kereta-kereta negara tersebut mempunyai minyak sekurang-kurangnya setengah tangki sebelum memasuki Malaysia.
- (b) Soal sama ada Kerajaan atau sekumpulan rakyat negaranya sahaja yang terlibat tidaklah penting. Hakikatnya ialah adanya usaha secara langsung dan tidak langsung yang mengurangkan kemungkinan pelancongan bertambah melalui negara tersebut.
- (c) Sebenarnya soalan ini patut dijawab oleh negara berkenaan. Pada anggapan Kementerian, motif mereka dalam menggagalkan kempen Tahun Melawat Malaysia yang dapat dikenalpasti, adalah bertujuan untuk mengurangkan kemasukan pelancong-pelancong asing melawat Malaysia dengan memberi gambaran yang kurang baik mengenai negara ini.

OLAHRAGAWAN NEGARA

34. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan program Kerajaan untuk melahirkan Olahragawan Negara dalam bidang-bidang badminton, hoki, bola sepak dan olahraga. Apakah kerjasama dan program yang telah diatur dan disediakan bersama dengan Kementerian Pendidikan ke arah kece-merlangan ini. Terangkan juga masalah-masalah yang dihadapi dan rancangan-rancangan untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dan Kementerian Pendidikan telah mewujudkan satu program bersepadu untuk mengenalpasti atlit-atlit muda yang berbakat untuk diberikan latihan dan pendedahan sepanjang tahun ke arah melahirkan sebuah generasi muda yang berbakat di bidang sukan, di samping mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan, semangat, disiplin dan tahap pemikiran yang tinggi.

Program bersepadu ini dikenali sebagai Program Pembangunan Bakat peringkat sekolah dan negeri dilaksanakan pada tahun 1989 dan ianya bermula dengan proses mengenalpasti atlit dan jurulatih mengikut jenis-jenis sukan yang ditentukan.

Di peringkat permulaan, pelaksanaan program bakat ini melibatkan empat jenis sukan iaitu bolasepak, olahraga, badminton dan tenis.

Atlit-atlit dan jurulatih ini ditempatkan di sekolah-sekolah yang dikenalpasti dengan disediakan segala kemudahan peralatan dan kepakaran bagi menjalani latihan yang sistematik dan berasaskan kepada sains sukan supaya mencapai tahap yang lebih tinggi sepanjang masa. Program ini akan mengutamakan atlit-atlit di bawah umur 12-15 tahun yang akan dipilih dan ditempatkan di sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan

seperti kemudahan sukan, asrama dan jurulatih. Latihan yang dijalankan di bawah program ini mengambil masa dua tahun dan peserta-peserta yang terbaik akan dipilih untuk mewakili pasukan negeri dalam kejohanan-kejohanan peringkat kebangsaan. Bentuk latihan bukan sahaja melibatkan sukan tetapi juga aspek-aspek pembinaan semangat, keperibadian, personaliti dan sebagainya. Pada akhir tahun 1989, sebanyak 114 bilangan sekolah digunakan sebagai pusat latihan yang melibatkan seramai lebih kurang 2,700 atlit dan 310 jurulatih.

Bagi tahun 1990, sebanyak empat jenis sukan lagi dikenalpasti untuk Program Pembangunan Bakat iaitu sepaktakraw, hoki (L), memanah dan menembak.

Masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Pembangunan Bakat ialah kekurangan jurulatih-jurulatih yang berpengalaman untuk melatih atlit-atlit muda yang telah dikenalpasti. Jurulatih-jurulatih ini masih tidak mempunyai kepakaran yang secukupnya untuk membimbing dan mengawasi peserta-peserta di bawah Program Pembangunan Bakat Sekolah dan Negeri.

Salah satu rancangan untuk mengatasi masalah tersebut ialah mengadakan beberapa program serta kursus kejurulatihan yang menitikberatkan kepada aspek sains sukan untuk jurulatih-jurulatih bagi melengkapkan lagi mutu kejurulatihan di bidang masing-masing.

KELAS TADIKA

35. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sambil mengucapkan tahniah kepada Menteriannya mengenai sekolah untuk mengadakan Kelas Tadika dalam semua sekolah-sekolah yang terdapat di estet-estet oleh kerana kita terdapat suatu "Drop-out

rate" yang paling tinggi dari sekolah-sekolah di kawasan ini; dan

- (b) apakah beliau sedar sistem pendidikan untuk kanak-kanak antara umur 2 tahun ke 4 tahun sedang menjadi pokok asas untuk pencapaian tertinggi dalam sistem pelajaran seorang murid dan jika sedar apakah usaha-usaha yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu ibu bapa melancarkan suatu sistem pendidikan untuk anak-anak mereka yang berada dalam umur tersebut.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Cadangan Kementerian Pendidikan hendak mengadakan program Tadika dalam keadaan-keadaan tertentu masih di peringkat kajian.
- (b) Kementerian Pendidikan memang sedar tentang perlunya asuhan yang baik bagi kanak-kanak lingkungan umur 2 hingga 4 tahun sebagai persediaan untuk program pra-sekolah. Walau bagaimanapun, asuhan kanak-kanak tersebut adalah di luar skop Akta Pelajaran 1961 dan oleh itu di luar bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

MAJLIS PERBANDARAN MELAKA—PERUNTUKAN

36. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Melaka (MPM) bagi tahun-tahun 1980-1989;
- (b) sama ada sebarang syarat dikenakan ke atas peruntukan MPM ini bahawa MPM diarahkan membatalkan tindakan paksa

pindah terhadap penghuni-penghuni rumah pangsa 9 tingkat, Jalan Bendahara, Melaka dan kalau tidak mengapa; dan

- (c) sama ada MPM berhutang kepada pihak Kementerian dan kalau ia, sila nyatakan jumlahnya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Encik Lee Kim Sai):

- (a) Daripada rekod Kementerian ini, Majlis Perbandaran Melaka (MPM) telah diberikan peruntukan sebanyak \$2,963,203.57 dalam tempoh 1980-1989. Peruntukan tersebut diberikan bagi membiayai projek-projek pembangunan dalam kawasannya.

- (b) Berkaitan dengan soalan kedua, sukalah saya nyatakan bahawa Kementerian ini tidak pernah mengenakan syarat-syarat tertentu ke atas peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Melaka. Kementerian ini juga tidak terlibat dengan tindakan paksa pindah terhadap penghuni-penghuni rumah pangsa 9 tingkat, di Jalan Bendahara, Melaka. Tindakan tersebut merupakan urusan dasar dalaman Majlis berkenaan, dan Kementerian tidak boleh mencampurinya oleh kerana sesuatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah adalah tertakluk kepada arahan-arahan Pihak Berkuasa Negeri dalam perkara-perkara tertentu.

- (c) Pihak Majlis Perbandaran Melaka juga tidak mempunyai sebarang hutang dengan Kementerian ini.

TAHANAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—KES KESIKSAAN

37. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah laporan kes

kesiksaan oleh Polis yang diterima dalam setiap tahun sejak penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri; jumlah yang disiasat; jumlah pegawai Polis yang didakwa di mahkamah kerana menyiksa orang yang ditahan serta jumlah yang disabit kesalahan tersebut oleh mahkamah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Semenjak pelaksanaan AKDN, 1960 terdapat sebanyak 15 tohmahan-tohmahan tentang kes-kes kesiksaan yang dilakukan oleh Polis terhadap orang-orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, setelah sisatan dibuat didapati dakwaan atau tohmahan itu tidaklah benar. Orang-orang tahanan ini tidak pernah didera atau disiksa di sepanjang soalsiasat.

Tiada Pegawai Polis yang didakwa di Mahkamah bersabit dengan kes ini.

PENDATANG HARAM TANPA IZIN

38. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak tahun 1980 hingga tahun 1989, berapa ramaikah pendatang haram dari negara-negara jiran khususnya dari Indonesia telah masuk ke negara kita dan berapa ramaikah yang telah dihantar pulang. Dari jumlah itu berapa ramaikah yang telah diberi bermastautin tetap di negara kita. Adakah kedatangan mereka dan mengambil peluang pekerjaan di negara kita menyebabkan pengangguran berleluasa di negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak dapat memastikan jumlah sebenar Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang telah masuk ke negara ini. Walau bagaimanapun, hasil daripada tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan seramai 157,857 orang telahpun diusir keluar dari tahun 1980 hingga 1989.

Kerajaan tidak ada memberi apa-apa taraf kepada golongan ini kerana mereka

adalah terdiri daripada orang-orang yang dilarang masuk ke negara ini.

Keahlian mereka di negara ini bukanlah sebab utama wujudnya pengangguran di negara ini. Pengangguran berlaku kerana ramai belia-belia terlalu memilih pekerjaan, menyebabkan wujudnya kekurangan tenaga buruh di beberapa sektor ekonomi, misalnya di sektor perladangan.

TANAH PERINDUSTRIAN DIJUAL KEPADA PELABUR ASING

39. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah hektar tanah perindustrian yang telah dijual kepada pelabur-pelabur asing di negara ini, dan siapakah pelabur-pelabur utama tersebut. Sama ada benar bahawa pengusaha industri Taiwan akan melabur sebanyak \$2.7 juta ringgit di negara kita pada tahun ini. Jika ia apakah pelaburan-pelaburan yang paling penting.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

(a) Sehingga 1hb Julai, 1989, sebanyak 6419.42 hektar tanah perindustrian yang dimajukan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) telah dijual. Adalah difahamkan, buat ketika ini jumlah tanah yang telah dijual oleh pihak-pihak PKEN tidak memberi pecahan antara pembeli asing dengan pembeli tempatan. Walau bagaimanapun, badan-badan ini sedang berusaha untuk mengumpulkan maklumat ini untuk masa hadapan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan bahawa pengusaha Taiwan akan melabur sebanyak \$2.7 juta untuk tahun ini

adalah kurang tepat. Berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang telah diterima setakat bulan Januari 1990, sukacita dimaklumkan bahawa jumlah cadangan modal pelaburan dari negeri Taiwan adalah sebanyak \$927.3 juta. Pelaburan ini adalah di sektor petrokimia dan arang batu, elektronik dan elektrik dan tekstil.

Sebagai maklumat tambahan, jumlah sebenar pelaburan yang dilulus dari negara Taiwan dalam tahun 1989 adalah sebanyak \$2,159.9 juta dari 187 projek. Pelaburan ini adalah kebanyakannya di dalam industri elektronik, tekstil, getah dan kayu.

SINGAPORE FLYING CLUB/ SINGAPORE FLYING COLLEGE—KEBENARAN PENERBANGAN

40. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa Kerajaan telah menegah "Singapore Flying Club" dan "Singapore Flying College" membuat penerbangan di ruang angkasa Malaysia.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kerajaan memutuskan untuk tidak membenarkan "Singapore Flying Club" dan "Singapore Flying College" membuat penerbangan di ruang udara Malaysia, adalah bertujuan untuk mengawal keadaan trafik udara dari menjadi sesak dan menjaga keselamatan penerbangan di kawasan Selatan, Semenanjung Malaysia.

PUNCA KEWANGAN PARTI- PARTI POLITIK

41. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Dalam Negeri menyatakan punca kewangan parti-parti politik (Kerajaan dan Pembangkang) yang terdaftar di seluruh negara. Nyatakan kedudukan kewangan semua parti tersebut bagi tahun 1988 dan 1989.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Parti-parti Politik yang berdaftar di Malaysia mempunyai beberapa punca kewangan. Mengikut rekod yang ada di Pejabat Pendaftar Pertubuhan, di antara punca-punca tersebut termasuklah yuran dan sumbangan ahli-ahli, derma, pinjaman daripada institusi-institusi kewangan, faedah dari pelaburan dalam institusi-institusi kewangan dan juga dari sewaan harta/bangunan.

Seksyen 10 Akta Pertubuhan memperuntukan bahawa hanya ahli-ahli pertubuhan sahaja yang layak menyemak dan memeriksa kedudukan kewangan semua parti bagi tahun 1988 dan 1989 seperti diminta tidaklah dapat saya berikan.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMBATALKAN

42. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Kementeriannya bercadang mengkaji semula serta membatalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan keempat-empat pengisytiharan darurat di dalam Malaysia sekarang, memandangkan bahawa pihak Parti Komunis Malaya telah menyerah semua senjata mereka dan syarat-syarat darurat tidak lagi ada di negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Termeterainya Perjanjian yang menamatkan perjuangan bersenjata PKM pada 2-12-1989 lalu tidaklah bermakna negara ini bebas sepenuhnya dari segala rupa bentuk ancaman yang boleh mengganggu-gugat dan menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Corak masyarakat majmuk yang wujud dalam negara ini sentiasa mudah terdedah kepada berbagai-bagai jenis dan bentuk ancaman keselamatan, selain dari ancaman yang berpunca dari kegiatan komunisme itu sendiri.

Sebagai undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) adalah untuk mencegah atau menentang tindakan atau ancaman yang boleh membangkitkan bahaya-bahaya yang disenaraikan dalam perenggan (a) hingga (f) Fasal (1) Perkara 149 tersebut, dan bukan hanya bahaya dari ancaman PKM. Begitu juga keempat perisytiharan darurat yang berkuatkuasa pada masa ini telah dibuat bukan hanya kerana ancaman dari PKM semata-mata tetapi juga oleh keadaan-keadaan lain yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di negara ini. Oleh itu persetujuan PKM untuk menamatkan perjuangan bersenjatanya tidak seharusnya menjadi sebab bagi menimbang untuk membatalkan AKDN dan keempat-empat perisytiharan darurat yang dimaksudkan.

MINYAK MENTAH—JUMLAH PENGELUARAN

43. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bagi tempoh tahun 1984 hingga 1989;

- (a) jumlah tong minyak mentah yang dikeluarkan oleh setiap negeri yang mengeluarkan minyak di Malaysia;
- (b) jumlah pendapatan yang diperolehi daripada minyak mentah daripada setiap negeri;
- (c) jumlah amaun rebate yang diberi kepada setiap negeri yang mengeluarkan minyak;
- (d) sama ada mana-mana negeri yang mengeluarkan minyak telah secara rasmi meminta supaya rebate tersebut ditambahkan, nyatakan nama negeri-negeri tersebut yang berbuat demikian dan peratusan tambahan yang dipinda; dan
- (e) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menaikkan

rebate hasil minyak kepada 10 peratus dan jika tidak, mengapa; jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat jumlah pengeluaran minyak mentah Malaysia bagi tempoh 1984 hingga 1989 adalah sebanyak 1,068 juta tong. Minyak mentah itu diperolehi daripada telaga-telaga di luar pantai negeri-negeri seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Juta Tong</i>
Terengganu	576 (54%)
Sarawak	290 (27%)
Sabah	200 (19%)

- (b) Jumlah pendapatan daripada hasil jualan minyak mentah di dalam tempoh tersebut adalah sebanyak \$62.1 ribu juta.

- (c) Bagi menjawab soalan ketiga Ahli Yang Berhormat, saya menganggap maksud rebate yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai royalti. Jumlah royalti minyak yang diberikan kepada ketiga-tiga negeri yang terlibat bagi tempoh lima tahun terakhir adalah sebanyak \$3,107 juta. Pecahan royalti mengikut negeri-negeri berkenaan adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Juta Ringgit</i>
Terengganu	1,552
Sarawak	1,048
Sabah	507

- (d) Buat masa ini Kerajaan tidak ada menerima permohonan rasmi secara bertulis daripada mana-mana negeri yang mengeluarkan minyak mentah supaya royalti yang diberi kepada mereka sekarang iaitu 5% daripada pengeluaran kasar minyak mentah ditambah.

(e) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar royalti hasil minyak bagi negeri pengeluar minyak di Malaysia. Kerajaan berpendapat sistem perkongsian kos dan keuntungan di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang digunakan sekarang, dianggap adil kepada semua pihak. Pemberian royalti sebanyak 10% di bawah PSC diagihkan bersama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di mana operasi pengeluaran terletak. Ianya merupakan satu daripada aspek yang penting dalam PSC yang dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar bagi kerja-kerja mencarigali dan pengeluaran petroleum di negara ini. Kerajaan berpendapat sekiranya bayaran royalti ditambah, Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang ditawarkan oleh negara ini mungkin tidak lagi akan menarik berbanding dengan apa yang ditawarkan oleh negara lain, dan ianya memberi kesan negatif kepada usaha untuk pelaburan asing di dalam industri petroleum negara bagi kerja-kerja mencarigali dan pengeluaran petroleum.

WARGANEGARA MALAYSIA MELAWAT CHINA— KEBENARAN

44. Tuan Liéw Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menormalkan perhubungan antara Malaysia dan Republik Rakyat China dan membenarkan warganegara Malaysia melawat Republik Rakyat China dengan bebas tanpa sebarang sekatan umur.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) telah

dijalin mulai tahun 1974 lagi. Sejak itu hubungan dua hala di antara kedua-dua negara terutama sekali hubungan perdagangan telah berkembang dengan pesatnya.

Semenjak tahun 1985 hingga sekarang Kerajaan secara beransur-ansur telah melonggarkan peraturan-peraturan mengenai lawatan warganegara Malaysia ke RRC. Misalnya sekatan umur untuk lawatan sosial telah diturunkan daripada 60 tahun kepada 50 tahun, dan warganegara Malaysia yang berumur kurang dari 50 tahun yang dahulunya tidak dibenarkan melancong ke RRC kini telah dibenarkan berbuat demikian secara berkumpulan. Syarat-syarat ke RRC yang dikenakan pada masa ini adalah sesuai dengan keperluan semasa dan Kerajaan akan sentiasa mengulangkaji peraturan-peraturan ini dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira akan kepentingan negara.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA—PEMALSUAN

45. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang positif untuk mencegah sindiket larikan Pasport Antarabangsa Malaysia yang begitu aktif di dalam dan di luar Malaysia;

- (a) berapa laporan kehilangan Pasport Antarabangsa didapati sehingga setakat ini;
- (b) bilangan pasport tersebut dijumpai baik; dan
- (c) adakah Kerajaan akan mengeluarkan pasport baru kepada mangsa tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa membuat penelitian dan semakan terhadap pasport-pasport yang dicurigakan di pintu-pintu masuk negara ini dan seandainya terbukti, tindakan yang lebih tegas akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

Jabatan-jabatan berkenaan juga menjalankan siasatan terhadap aduan-aduan terhadap sindiket-sindiket yang terlibat dalam kecurian dan pemalsuan pasport Malaysia.

Semasa Pasport Antarabangsa dikeluarkan, pegawai imigresen lazimnya menasihatkan pemegang-pemegang pasport supaya berhati-hati menyimpan dokumen perjalanan tersebut. Sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab pemegang pasport itu sendiri untuk menjaga keselamatan pasportnya.

- (a) Sejak tahun 1988 hingga Februari 1990, sebanyak 3,396 pasport Malaysia telah dilaporkan hilang.
- (b) bilangan pasport yang dijumpai semula adalah kurang daripada 5% (169 naskah).
- (c) Keputusan untuk mengeluarkan pasport baru kepada orang-orang yang kehilangan pasport adalah bergantung kepada hasil siasatan pihak Jabatan Imigresen. Pasport Antarabangsa Malaysia yang baru akan dikeluarkan sekiranya didapati keterangan pemegang adalah benar.

KES HABEAS CORPUS KE MAHKAMAH

46. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan kes habeas corpus yang dibawa ke Mahkamah oleh orang-orang tahanan ISA dalam setiap tahun sejak penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri; jumlah yang berjaya dan dari jumlah ini berapa orang ditangkap semula sebaik sahaja mahkamah membebaskan mereka dan tidakkah tindakan menangkap dan menahan semula itu bercanggah dengan prinsip keluhuran undang-undang (rule of law).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah bilangan kes habeas corpus yang dibawa ke Mahkamah oleh orang-orang

tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 sejak Akta Keselamatan Dalam Negeri dikuatkuasakan adalah sebanyak 16 kes kesemuanya iaitu 2 kes dalam tahun 1987 dan 14 kes dalam tahun 1988.

- (b) Jumlah yang berjaya mendapatkan habeas corpus ialah 4 orang dan seorang ditangkap semula sebaik sahaja Mahkamah membebaskannya.
- (c) Tindakan menangkap dan menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ini adalah tidak bercanggah dengan prinsip keluhuran undang-undang (rule of law) kerana tindakan begini adalah mengikut lunas undang-undang dan pihak berwajib mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mencegah mereka berkenaan dari terus menjalankan kegiatan yang mendatangkan ancaman kepada keselamatan Malaysia.

HUKUMAN MATI— MENGHAPUSKAN

47. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan bercadang menghapuskan hukuman mati oleh kerana ia tidak memberi kesan dan lagi pun negara tidak berhak untuk mengambil nyawa seseorang warganegara dan hanya Tuhan yang memberi nyawa boleh berbuat demikian.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan belum bercadang untuk menghapuskan hukuman mati kerana hukuman itu berkesan untuk meng-hukum penjenayah-penjenayah tertentu dalam usaha menjaga dan mengekalkan ketenteraman dan keselamatan negara.

MASJID AL-AZIM NEGERI MELAKA—SIASATAN POLIS

48. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu laporan polis telah dibuat terhadap Y.A.B. Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abdul Rahim Thamby Chik dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Mohamed Zam bahawa mereka terlibat dalam dan membenarkan penipuan dan penyelewengan sebanyak \$700,000.00 berlaku dalam pembinaan Masjid Al-Azim Negeri Melaka; jika ya, nyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Y.A.B. Ketua Menteri Melaka serta hasil siasatan polis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah masih dalam siasatan polis.

(Soalan No. 49. Sila lihat jawapan No. 5 pada 27-2-90)

PARTI KOMUNIS MALAYA— JERANGKAP SAMAR

50. Tuan Haji Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah jerangkap samar yang masih boleh diguna yang ditanam oleh PKM di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand. Daripada jumlah tersebut berapakah yang sudah dimusnah oleh anggota PKM setelah perjanjian perletakan senjata dibuat pada 2hb Disember, 1989 di Haadyai itu.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sehingga kini sebanyak lapan kawasan di sekitar hutan simpanan Hulu Muda, Kedah, kawasan Klian Intan dan Lenggong serta di kawasan Ulu Perak dan Kelantan telah dikenal pasti sebagai kawasan yang terlibat dengan jerangkap samar. Jumlah jerangkap samar yang masih boleh digunakan tidak dapat dipastikan.

Dalam perjanjian perdamaian Malaysia/PKM pada 2 Disember, 1989, pihak PKM telah bersetuju untuk membersihkan dan memusnahkan semua jerangkap samar di kawasan-kawasan tersebut. Gerakan pemusnahan jerangkap samar ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan Tentera/Polis dan PKM. Rancangan pemusnahan jerangkap samar ini sedang dikaji dengan teliti. Keputusan muktamad tentang pelaksanaan operasi ini belum lagi ditetapkan.

Buat masa ini pihak Angkatan Tentera Malaysia tidak dapat menetapkan jumlah sebenar jerangkap samar yang boleh digunakan dan dimusnahkan sehingga operasi pembersihan dan pemusnahan selesai dilaksanakan.

(Soalan No. 51. Sila lihat jawapan No. 5 pada 27-2-90)

KEMALANGAN HELIKOPTER NURI TUDM

52. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah helikopter Nuri selamat digunakan oleh Tentera Udara setelah berlakunya nahas di Lundu Sarawak dan sebelumnya di sempadan Perak/Kelantan. Apakah hasil penyiasatan nahas di Lundu Sarawak akan dimaklumkan kepada pengetahuan umum.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Helikopter Nuri sentiasa menerima pengawasan (maintenance) yang dijalankan sendiri oleh TUDM mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Semua helikopter Nuri yang ada sekarang adalah selamat untuk digunakan.

Punca sebenar kemalangan ke atas pesawat Nuri yang berlaku di sempadan Perak/Kelantan adalah akibat keadaan cuaca buruk manakala kemalangan di Lundu Sarawak masih belum dapat dipastikan dengan tepat kerana Lembaga Penyiasatan sedang dalam proses penyiasatan dan keputusannya nanti akan diumumkan.

TADIKA DAN ENROLMEN

53. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah Tadika yang ditaja/dikendalikan oleh Kerajaan di seluruh negara mengikut pecahan negeri, jumlah tenaga pengajar dan enrolmen; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan lagi mutu tenaga pengajar di

Tadika, memandangkan di Tadikalah kanak-kanak mula-mula diperkenalkan ke suasana pembelajaran formal yang sangat penting dalam pembentukan perwatakan mereka.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana jawapan ini mengandungi senarai angka yang panjang, kebenaran Tuan Yang di-Pertua adalah dipohon supaya jawapan disampaikan secara bertulis.

BILANGAN TADIKA, KENDALIAN KERAJAAN, TENAGA PENGAJAR DAN ENROLMEN MENGIKUT NEGERI TAHUN 1989

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Tadika Kendalian Kerajaan</i>	<i>Bil. Tenaga Pengajar</i>	<i>Enrolmen</i>
Johor Darul Takzim	559	944	22,691
Kedah Darul Aman	512	928	16,981
Kelantan Darul Naim	541	848	14,680
Melaka	213	431	7,811
N. Sembilan Darul Khusus	285	391	10,696
Pahang Darul Makmur	485	1,161	19,210
Perak Darul Ridzuan	606	924	19,133
Perlis Indera Kayangan	105	172	3,205
Pulau Pinang	231	473	9,848
Sabah	310	550	10,894
Sarawak	322	880	10,353
Selangor Darul Ehsan	539	725	17,430
Terengganu Darul Iman	430	716	15,073
Wilayah Persekutuan	221	480	10,827
JUMLAH	5,359	9,623	188,835

- (b) Mengikut peraturan, latihan tenaga pengajar Tadika merupakan tanggungjawab Tadika itu sendiri. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sentiasa mengesan mutu pengajaran di Tadika-tadika. Antara langkah-langkah yang diambil oleh

Kementerian Pendidikan untuk mengawal mutu tenaga pengajar di Tadika-tadika itu ialah:

- (i) Mempastikan melalui pendaftaran bahawa hanya guru-guru yang berkelayakan dibenarkan mengajar.

- (ii) Menggalakkan pihak pengurusan Tadika menjalankan kursus-kursus untuk tenaga pengajar mereka.
- (iii) Membantu pihak pengurusan Tadika menjalankan kursus-kursus latihan untuk tenaga pengajar mereka.

Kementerian Pendidikan ada menyediakan Garis Panduan Kurikulum Pra Sekolah. Tadika-tadika adalah digalakkan menggunakan garis panduan yang disediakan. Buku ini boleh dijadikan panduan dan bimbingan kepada penganjur-penganjur pra-sekolah bagi mempertingkatkan lagi taraf pendidikan pra-sekolah di negara ini.

Rancangan dan usaha sedang dijalankan untuk melengkapkan lagi persediaan kemudahan dan latihan tenaga pengajar bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan pra-sekolah.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan

yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan ber-banyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh.” (1hb Mac 1990)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap, sila sambung.

4.05 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya telah bercakap mengenai kedudukan syarikat-syarikat insurans tempatan yang agak tidak memuaskan dan ianya tidak memberi kepercayaan yang tinggi di kalangan usahawan-usahawan, baik usahawan tempatan mahupun usahawan dari luar negeri. Syarikat-syarikat insurans mestilah boleh memenuhi tuntutan-tuntutan yang dibuat. Kebolehan ini wujud jikalau ianya diuruskan dengan betul, misalannya premium-premium perlu dilaburkan dengan betul, bukan digunakan untuk membayar tuntutan. Usaha-usaha reinsuring mestilah dilakukan dengan cekap dan kena pada masanya. Jika ini dibuat, saya pasti industri insurans kita akan menyumbang kepada pendapatan intangibles, dengan izin, yang dahulunya mengalir keluar dengan banyaknya.

Bank Negara mesti memastikan suatu industri insurans yang sihat di negara kita dan Bank Negara tidak semestinya takut bertindak walaupun ke atas syarikat-syarikat insurans yang dipunyai atau dipengerusikan oleh orang-orang kenamaan kerana kek ekonomi negara perlu diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, zaman ini ialah zaman perdagangan antarabangsa. Negara yang tidak melibatkan diri di dalam aktiviti ini akan menjadi mundur baik dari segi ekonominya mahupun budayanya. Dengan terlepasnya negara-negara Eropah Timur dari belunggu

komunis yang mengamalkan pasaran terhad ataupun pasaran terkawal dan lantas masuk ke dalam ekonomi pasaran bebas, maka hakikat ini menjadi lebih nyata. Penubuhan single market di dalam gagasan European Union yang akan wujud pada 1992 akan merupakan satu cabaran yang besar kepada negara-negara kecil seperti negara kita iaitu negara-negara yang bergantung kepada pasaran dunia semata-mata.

Walaupun gagasan ASEAN ditubuh dengan tujuan utama mewujudkan kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota untuk bersaing dengan kuasa-kuasa ekonomi besar di dalam pasaran dunia, namun matlamat ini belum lagi tercapai. ASEAN sebaliknya berjaya di dalam kerjasama politik dan diplomasi serta juga kebudayaan. ASEAN gagal di dalam bidang kerjasama ekonomi. Sebab utama kegagalan di dalam bidang kerjasama ekonomi ini ialah kerendahan potensi tukar barang atau di dalam bahasa Inggerisnya *low trade complementarity*, dengan izin, di antara negara-negara anggota. Dengan erti kata lain, Tuan Yang di-Pertua, kesemua negara anggota-anggota mengeluarkan atau memperdagangkan komoditi yang sama. Kadang-kadang negara-negara anggota berebut-rebut pembeli yang sama sehingga ianya mengancam hubungan baik antara mereka. Contohnya, akhir-akhir ini kita bermasam muka dengan Indonesia lantaran berebut pasaran minyak kelapa sawit di India.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah *low complementarity of trade* di antara negara anggota ini dan seterusnya memasuki pasaran dunia, pihak ASEAN telah pun mencadangkan program ASEAN Industrial Joint Venture ataupun AIJV di dalam pengeluaran bahan-bahan dan barangan yang dahulunya diimport oleh negara-negara ASEAN dari negara-negara Barat dan Jepun seperti motokar, mesin-mesin, kilang, pengeluaran tembaga, baja urea, kertas dan lain-lain.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kebanyakan anggota-anggota ASEAN. Bahawa sesungguhnya inilah caranya untuk ASEAN mengorak langkah ke arah menjadi satu kuasa ekonomi dunia yang kekuatannya berasaskan faktor-faktor dalaman seperti ketinggian intra ASEAN trade dan kecukupan bekalan sumber-sumber untuk inter-industrial trade di antara negara-negara anggota. Dengan jumlah penduduk yang mencapai 250 juta manusia, pasaran dalaman ASEAN sendiripun mencukupi untuk menyemarakkan lagi ekonomi yang bercorak baru ini.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar adakah gagasan ASEAN Industrial Joint Venture ini merupakan satu item yang terendah di dalam agenda ASEAN ataupun mungkin ianya dilupakan sama sekali. Kalau ia, mengapa? Saya harap negara kita akan mengambil daya utama untuk membawa balik gagasan AIJV ini kepada perhatian yang lebih serius di kalangan anggota-anggota ASEAN. Hanya Malaysia sahaja yang memenuhi commitment IAJV setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu melalui projek kilang kertas di Perak dan kilang baja urea di Bintulu. Anggota-anggota lain masih berpeluk tubuh di dalam hal ini.

Saya mencadangkan supaya di-tambahkan lagi projek-projek di bawah IAJV ini dengan melibatkan lebih banyak ekuiti dari kalangan swasta dari negara-negara ASEAN. Malah jika ekuiti dipegang kesemuanya oleh sektor swasta dari ASEAN, ianya patut di-galakkan dengan insentif-insentif dan usaha-usaha sokongan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini sahajalah dapat kita mewujudkan satu tapak kerjasama antara negara-negara anggota ASEAN yang lebih kukuh, iaitu satu tapak ekonomi atau sub-structure, dengan izin, yang membolehkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi melampaui sempadan politik untuk

kebaikan semua negara anggota. Asas kerjasama yang ada pada masa ini hanyalah diplomasi dan budaya yang hanya merupakan super structure, dengan izin. Apabila sub-structure ataupun ekonomi lemah, maka super structure iaitu diplomasi dan politik terancam, contohnya seperti yang saya sebut di awalan tadi. Mungkin satu hari nanti kita akan bermasam muka mengenai getah dan kelapa sawit pula dan akan terkeluarlah statement-statement yang undiplomatic dari pemimpin-pemimpin yang pada akhirnya akan mengancam gagasan ASEAN itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap fasal pembangunan ekonomi di negara kita ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu berita di mukasurat 9 *The New Straits Times* pada 28hb Februari, 1990 yang bertajuk "Bumis in Business Below Target Figure", dengan izin. Berita ini menyebut kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai mengatakan bahawa, dengan izin, "We are far behind our target to have more bumiputra businessmen". Kenyataan ini menunjukkan bahawa usaha menyusun semula masyarakat masih belum mencapai matlamatnya. Mengapa ianya jadi begini?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang memerhati dan mengalami masalah ini secara first-hand, dengan izin. Bilangan bumiputera yang hendak menceburkan diri di dalam lapangan usahawan di bidang industri dan perniagaan memanglah banyak pada masa ini. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, response ataupun timbalbalas dari birokrasi Kerajaan untuk membolehkan mereka mendapat lesen dan permit masih tidak menggalakkan. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas mereka adalah syarat-syarat yang mustahil ditunaikan. Contohnya, apabila mereka memohon lesen kontrak, lesen teksi dan lain-lain lesen, mereka dikehendaki menunjuk akaun bank, menunjuk bukti harta dan mendapatkan penjamin dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian-kementerian berkenaan akan sedar bahawa bumiputera yang hendak masuk ke bidang business ini bukanlah bumiputera yang mempunyai akaun bank yang aktif atau bumiputera yang mempunyai harta, malah mereka yang ada akaun bank dan harta tidak mahu masuk ke dalam bidang yang mencabar ini, kerana mereka ini sudah secured ataupun sudah berasa secured dengan kedudukan mereka dan golongan bumiputera yang ada akaun bank dan harta ini kebanyakannya terdiri dari pegawai dan kakitangan Kerajaan. Mereka ini adalah orang-orang yang paling secured dan tidak mahu keluar dari kedudukannya sebagai penerima gaji tetap yang disokong dengan pencen tetap. Mereka tidak berminat untuk berniaga yang penuh dengan risiko. Mereka mementingkan sekuriti dari pendapatan yang mungkin lebih tinggi dari apa yang didapati sebagai gaji Kerajaan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian-kementerian ataupun Lembaga-lembaga mesti sedar bahawa mentality yang mementingkan sekuriti ini adalah menjalar keseluruh masyarakat bumiputera malah di manamana masyarakat yang membangun. Di sebaliknya, bumiputera yang ketiadaan harta dan ketiadaan akaun bank adalah kumpulan yang betul-betul dan bersungguh-sungguh hendak memasuki bidang business ini, kerana mereka mahu membaiki kedudukan ekonomi mereka.

Saya menyeru Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya berilah peluang kepada mereka untuk mendapatkan lesen-lesen dan permit-permit yang mereka minta tanpa banyak masalah. Soal mereka menjual permit ataupun lesen adalah soal lain yang mana boleh diatasi melalui enforcement yang rapi. Janganlah bumiputera yang banyak yang betul-betul mahu berniaga dijadikan mangsa, lantaran segelintir bumiputera lain menjual ataupun memajak permit dan lesen mereka.

Pada masa ini saya diberitahu adalah amat sukar untuk golongan bawahan

bumiputera mendapat lesen dan permit untuk berniaga. Saya harap ini tidak benar kerana memanglah hasrat Kerajaan untuk menggalakkan bumiputera berniaga, tetapi hasrat dan perlakuan kadang-kadang tidak disatukan di alam nyata disebabkan oleh jentera-jentera Kerajaan mentafsirkan hasrat ini berlainan langsung dengan apa yang dimaksudkan oleh Kerajaan yang memerintah. Oleh itu, adalah perlu pemimpin-pemimpin Kerajaan di Kementerian-kementerian mengambil tahu dengan lebih mendalam mengenai masalah yang saya sebut tadi.

Kita tidak boleh bermegah, Tuan Yang di-Pertua, dengan pencapaian bumiputera di dalam bidang perniagaan dengan hanya menunjuk kepada individu-individu yang dihelikopterkan sebagai pengerusi syarikat itu atau syarikat ini atau bank itu dan bank ini, terlepas mereka ini bersara dari Perkhidmatan Kerajaan yang penuh secured. Sebaliknya, kita hanya boleh bermegah apabila kita dapat menunjuk individu-individu yang membina sendiri syarikat korporatnya, yang berjaya setelah dilanda ombak dunia perniagaan dan yang berdikari tanpa bergantung kepada belas ihsan Kerajaan semata-mata. Berapa orangkah gergasi korporat bumiputera yang termasuk dalam kategori ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya fikir tidak banyak, mereka semuanya bermula dari bawah, lepas itu naik melalui tahap menengah dan seterusnya ke atas.

Di dalam usaha kita hendak mewujudkan 300 jutawan bumiputera, Tuan Yang di-Pertua, jangan kita lupa bahawa tanpa 30,000 usahawan menengah dan 300,000 usahawan kecil bumiputera, yang 300 itu akan berkubur tanpa nisan dalam sekelip mata sahaja. Hakikat sokong-menyokong di dalam struktur pyramid ini adalah kenyataan tabii yang boleh diaplikasikan di dalam mana-mana bidang termasuk politik. Sesuatu structure yang kuat adalah disebabkan oleh sokongan dari substructure yang kukuh yang melandaskan

structure pertengahan dan seterusnya melandaskan pula superstructure.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertumbuhan pesat sektor pengilangan sebagai satu sektor utama ekonomi negara, jangan pula kita abaikan kos sosial ataupun kos alam sekitar yang dibawanya. Apa yang saya maksudkan kos sosial ialah penurunan nilai akhlak di dalam bentuk apa yang berlaku sekarang di pusat-pusat industri di bandar. Penghijrahan anak-anak gadis ke bandar besar untuk bekerja di kilang-kilang dengan gaji yang hanya lebih sedikit daripada tahap untuk cukup makan dan sewa rumah menghasilkan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh agama.

Saya bukanlah hendak menyekat proses urbanisasi ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sekadar mencadangkan supaya kilang-kilang yang labour-intensive yang gajinya di bawah \$10 sehari itu, di tempatkan di kawasan-kawasan industri yang berdekatan dengan desa. Biarlah anak-anak muda yang ke bandar besar itu terdiri dari golongan-golongan mahir yang boleh mendapat gaji \$20 sehari sekurangnya. Nampaknya pemikiran begini tidak ada pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu proses industrialisasi dan urbanisasi berlaku di negara kita. Kita mahu kaum bumiputera ditolak ke bandar-bandar, bukan lagi ke bukit-bukau. Tetapi biarlah proses urbanisasi ini berlaku secara sistematis. Rhetoric yang mahukan anak muda kita dari desa ke bandar secara melulu tidak akan mencapai matlamat pembangunan negara yang harmonis, malah ianya merupakan satu transfer of poverty, dengan izin, ataupun penghijrahan kemiskinan dari desa ke bandar. Kos sosial yang berikutnya ialah apa yang dilihat sekarang seperti pelacuran dan penggunaan dadah.

Saya tidak mahu memanjang dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana ianya lama dipercakapkan dan saya hanya dapat 10 minit lagi sahaja untuk

bercakap, tetapi setakat hanya menyedarkan pihak-pihak perencana bahawa masalah ini masih wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kos kepada alam sekitar pula perlu diperingatkan. Sehingga kini kita belum lagi dapat menyediakan satu plan induk sistem dan jaringan lokasi pembuangan sisa-sisa industri khususnya yang toxic.

Di dalam Persidangan Parlimen yang lepas, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Nibong Tebal membantah sekeras-kerasnya cadangan menjadikan kawasan mereka sebagai tempat membuang sisa toxic. Malah Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang sememangnya seorang yang lemah-lembut boleh jadi garang dan marah-marah di dalam Dewan ini apabila sisa toxic hendak disimpan di Sepang. Beliau mengugut hendak mengepalai tunjuk perasaan menentang tujuan Kementerian yang berkenaan itu.

Saya sokong bantahan rakan-rakan saya ini memandangkan bahawa kawasan-kawasan mereka adalah kawasan yang kepadatan penduduknya tinggi. Tetapi apabila saya kata begini janganlah pula dicadangkan kawasan yang kepadatan penduduknya rendah seperti di kawasan saya di Padang Terap ataupun Kawasan Maran, ataupun di mana-mana sahaja kawasan pendalaman dijadikan sebagai kawasan ganti. Apa yang hendak saya cadangkan ialah satu kajian yang terperinci mengenai bentuk bumi ataupun, dengan izin, geological structure di kawasan-kawasan yang tertentu dijalankan. Kajian ini mesti mengambil kira faktor-faktor kos kepada kilang, persekitaran kediaman manusia dan lain-lain lagi. Hasilnya dapat menolong pembuatan ataupun pembentukan satu jaringan lokasi pembuangan sisa industri yang lebih selamat kepada alam sekitar, khususnya kehidupan manusia. Adakah ini dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar?

Dengan itu, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Pagoh.

Tuan Yang di-Pertua: Nibong Tebal.

4.20 ptg.

Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, syukurilah kepada Tuhan kerana dapat peluang hari ini bercakap. Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh semasa membentangkan usulnya, Titah Diraja inilah yang pertama kali dilafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semenjak menaiki takhta Kerajaan dan dengan demikian merupakan satu titik sejarah.

Sudah sewajarnya kita sekalian menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atas kata-kata nasihat kepada kita semua. Baginda bertitah atas pokok perkara yang begitu luas meliputi berbagai perkara daripada masalah kebajikan masyarakat membawa kepada pertahanan luar. Oleh sebab masa yang terhad, saya hanya membuat ulasan atas sedikit sebanyak topik pilihan sahaja.

Amat tepat sekali Baginda mengingatkan kita dan menggesa rakyat sekalian supaya memastikan agar demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan sentiasa kekal sebagai sebahagian daripada cara hidup kita rakyat Malaysia. Tidak perlu dikatakan lagi kedua-dua institusi ini tidaklah menghadapi sebarang ancaman bahaya buat masa ini. Namun tidaklah apa salahnya Baginda bertitah demikian bagi mengingatkan kita tentang kewajipan kita mempertahankanannya.

Sayugia diingat, demokrasi bukanlah bentuk pemerintahan yang paling efficient atau paling cekap. Hal ini diiktiraf oleh ahli-ahli falsafah politik. Maka itu, bolehlah difahami kenapa para pemimpin dunia ketiga yang ingin memodenkan negara mereka dengan cepat amat merasa sebak bila melihat

kemajuan di bidang perundangan dan membina concensus yang begitu lambat seperti siput dan kadangkala dicabar pula oleh idea menegakkan pemerintahan authoritarian.

Maka itu sepatutnya kita ingat meskipun demokrasi bukanlah pemerintahan yang paling efficient, namun tiada pula yang lebih baik daripadanya. Kerajaan Meiji di Jepun abad lalu dan pemerintahan Nazi di Jerman sebelum meletus Perang Dunia Kedua memberikan contoh pemerintahan yang amat cekap dalam zamannya, tetapi saya tidak tahulah kalau ada sesiapa rakyat Malaysia yang ingin negara kita meniru jejak kedua-dua negara itu.

Memang kita ingin memodenkan negara dan masyarakat kita, tetapi kita tidak bersedia untuk berkorban hak-hak dan kebebasan kita demi kemajuan yang dikejar itu. Dengan kata-kata lain, kita ingin memodenkan negara mengikut kederasan demokrasi kita sendiri. Secara berseloroh, ada orang berkata, separuh daripada raja yang masih kekal di dunia ini berada di Malaysia. Kita mempunyai sembilan orang Sultan dan seorang Yang di-Pertuan Agong. Inilah fakta yang benar, tetapi raja-raja kita semuanya Raja berperlembagaan, bukan raja mutlak. Baginda semua menerima Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya negeri dan pusat. Baginda semua membuktikan sebagai lambang perpaduan negara yang penting dan mustahak dalam negara kita yang berbilang bangsa ini.

Baginda semua membuktikan juga peranan memberi kesinambungan dan kestabilan terutama sekali dalam tempoh perubahan politik berlaku. Semasa pemerintahannya, Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang ini dijangka dapat memainkan peranan yang benar-benar positif dalam usaha memperkukuhkan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan.

Baginda menaiki takhta Kerajaan dengan latar kebijaksanaan sebagai

seorang Sarjana serta pengalaman masa lalu Baginda sebagai Pentadbir Undang-undang yang disanjung tinggi. Kita berdoa mudah-mudahan Seri Paduka Baginda akan menghulurkan tangan membantu bagi memperkukuhkan pertalian antara badan peguam, pihak kehakiman dan juga Kerajaan.

Duli Yang Maha Mulia menyatakan rasa puas hati bahawa ancaman bersenjata daripada Parti Komunis Malaya di Semenanjung sudahpun berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairan apabila wakil-wakil rakyat Pembangkang mengecam Kerajaan berkenaan dengan perjanjian damai yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya. Mereka menuduh Kerajaan berlembut dengan Chin Peng dan dengan itu mengkhianati rakyat Malaysia yang telah berkorban nyawa dalam perjuangan bagi mengekalkan keselamatan negara ini.

Berikutan dengan perjanjian Haadyai itu, Parti Komunis Malaya sudah pun bersetuju meletakkan senjata menghentikan segala bentuk perlawanan. Mereka juga mula membubarkan pasukan bersenjata mereka. Disamping itu mereka berjanji akan membuang semua jenis jerangkap samar yang dipasang dalam hutan-hutan di sempadan. Tentulah kanak-kanak sekolah pun boleh memahami siapa yang menyerah kepada siapa.

Pada hemat saya, jelaslah Chin Peng dan Parti Komunis Malaya yang menyerah kepada Kerajaan Malaysia yang dipilih secara demokratik dan bukan sebaliknya. Kenapa mereka berbuat begitu? Tidak boleh dinafikan lagi pasukan tentera kita, pasukan polis kita, Kerajaan dan rakyat berjaya memerangi dan mengalahkan Parti Komunis Malaya itu.

Sepertimana Titah Tuanku, "... dengan kejayaan itu seluruh rakyat Malaysia dapat menikmati apa yang saya

hendak katakan "peace dividend", atau, dividen keamanan. Dengan berakhirnya ancaman bersenjata komunis di Semenanjung, maka dapatlah kita memberikan tumpuan yang lebih kepada pembangunan negara", Titah Baginda.

Maka itu, marilah kita menggesa pihak Kerajaan supaya menggunakan penjimatan atau tabungan yang diperolehi daripada perletakan senjata dan penamatan pertempuran itu bagi membantu bekas anggota pasukan bersenjata dan bekas pasukan polis, anggota-anggota pasukan yang akan disarakan, balu-balu dengan tanggungan mereka, anak-anak yatim, bahkan seluruh rakyat yang telah terpaksa menderita kesusahan selama keadaan darurat berlangsung itu hingga tercapainya kemenangan. Ini termasuklah orang-orang Melayu, Cina, India, Thai dan Orang Asli yang terpaksa ditempatkan semula semasa darurat itu.

Sudah sepatutnyalah mereka yang menderita selama ini daripada tahun 1948 hingga sekarang menikmati dividen keamanan ini. Kalau ada pun sebarang keraguan di pihak mereka yang merasa masih bimbang kepada ancaman Parti Komunis Malaya, sukalah saya menarik perhatian mereka kepada apa yang sedang berlaku di Eropah Timur dan Russia. Tirai besi yang memisahkan Eropah kini sudah runtuh. Ideologi parti Komunis di kebanyakan negara komunis menghadapi cabaran dari dalam. Baru minggu ini Supreme Soviet di Moscow iaitu badan tertinggi parti Komunis Soviet mengundi untuk membenarkan negara ini berbalik semula kepada sistem hak milik tanah dan modal perseorangan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jelaskan kini fahaman komunis tidak laku lagi bahkan di negara ciptaan Lenin sendiri. Jadi, soalnya, orang komuniskah yang patut merasa bimbang kepada kita atau kita harus merasa bimbang terhadap mereka dan lagi pula kenapa Parti Rakyat Sosialis Malaya kini

mengambil nama asalnya Parti Rakyat dengan menggugurkan perkataan Sosialis itu? Saya harap ahli-ahli politik di kalangan pihak Pembangkang tidak terlalu gelabah hingga sanggup memutar-belitkan kenyataan semata-mata untuk menghasut rakyat ramai menentang Kerajaan.

Duli Yang Maha Mulia juga memuji Kerajaan dan rakyat sekalian dalam usaha dan sumbangan mereka bagi menyelamatkan ekonomi negara daripada resesi yang bermula pertengahan tahun 80an dalam tempoh yang begitu singkat. Bila Kerajaan berbuat salah, kita terus mengecamnya. Memang betul itu, tetapi apabila Kerajaan mencapai sesuatu kejayaan tidak seharusnya kita begitu kedekut dengan kata-kata pujian yang sepatutnya.

Dalam pertengahan 80an, semasa ekonomi negara hampir jatuh ke titik zero atau nil dalam pertumbuhannya, Kerajaan segera mengkaji semula dasar dan tindakannya supaya dapat menentukan kenapa sektor swasta, baik asing ataupun dalam negeri tidak berminat untuk melabur di negara kita. Apabila disedari bahawa ia berpunca daripada peraturan yang berlebihan atau over-regulation maka Kerajaan mengambil langkah sertamerta menghuraikan masalah itu dengan membuang segala sekatan dan gendalaan, mengendurkan syarat-syarat pelaburan, meningkatkan insentif kepada pelaburan luar dan tempatan, dan lebih penting menghapuskan red-tape birokrat yang menjadi biang keladi selama ini. Di samping itu pihak-pihak berkenaan mengadakan sesi dialog yang tidak terkira banyaknya dengan para pelabur di dalam dan di luar negeri untuk memulihkan keyakinan dan kepercayaan mereka kepada negara ini.

Yang Amat Berhomat Perdana Menteri sedar, beliau mengambil risiko politik yang besar apabila syarat peraturan ekuiti dikendurkan kerana dalam hal ini beliau boleh dituduh mengkhianati kepentingan bumiputera

oleh lawan-lawan politiknya. Namun, demi kepentingan jangka panjang negara, beliau bersedia menjadi orang yang tidak popular kalau perlu, dan berbuat apa yang difikirkan mustahak dalam sesuatu keadaan. Ada pepatah Cina "Tiada orang sakit yang suka makan ubat pahit". Memang ubat Cina lazimnya pahit, tetapi dia tahu dia terpaksa menelan ubat pahit itu kalau mahu sembuh dari sakitnya. Begitulah yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memaksa rakyat menelan ubat pahit itu kerana hendak memulihkan penyakit ekonomi negara.

Memang pada mulanya kita tidak suka menerimanya, tetapi apabila ekonomi sekarang semakin memanjang, kini eksport barangan buatan Malaysia mencatatkan lebih 50% daripada jumlah hasil eksport negara, maka seharusnya kita menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada beliau dan anggota-anggota jemaah Menteri atas keberanian dan kecekalan politik mereka di saat-saat genting negara.

Kini apabila kita menginjak masuk ke tahun 90an, janganlah hendaknya kita berbalik semula kepada tabiat buruk yang lalu itu. Janganlah kita biarkan ahli-ahli politik, khususnya ahli-ahli politik yang kecewa menghasut dan mengorbankan perasaan rakyat menentang Kerajaan. Kerajaan sudah berjaya membawa kita balik ke jalan yang betul, jalan yang menuju bahagia dengan mengenenpikan peraturan-peraturan yang mengongkong, jalan yang membawa kita kepada kecekapan yang lebih tinggi dan daya pengeluaran yang lebih tinggi. Asalkan kita tetap berada di jalan ini, dengan izin, Tuhan yang maha kuasa menjelang tahun 2000 Masihi kita rakyat Malaysia seluruhnya akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik dan mungkin dapat hampir-hampir menyamai taraf hidup rakyat Singapura dan Taiwan.

Duli Yang Maha Mulia juga menyebut tentang betapa perlunya mengekalkan pengurusan kewangan yang ketat dan

sempurna bagi mengelakkan pembaziran dan penyalah-ambilan dana negara. Setiap Kerajaan di dunia ini terdiri daripada manusia dan memang pula manusia tidak terlepas daripada berbuat kesalahan, lebih-lebih lagi bila bersangkutan dengan kewangan. Memang tepat pada waktunya Baginda mengingatkan kita supaya sentiasa cermat dan jimat bila menguruskan wang negara oleh sebab wang itu milik rakyat. Pengurusan kewangan merupakan amanah rakyat.

Benarkan saya membuat dua cadangan dalam perkara ini. Pertama, saya mencadangkan Kerajaan kita hendaklah mengamalkan sistem tender umum terbuka dalam semua hal sebolehnya. Pihak penender hendaklah di pra-syaratkan supaya setiap penender yang layak disijilkan sebagai mampu membuat kerja itu sekiranya diberikan kepadanya dan secara autor.atik tender hendaklah diberikan kepada penender yang paling rendah. Ini bukan perkara baru, tetapi kadangkala dalam beberapa kejadian yang tertentu pihak yang berkenaan tidak begitu memerhatikan perkara yang penting ini.

Kedua, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan perlunya merumuskan satu undang-undang baru dengan tujuan menghalang ahli-ahli politik yang memegang jawatan penuh dalam Kerajaan misalnya sebagai anggota Jemaah Menteri atau Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menjadi Pemegang Amanah ataupun ahli pengarah dalam syarikat atau badan-badan yang dimiliki oleh parti politik mereka. Dengan berbuat demikian, dengan adanya undang-undang baru ini dapatlah kita mengelakkan kemungkinan para Menteri kita ataupun Ahli-ahli EXCO dan yang lain-lain berada dalam keadaan bercanggah kepentingan dalam jawatan yang mereka pegang itu.

Akhir kata, saya mengambil peluang ini menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana

Titah Di Raja yang memberikan kita inspirasi serta menanamkan azam baru demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara dalam tahun-tahun 90an ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Kok Lanas.

4.43 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon turut menyokong Ucapan Junjung Kasih kepada Yang di-Pertuan Agong yang ke-IX yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

Masa depan nampaknya tidak menentu dan sejarah tidak sentiasa menjadi petunjuk yang terang; tetapi trend yang ada boleh juga diselami untuk membuat beberapa penekanan, mencari pemikiran, membuat andaian dan memberi pedoman dan amaran tentang beberapa kemungkinan yang akan terjadi yang akan merosak dan membahayakan bangsa Melayu dan negara Malaysia.

Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyeru rakyat mengekal dan meningkatkan lagi semangat patriotik, menumpukan taat setia kepada Kerajaan supaya Kerajaan mampu meneruskan usahanya ke arah memberi kita keamanan, kemakmuran, kemajuan dan kesejahteraan ketingkatan yang lebih tinggi lagi dari sekarang dan negara terus bersatu padu, kuat dan teguh.

Pedoman yang ditunjukkan oleh Yang di-Pertuan Agong itu wajar menjadi panduan dan matlamat semua rakyat kerana semangat patriotism kita belum lagi sehebat seperti semangat patriotisme rakyat Singapura, Indonesia, Thailand dan jauh lemah dan mundur dari semangat kebangsaan dan dedikasi orang Jepun dan bangsa Jerman.

Kita harus contohi ketekunan, kerajinan, kesungguhan, disiplin dan patriotism bangsa Jepun dan Jerman yang dulu kalah dalam Peperangan Dunia Yang Kedua tetapi kerana kezaman yang kuat, kegigihan, kerajinan, pelajaran yang tinggi dan meluas, disiplin dan patriotisme, Jepun dan Jerman sekarang lebih maju dari negara-negara sekutu yang menang di dalam Peperangan Dunia Kedua, kecuali Amerika Syarikat. Kini Jepun dan Jerman mendahului Great Britain dan France.

Bagi mencapai tahap Jepun atau Singapura, Kerajaan dan rakyat mesti mengiktirafkan kejayaan atau, dengan izin, "reward success" tanpa pilih kasih dan diskriminasi. Kalau rakyat, terutamanya bumiputera, terus bersengketa dan bertarung seperti keadaan hari ini usahakan kita mahu capai kejayaan yang lebih tinggi, bahkan besar kemungkinannya, apa yang kita ada pun mungkin akan tercicir. Saya takut dan khuatir nanti apa yang dikejar tidak dapat dan apa yang dikelek tercicir pula. Maka termusnahlah segala harapan dan hasrat Titah Di Raja itu.

Justeru itu orang-orang Melayu dan bumiputera janganlah mengejar bayang atau mirage. Kita wajib kukuh, teguh, perluas dan tingkatkan lagi apa yang kita telah ada. Dalam masa yang sama kita berkembang ke bidang-bidang yang kita masih lemah dan mundur atau belum terokai lagi. Mirage atau bayangan sangat menarik tetapi kita tidak akan mendekatinya. Saya merayu agar bumiputera menitikberatkan kepada usaha dan peranan mereka dengan seikhlas-ikhlasnya bagi memastikan keteguhan kuasa siasah, kedudukan dan masa depan kita terpelihara.

Kuasa politik Melayu tidak mutlak kerana tiap-tiap lima tahun sekali kita akan meminta mandat baru dari rakyat dalam satu Pilihanraya Umum yang boleh berlaku bila-bila masa pun antara sekarang dan Oktober, 1991. Pilihanraya Umum akan datang ialah bagi Parlimen

Kelapan dan selama tujuh Pilihanraya Umum yang sudah berlangsung tiada penyelewengan berlaku dan saya percaya ia tidak akan berlaku di masa depan. Kita bukan Filipina di zaman Marcos dan negara-negara yang mengamalkan vote rigging, dengan izin. Malaysia terkenal kerana amalan demokrasinya yang terbuka dan baik. Tiada sebarang bukti yang Suruhanjaya Pilihanraya telah menyeleweng. Saya yakin penuh dengan kredibiliti Suruhanjaya Pilihanraya dan ia adalah sebuah badan yang bebas dan tidak memiliki sebarang kepentingan parti politik.

Kuasa politik Melayu dalam bentuk sekarang terus atau tidak berterusan akan ditentukan dalam pilihanraya akan datang. Kerajaan tidak boleh menentukan kuasa itu kekal atau tidak kerana hanya rakyat sahaja yang boleh menentukannya. Dan saya menyeru rakyat Melayu dan bumiputera agar memastikan kuasa dan ketuanan kita dan Kerajaan yang memerintah sekarang menang dalam pilihanraya akan datang. Kita harus mengikuti teladan bangsa Jepun yang memberi mandat baru kepada Parti Liberal Demokrat untuk meneruskan memerintah negara itu. Parti Liberal Demokrat telah memerintah Jepun berterusan semenjak tahun 1951 kecuali dua tahun terhenti sebab itulah Jepun maju dan sedang meningkat maju dan mungkin pada satu hari akan menjadi bangsa dan negara yang terkuat dan termaju di dunia ini. Contohilah rakyat Singapura yang telah memberi sokongan kepada parti pemerintahnya, PAP, berterusan semenjak tahun 1959 dan sebab itulah seperti Jepun juga Singapura maju dan sedang meningkat dan mencabar kerana Kerajaannya sentiasa teguh dan kuat. Begitu juga ceritanya di Korea Selatan, di Taiwan dan sedikit sebanyak di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan juga wujud di Jepun, di Singapura, di Taiwan, di Korea Selatan

dan di sini pun. Mana negara yang tidak ada kelemahan? Tetapi kalau kebbaikannya banyak dari kesilapan-kesilapan dan kelemahan maka kita harus menyokong parti dan Kerajaan itu. Sebuah negara yang sedang membangun memerlukan sebuah Kerajaan yang kuat dan parti yang kuat menerajunya apalagi dalam sebuah negara yang berbilang bangsa seperti negara kita ini di mana majoriti pribuminya tidak besar, mundur dan miskin pula. Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO sedang berusaha membawa kemajuan yang lebih besar dan meluas lagi untuk dinikmati oleh semua golongan rakyat dan saya menyeru rakyat memberi Kerajaan mandat baru untuk meneruskan usahanya bagi membangun negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 33 tahun kita merdeka dan 20 tahun semenjak peristiwa Mei 13, tahun 1969 saya kira tidak ada seorang pun jika dia adil yang boleh berkata bahawa Malaysia tidak melalui perubahan dan kemajuan dalam politik, sosial dan ekonominya. Saya suka melihat lahirnya dasar-dasar dan resolusi-resolusi baru dalam masa 20 atau 30 tahun ke muka yang akan membawa perubahan politik, sosial dan ekonomi yang lebih nyata, berani dan mencabar di kalangan semua rakyat terutama yang tinggal di kampung-kampung dan di luar bandar kerana masih wujud jurang perbezaan yang serius dalam segi sosial dan ekonomi, keadaan yang tidak seimbang di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Walaupun bumiputera sebenarnya telah mencapai banyak kejayaan tetapi serentak, bukan bumiputera juga terus maju bahkan berlipat kali ganda. Sesungguhnya, ramai yang percaya jurang perbezaan antara kedua pihak ini telah menjadi lebih besar. Orang-orang Cina Malaysia masih kuasai ekonomi negara dan ada tanda-tanda mereka bukan sahaja dapat mengekalkan kedudukan mereka yang dominan itu, tetapi akan memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi mereka dalam beberapa tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah impression dan inilah kesimpulan saya setelah menilai statistik-statistik dan projection-projection ekonomi yang ada dan yang terakhir atau the latest. Kita amat sedar bagaimana kesungguhan, kepintaran, tipu helah dan keazaman kawan-kawan Cina kita untuk maju dan mara ke depan dan mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam semua bidang se pantas dan secepat yang boleh. Tiada salah bagi mereka mempunyai keazaman dan dedikasi yang kuat ini, bahkan saya menyeru rakyat bumiputera meniru dan mengambil sifat kuat kerja, tekun, ambisi dan dedikasi kawan-kawan kita dari bangsa Cina.

Saya mahu Dasar Ekonomi Baru diteruskan dan tidak ditamatkan. Saya yakin orang-orang Cina yang bertanggungjawab pun tidak mahu Dasar Ekonomi Baru ditamatkan, mereka mahu DEB diteruskan sehingga bumiputera mendapat kedudukan ekonomi yang baik, kerana tanpa kedudukan yang bumiputera sifatkan adil, maka tidak akan ada jaminan satu perubahan besar politik atau political upheavals, dengan izin, tidak akan berlaku dan tiada seorang pun yang ingin perubahan besar tiba-tiba berlaku. Kita harus berwaspada agar apa yang berlaku 20 tahun dahulu tidak berulang. Saya tidak ingin melihat peristiwa itu berulang. Saya tidak mahu huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, DAP telah menggantungkan keanggotaannya dalam MAPEN, tetapi DAP, baik sebelum atau selepas ia meninggalkan MAPEN, saya sukacita mengatakan DAP adalah satu parti yang consistent, polisinya tidak berubah—DAP menentang Dasar Ekonomi Baru dalam beberapa bentuk dan telah mengkritik dan mengecamnya sepanjang zaman dengan hebat, baik dasar apatah lagi pelaksanaannya.

Semangat 46, PAS dan DAP telah menubuhkan satu pakatan, akibatnya asas kuasa politik Melayu sekarang berpecah-belah atau fragmented,

dibahagi-bahagikan. Kalau dahulu hanya dua parti Melayu sahaja mengejar sokongan bangsa Melayu, sekarang didapati tiga. Kelahiran Semangat 46 telah melemahkan perpaduan dan potensi kuasa politik Melayu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui apakah pendirian Semangat 46 tentang Dasar Ekonomi Baru? Saya difahamkan Semangat 46 sekarang menentang Dasar Ekonomi Baru sebab menyulit dan akan menghalangkan realisasi dasar "Malaysian Malaysia" yang DAP sentiasa dan dengan kuat dan bersungguh-sungguh memperjuangkannya semenjak parti itu ditubuhkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kok Lanas. Saya memang kenal dengan Yang Berhormat dari Kok Lanas yang pintar membuat ucapan, yang bijak membuat putarbelit dengan mengatakan bahawasanya Semangat 46 menentang Dasar Ekonomi Baru, di mana maklumat ini? Semangat 46 tidak pernah menentang Dasar Ekonomi Baru, kita mendokong kuat Dasar Ekonomi Baru, tinggal lagi kita menegur, kita mengkritik, kita menentang penyelewengan. Saya harap Yang Berhormat dari Kok Lanas walaupun hendak menyampaikan pandangan, tetapi jangan cuba hendak putarbelit sebab kita kenal Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dengan dekat. Terima kasih.

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, gambaran itu setelah saya membaca ucapan-ucapan dan mengikuti laporan akhbar-akhbar khususnya *Watan* dan kalau tidak benar, baguslah.

Kita sama-sama lihat nanti apakah benar atau tidak apa Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas katakan tadi.

Presiden Parti Semangat 46, Yang Berhormat Ahli dari Gua Musang, adalah salah seorang selain dari Ahli dari Kok Lanas yang kuat mendorong dan memujuk pucuk pimpinan politik dan negara selepas Mei 13, 1969 supaya diwujudkan Dasar Ekonomi Baru dan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang adalah juga antara implementor atau pelaksana DEB yang terkemuka di antara tahun 1971 hingga 1986. Apakah pendiriannya yang sebenar sekarang selain daripada pendirian yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas? Saya mahu dengar dari Presidennya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit lagi penjelasan. Saya akan menyampaikan ucapan Yang Berhormat Presiden Semangat 46 sewaktu beliau berucap di Hotel Merlin merasmikan Kongres Ekonomi Kemiskinan yang dianjurkan oleh Pemuda 46 dan lain-lain ucapan, untuk membuktikan bahawa tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas tidak benar dan tidak bertanggungjawab.

Dato' Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya harap dapat ucapan itu kerana tidak banyak berita-beritanya disiarkan dalam akhbar. Seperti saya katakan, saya difahamkan, jadi kalau tidak ada tentangan terhadap Dasar Ekonomi Baru, baguslah.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya umum akan datang akan menjadi pertarungan yang amat sengit atau battle royal, dengan izin, antara UMNO, PAS dan Semangat 46. Masing-masing mencari sokongan Melayu dan apa pun keputusannya yang akan meraih keuntungan yang besar ialah masyarakat Cina. Nampaknya DAP atau MCA akan menjadi anggota Kerajaan dan masyarakat Cina dan kedua-dua parti itu akan dapat kedudukan parti dan politik mereka yang lebih kuat daripada sekarang.

Dasar orang-orang Cina sekarang jelas dasar "fail-safe" atau kejayaannya terjamin. Sesiapa pun menang keanggotaan Cina dalam Kerajaan akan terjamin dan dengan itu juga akan meningkatkan lagi dominan mereka dalam ekonomi negara. Andainya ini terjadi, ia berupa satu tragedi yang besar kepada bumiputera kerana ia akan melemahkan mereka dan segala pencapaian sejak merdeka dan Mei 13 akan terbiar. Adakah ini kemahuan Semangat 46?

Tuan Yang di-Pertua, hasil pelaksanaan DEB setelah 19 tahun menunjukkan status ekonomi bumiputera telah menjadi baik dan fungsi-fungsi ekonomi dengan kaum atau bangsa telah berkurangan sedikit. Walaupun keadaan yang wujud hari ini agak baik dibandingkan dengan 33 tahun dahulu dan sebelum Mei 13, 1969, saya dukacita melihat fungsi-fungsi ekonomi dengan bangsa dan kaum masih wujud lagi di sektor-sektor besar dan kecil dalam beberapa bidang ekonomi negara. Sebagai contoh, orang-orang Melayu masih ketinggalan jauh dalam pemilikan dan pengurusan sektor pembuatan, keusahawanan, dalam sebahagian daripada sektor-sektor borong dan runcit, construction, industri pembinaan, processing, service ekonomi dan dalam bidang-bidang ikhtisas dan teknologi tinggi.

Dalam masa yang sama, penyertaan bukan bumiputera telah meningkat tinggi, kecuali dalam Perkhidmatan Awam dan pertanian yang baru. Pencapaian daripada jumlah pertumbuhan modal bersih berbayar hingga akhir tahun 1988 hanya 20.86% dimiliki oleh bumiputera, sementara 60.22% dimiliki oleh pemastautin Malaysia yang lain, yakni oleh bukan bumiputera dan 19% oleh orang-orang asing. Sungguhpun hakmilik bumiputera meningkat dari segi hak mutlak sebanyak \$19 juta, bahagian Melayu dan bumiputera hanya meningkat sedikit dari 19.1% pada tahun 1985 kepada 19.4% pada akhir tahun

1988. Hakmilik pemastautin asing menurun dari 26% kepada 24.6% dalam tempoh yang sama dan bukan bumiputera terutama kawan-kawan Cina kita telah bertambah dengan kadar yang lebih besar dari 55% dalam tahun 1985 kepada 60% dalam tahun 1988.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada satu minit lagi, sila gulung ucapan.

Dato' Abdullah Ahmad: Jelas, sementara bumiputera masih kurang 11% dari matlamat asal, tetapi bukan bumiputera telahpun melebihi target asalnya sebanyak 20%. Saya minta dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana diganggu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Di-Raja adalah bagi kita bersatu-padu dan bagi kita menjalankan tugas dan kewajipan dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan negara. Mungkin Semangat 46 tidak senang dengan racial politics, perkauman yang wujud kini, tetapi kalaulah benar Semangat 46 tidak bersetuju dengan siasah membela bangsa atau racial politics seperti dikatakan di Ipoh baru-baru ini, kenapa pula keanggotaannya terhad kepada orang-orang Melayu sahaja? Buka sahaja ahli-ahlinya kepada semua bangsa dan sekali gus boleh membantu melaksanakan dasar perpaduan yang erat seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Adalah lebih baik pada fikiran saya jika itulah sebenarnya polisi Semangat 46 bagi parti itu bukan setakat berpakat dengan DAP sahaja, tetapi terus bergabung dengan DAP menjadikannya satu parti multi-racial dengan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang sebagai Setiausaha Agung dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagai Pengerusi. Ini juga satu test kejujuran masing-masing tentang kebencian mereka kepada racial politics.

Membaca ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin Semangat 46, nampaknya sukar bagi kita hendak mencari perbezaan lagi dengan kandungan isi dan hasrat konsep "Malaysian Malaysia" DAP. Konsep Malaysia Malaysian itu tidak ada bezanya dengan konsep Malaya untuk Malayan yang Dato' Onn Jaafar anjurkan pada awal tahun 50an dan yang ditolak oleh bangsa Melayu, tidak ada bezanya dengan Malayan Union yang bangsa Melayu dan UMNO hancurkan tahun 1946. Saya bertanya, sudahkah bangsa Melayu yakin dan bersedia untuk mengejar kepentingan politik, ekonomi, pelajaran dan sosial secara terbuka, tanpa kuota, tanpa hak istimewa dan merebut peluang-peluang pekerjaan termasuk dalam Kerajaan dan kemasukan pelajar-pelajar ke universiti, pemberian biasiswa dan lain-lain lagi atas asas sama rata dan sama berhak? Kalau kita belum ada kemampuan berbuat demikian, kita wajib menolak Malaysian Malaysia dan perikatan Semangat 46, PAS dan DAP ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, marilah kita kembali bersatu dan berhenti berkonflik sesama sendiri. Hentilah persaingan sesama sendiri yang begitu sengit kini. Cita-cita bangsa kita belum tercapai dan visi kita belum terisi. Tetapi kalau kita telah bersedia dan mampu seperti yang disangka dan ditaja oleh Semangat 46, maka adalah lebih baik mereka cuba buat apa yang Dato' Onn Jaafar gagal lakukan dalam tahun 1951, semoga Semangat 46 akan berjaya dengan non-communal politicsnya dalam pilihanraya akan datang. Politik yang berasaskan kepada keturunan bangsa dan kaum seperti UMNO, MCA, PAS, MIC dan Semangat 46 dan lain-lain lagi tetap wujud. UMNO sungguhpun communal dari segi strukturnya tetapi pendekatannya, approachnya bukan racial. Kita membela dan memelihara hak-hak semua bangsa seperti termaktub dalam Perlembagaan Negara dan mengikut Social Contract tahun 1957.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Abdullah Ahmad: Last word, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tiada pun sebuah parti politik di Malaysia yang benar-benar multi-racial, di mana ahli-ahlinya dan pemimpin-pemimpinnya benar-benar mencerminkan penduduk majmuk Malaysia secara adil dan credible. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.05 ptg.

Tuan S.S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan sukacitanya untuk menyokong suatu Usul merakamkan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika membuka dengan rasmi Sidang Parlimen minggu ini. Waktu ini, saya sukacita juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah serta menjunjung kasih bagi pihak kaum India dan MIC atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong pada tahun lalu.

Sepertimana kita semua sedia maklum, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah seorang kerabat Di-Raja yang sudahpun dikenali oleh segenap lapisan masyarakat dengan khidmat Baginda yang cemerlang kepada rakyat dan Kerajaan kita ketika Baginda menduduki jawatan yang tertinggi dalam bidang kehakiman dan kesukanan. Dalam setiap bidang itu, Baginda telah mewujudkan sifat menjalankan tugas dengan adil dan saksama dan memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat setiap masa. Maka sebagai rakyat Malaysia, kita sememangnya berasa bangga dan sukacita sekali atas perlantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong. Mudah-

mudahan saya berdoa, rakyat dan negara Malaysia akan terus menikmati kejayaan dalam setiap bidang di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas adalah satu tahun yang telah membawa makna yang terbesar kepada negara kita. Yang pertama, kejayaan CHOGM boleh dicatat dengan tinta emas dalam sejarah kita. Yang kedua, kemelesetan ekonomi yang telah mengancam negara kita bersama-sama dengan lain-lain negara kini sudah menjadi satu peristiwa yang lepas. Dalam bidang sukan pula, Malaysia telah menduduki tempat kedua dalam Sukan SEA. Perkembangan-perkembangan lain seperti kadar pelaburan dari luar negeri ke Malaysia kian meningkat dan pentadbiran dan perkhidmatan Kerajaan berjalan dengan lebih lancar dan sempurna.

Ini adalah satu perkembangan yang meyakinkan rakyat atas kebolehan dan kewibawaan Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi. Kejayaan-kejayaan ini menunjukkan ketokohan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bekerja begitu bertungkus-lumus demi mencapai taraf hidup yang lebih bermakna kepada rakyat kita. Saya percaya rakyat Malaysia adalah bertuah untuk terus mendapat daya kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu dinamik dan progresif dalam semua bidang kehidupan kita. Baru-baru ini, beliau sedang menghadapi beberapa cabaran politik dan kita sebagai rakyat Malaysia berdoa beliau akan menghadapi semua cabaran ini dengan tabah dan berani hati sehingga beliau akan tetap berjaya dalam setiap usaha-usaha untuk melawan cabaran-cabaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah kembali dari Lusaka kerana menemui pemimpin kaum kulit hitam iaitu Nelson Mandela. Sudah jelas bahawa Malaysia adalah tegas dan realistik dalam menentang dasar

apartheid dan akan terus berjuang untuk menghapuskan dasar ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membenarkan pengertian baru dalam soal menentang dasar apartheid ini dan perkembangan ini telah menjadi satu tumpuan perhatian dan pedoman kepada masyarakat antarabangsa dan telah menaikkan imej negara kita. Saya lagi sekali mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri juga telah melawat beberapa negara di Amerika Utara dan Selatan di mana terdapat potensi yang amat tinggi untuk menaikkan tahap perdagangan kita dengan mereka. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang masih mempunyai keupayaan untuk melawat negara-negara begitu jauh dalam satu jangka masa yang pendek. Dengan usaha-usaha seperti inilah kita telah berjaya mengeksport lebih daripada 50% barangan yang sedang dibuat dalam negara kita dan saya lagi sekali mengucapkan tahniah kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut merasa bangga dan gembira bersama-sama dengan pekerja-pekerja ladang di negara kita yang hampir sudah berjaya dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan gaji bulanan. Saya ingin merakamkan

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan S.S. Subramaniam: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bukan, saya hendak tanya, apa dia hendak.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian kepada kuorum yang tidak cukup mengikut Tertib Mesyuarat. Saya tidak payah minta kebenaran daripada Yang Berhormat

Tuan S.S. Subramaniam: Dia boleh angkat.

Tuan Sim Kwang Yang: Kecuali dia jadi Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila bilang. Ada 20 orang, bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 42. Teruskan Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

Tuan S. S. Subramaniam: Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Buruh, Menteri Perusahaan Utama dan khasnya Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (*Ketawa*) yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ini. Saya juga mengucapkan syabas kepada Menteri Buruh yang baru yang terpaksa menghadapi masalah kesatuan ini sebagai satu cabaran pertama selepas beliau menjadi Menteri.

Saya berharap mudah-mudahan semua kerja-kerja yang lain berhubung dengan masalah ini akan beres dan diselesaikan tanpa apa-apa halangan dari mana-mana pihak.

Pekerja-pekerja ladang adalah satu golongan yang paling mundur sekali

dalam masyarakat kita dan kejayaan mereka dalam hal ini

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor

Tuan P. Patto: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan.

Tuan S.S. Subramaniam: Tidak beri, tidak beri. (*Ketawa*) Tidak ada cukup masa, Tuan Yang di-Pertua. Dan kejayaan mereka dalam hal ini saya berharap akan membawa satu pengertian baru dalam kehidupan mereka. Sungguhpun statistik-statistik menunjukkan bahawa paras kemiskinan di antara kalangan pekerja-pekerja perladangan telah menurun, mereka masih menghadapi beberapa masalah perhubungan dengan pembekalan infrastruktur kepada mereka. Walaupun Kerajaan dan majikan-majikan perladangan dari masa ke semasa sedang mengambil beberapa tindakan untuk menyelesaikan masalah ini, mutu pembekalan seperti bekalan air, api, klinik, Tadika, jalan dan sekolah-sekolah masih berada di paras ketinggalan.

Duli Yang Maha Mulia Baginda di dalam Titah Ucapannya telah menyentuh kepentingan kemudahan infrastruktur kepada kawasan-kawasan luar bandar dan saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk memberi kepentingan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk menyelesaikan masalah-masalah kepada kawasan-kawasan estet. Masalah terhadap perladangan ini telahpun dikemukakan kepada Kerajaan beberapa kali oleh beberapa pihak tertentu, tetapi setiap kali jawapan dari Kerajaan ialah kawasan perladangan ialah harta persendirian dan Kerajaan tidak boleh memaksa pihak persendirian memberi kemudahan-kemudahan tersebut.

Di sini saya ingin menegaskan lagi sekali soal pembekalan infrastruktur adalah tanggungjawab Kerajaan oleh kerana majikan perladangan tidak ada kuasa ataupun peruntukan untuk mengendalikan kerja-kerja infrastruktur di luar kawasan sendirinya. Dalam mesyuarat Dewan yang mulia ini pada bulan Oktober, 1989, saya telah mencadangkan suatu tabung khas untuk mengendalikan pembekalan infrastruktur-infrastruktur tersebut melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ataupun Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya ingin memohon kepada Menteri-menteri berkenaan untuk memberi satu jawapan yang berpatutan di atas masalah ini. Jika tabung seperti yang dicadangkan tadi tidak boleh diterima, marilah kita dengar dari Kerajaan lagi satu cadangan yang lebih baik. Saya percaya satu sistem yang berkesan untuk memerangi masalah ini harus dicapai dan saya berharap Kerajaan akan menentukan sistem ini dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan baru-baru ini telah menegaskan betapa pentingnya rakyat Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris dalam sistem kehidupan kita. Sungguhpun Bahasa Malaysia sudah menjadi bahasa rasmi saya percaya ini adalah satu peringatan yang benar pada tempat dan masa ini kerana golongan muda hari ini suka mengeneipkan bahasa Inggeris. Ini terbukti sekali dengan keputusan dalam SPM dan SRP di mana prestasi calon kita dalam bahasa Inggeris makin merosot. Kesan dari kemerosotan ini juga jelas dapat dilihat dalam beberapa kilang-kilang pembuatan di negara kita di mana pekerja-pekerja baru tidak dapat mengikuti dengan mudahnya beberapa jenis pekerjaan oleh kerana persefahaman mereka dalam bahasa Inggeris yang amat rendah.

Kerajaan juga telah memberi arahan kepada semua mahkamah supaya

menggunakan Bahasa Malaysia seluas-luasnya dalam semua hal-hal berkaitan dengan mahkamah. Ini adalah satu lagi tindakan yang wajar kerana penggunaan Bahasa Malaysia perlu ditingkatkan lagi supaya ia digunakan sepenuhnya dalam mahkamah dan peguam-peguam yang masih belum fasih dalam bahasa kita perlulah mempelajari bahasa ini serta melengkapkan diri dengan serta-merta. Sewaktu saya mengalu-alukan semua tindakan untuk meluaskan penggunaan bahasa kita, saya suka juga mengingatkan kepada Kerajaan untuk tidak mengambil satu sikap yang kasar terhadap bahasa-bahasa lain, oleh kerana inilah salah satu sebabnya untuk kemerosotan bahasa Inggeris kita pada masa kini. Jika rakyat kita lebih fasih dalam banyak bahasa ini hanya akan membawa lebih hasil kepada negara kita. Janganlah kita menjadi arif dalam sesuatu perkara hanya selepas kesan buruk di atas perkara itu telah dialami oleh rakyat kita. Marilah kita mengambil satu sikap yang sederhana untuk kepentingan rakyat dan negara kita dalam semua aspek kehidupan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima beberapa sungutan-sungutan dari penumpang-penumpang MAS dalam penerbangan di antara Kuala Lumpur-Madras kerana mereka terpaksa melakukan penerbangan di antara dua tempat ini pada waktu malam iaitu tengah malam. Perkara ini amat menyusahkan penumpang-penumpang dengan kemudahan kenderaan dan penginapan sama ada di Kuala Lumpur ataupun di Madras. Memandangkan ini, saya ingin memohon kepada pihak MAS supaya menyemak semula jadual penerbangan di antara kedua-dua tempat tersebut dengan tujuan mengadakan semua penerbangan pada waktu siang hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini hari perayaan Thaipusam telah menarik beribu-ribu rakyat kita dan orang-orang asing ke tempat-tempat perayaan

Thaipusam di seluruh negara kita khususnya ke Batu Caves berhampiran dengan bandar Kuala Lumpur kita. Dari tahun ke tahun para hadirin ke perayaan Thaipusam meningkat, dan desakan kepada pemimpin kaum India secara langsung dan pihak Kerajaan secara tidak langsung supaya mengisytiharkan hari Thaipusam sebagai hari cuti am juga meningkat. Pada tahun ini juga banyak pihak telah merayu kepada Kerajaan

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor, dia minta penjelasan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tidak ada masa untuk penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan P. Patto: Waktu dulu apabila saya cadang dalam Parlimen ini, dia menentang usul itu—double standard sekarang!

Tuan S. S. Subramaniam: . . . memandangkan hari ini ialah satu hari yang penting bagi pihak kaum India

Tuan P. Patto: Dulu saya cadang, dia menentang. Sekarang dia minta cuti am.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, sila duduk!

Tuan S. S. Subramaniam: Duduklah, tidak cukup masa. Saya boleh memberi penjelasan

Tuan P. Patto: Ini orang otaknya tidak berapa baik, saya ingat! (*Ketawa*)

Tuan S. S. Subramaniam: Duduk, duduk! Lain kali kita boleh cerita.

Tuan P. Patto: Dulu menentang, sekarang mahu? Apa ini? (*Ketawa*)

Tuan S. S. Subramaniam: Memandangkan hari ini ialah satu hari yang penting bagi pihak kaum India, saya lagi sekali ingin merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberikan perhatian yang serius di atas perkara ini dan janganlah mengengapikan masalah ini seperti yang telah berlaku pada tiap-tiap tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada RTM dan ingin membangkitkan di sini empat perkara penting:

- (1) Berhubung dengan penamatan siaran Tamil dari beberapa kawasan luar seperti Pulau Pinang, Ipoh, Melaka dan Johor Bahru pada bulan Januari tahun ini. Manakala siaran dalam bahasa-bahasa lain masih sedang diteruskan. Apakah sebabnya siaran Tamil tersebut ditamatkan tanpa apa-apa pengumuman atau kenyataan. Peranan siaran ini dalam kalangan kaum India amatlah penting dan besar dan tidak boleh diabaikan. Pihak pemimpin kaum India telah menerima beberapa rayuan untuk siaran Tamil ini disiarkan balik dan saya ingin memohon kepada Menteri Penerangan untuk memperbetulkan perkara ini dengan segeranya.
- (2) Berkaitan dengan siaran Tamil dari Radio Singapura yang sedang menjadi lebih popular di kalangan kaum India kita. Satu siasatan dan tindakan pembedaan perlu dibuat dengan segera untuk memastikan rakyat kita tidak terlalu tertarik hati kepada negara Singapura. Dalam keadaan ini tindakan untuk menutup siaran kawasan seperti yang disentuh di atas sungguh dikesali dan telah menarik lebih perhatian kepada Radio Singapura.
- (3) Berhubung dengan drama Tamil tempatan dari TV Malaysia yang telah pun digantikan dengan

drama Tamil dari India di atas alasan kononnya dia lebih murah dari drama tempatan. Walaupun alasan ini boleh diterima dari segi ekonominya, saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, perkara ini sedang menjejaskan peluang pekerjaan kepada sebahagian artis-artis kaum India di negara kita dan back-up kakitangan, dan inilah satu perkara yang amat penting dalam keadaan pengangguran yang Kerajaan kita hadapi pada masa kini.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya menamatkan siaran drama Tamil dari luar negeri dan digantikan dengan drama Tamil tempatan demi kepentingan para artis tempatan kita.

Perkara yang keempat ialah berhubung dengan Rancangan Tumpuan Minggu (Tamil) yang telah pun ditamatkan pada tahun yang lalu tanpa apa-apa kenyataan. Saya telah merayu kepada Menteri Penerangan dengan sebab-sebab yang terperinci dalam ucapan saya pada bulan Oktober, 1989. Di sini saya ini merakamkan lagi sekali, rancangan tersebut telah memberikan sumbangan yang besar kepada kaum India untuk memahami keadaan sosial, ekonomi dan beberapa masalah dan latar belakangnya. Oleh yang demikian, saya ingin memohon lagi sekali untuk menyiarkan Rancangan Tumpuan Minggu tersebut. Dakwaan bahawa ianya menentang Dasar Perpaduan Negara kita dan ianya sudah dimasukkan di dalam siaran Berita Tamil setiap hari adalah tidak benar. Saya percaya pihak yang berkuasa dalam perkara ini akan memahami maksud saya untuk membangkitkan masalah ini lagi sekali.

Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk memahami dengan mendalamnya peranan yang dimainkan oleh semua rancangan Tamil dalam Radio dan TV Malaysia dan dalam keadaan suasana pilihanraya umum yang akan datang

tidak lama lagi, memberikan kepentingan terhadap masalah-masalah yang telah saya bangkitkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang penting ialah berhubung dengan perpaduan masyarakat berbilang kaum yang berada di negara kita. Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menitikberatkan perkara ini dan kita tidak dapat menafikan bahawa perpaduan negara adalah benteng kekuatan dan kekuatan negara. Negara kita telah berjaya mencapai satu taraf kehidupan yang amat tinggi, sesuai dan aman damai sejak kemerdekaan 33 tahun dahulu. Pencapaian ini adalah hasil dari kerjasama di antara semua kaum yang berada di negara kita walaupun terdapat sedikit sebanyak pertikaian pada tahun 1969. Rakyat kita telah mengalu-alukan dan telah memberi kerjasama yang penuh untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan pada tahun 1970. Tetapi malangnya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini selama 19 tahun tidak memberikan kepentingan apa-apa kepada beberapa kaum minoriti yang berada di paras ketinggalan.

Sebagai contohnya, kaum India di Semenanjung Malaysia dan kaum-kaum lain yang berada di Malaysia Timur, mereka telah memberi sokongan dan kerjasama yang penuh kepada Kerajaan untuk mencapai hasratnya di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian dalam Dasar Ekonomi Baru selepas 1990, mereka ingin memohon kepada Kerajaan untuk memberi peluang yang lebih untuk memperkembangkan ekonomi mereka dan saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mencari satu cara yang berkesan untuk mencapai hasratnya. Pengalaman dari lain-lain negara di mana kaum minoriti yang berada di paras ketinggalan menunjukkan dengan jelasnya mereka tidak boleh maju tanpa bantuan dari Kerajaan.

Di sini saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk memperuntukkan satu

sistem dan cara yang tertentu untuk memberi bantuan kepada golongan minoriti ini. Saya rasa jika Kerajaan boleh menunjukkan kejujurannya dengan kewujudan satu sistem tertentu dalam Rancangan Malaysia Keenam, perpaduan antara kaum di negara kita akan naik ke satu taraf yang boleh membanggakan negara kita dalam kalangan antarabangsa di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas rakyat Malaysia telah gembira kerana mendengar berita Parti Komunis Malaysia akan meletakkan senjata mereka serta balik ke pangkal jalan yang baru. Ini adalah satu perkembangan yang terbesar dalam sejarah negara kita kerana ini bermakna bukan sahaja rakyat dapat hidup selamat di bandar dan di luar bandar, malah Kerajaan juga boleh dapat menjimatkan satu peruntukan yang besar yang telah dibelanjakan untuk memerangi Parti Komunis Malaysia ini. Hanya saya ingin mengingatkan pihak Kerajaan supaya mengawasi keadaan ini dan betul-betul memastikan bahawa Parti Komunis Malaysia tidak bertindak seperti "Udang di sebalik batu".

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan S. S. Subramaniam:di sebaliknya, jika mereka adalah jujur

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tidak ada masa untuk penjelasan.

Tuan P. Patto: Mana ada Parti Komunis Malaysia, yang ada Parti Komunis Malaya. Itu yang saya hendak tanya dia. Mana satu?

Tuan S. S. Subramaniam: Betul. Parti Komunis Malaysia. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Saya pening kepala. (*Ketawa*)

Tuan S. S. Subramaniam: Di sebaliknya, jika mereka adalah jujur maka sudah wajar kita harus menerima mereka dengan hati yang terbuka untuk hidup sebagai sebahagian daripada masyarakat di negara kita dan dengan ini, "Hari Perletakan Senjata" oleh Parti Komunis Malaysia! Malaya! (*Ketawa*)—saya tidak boleh ingat lagi perkataan "Malaya", Tuan Yang di-Pertua—iaitu pada 2hb Disember, boleh disambut dengan baik setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya, saya turut menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan saya berharap dan berdoa dengan berkat Tuhan, kerjasama penuh dari rakyat dan kepimpinan yang dinamik dari pucuk pemimpin kita, khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, negara kita akan terus maju ke hadapan dalam membawa kemakmuran kepada negara dan kebahagiaan kepada rakyat. Tidak ragu-ragu lagi kemajuan negara kita akan mencapai tahap yang lebih tinggi dalam masa dekad ke 90an ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.26 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah di muka 6, di mana Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyeru supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya menjalankan tugas dan kewajipan mereka yang telah diamanahkan. Tugas dan tanggungjawab tersebut hendaklah dijalankan dengan penuh iklas dan jujur demi kepentingan negara.

Bertitik tolak daripada Titah Ucapan Baginda itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili rakyat dan pengundi saya dari Pasir Mas ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Di-Raja ini dan sekali gus menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang telah menyampaikan Titah Baginda di waktu merasmikan Sidang Parlimen Ketujuh Penggal Keempat yang sedang berlangsung sekarang ini.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara di dalam kesempatan mengambil bahagian di dalam perbahasan ini mengenai dengan:

- (1) perletakan senjata Parti Komunis Malaya;
- (2) kenyataan Putera Charles;
- (3) Tahun Melawat Malaysia; dan

beberapa perkara lain kalau ada kesempatan dari segi masa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Baginda di muka surat satu menyebut: "Tahun 1989 merupakan tahun bersejarah dan gemilang bagi Malaysia kerana banyak kemajuan dicapai dalam berbagai bidang".

Melihat kepada Titah Baginda ini, sukalah saya sebagai Ahli Dewan Rakyat ini menyatakan juga bahawa dalam tahun 1989, selain daripada kejayaan gemilang tetapi juga ada peristiwa-peristiwa sedih dan mendukacitakan. Sebelum itu bagi pihak pengundi saya juga dari Pasir Mas, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan takziah dan rasa dukacita kepada seluruh anggota polis FRU dan mereka yang terlibat dalam kemalangan jalanraya di Lebuhraya Karak/Kuala Lumpur dua hari yang lalu. Kita turut merasa sedih di atas kehilangan para anggota polis yang bertanggungjawab dan berkerja dengan dedikasi dan di atas kehilangan mereka, kita merakamkan setinggi-tinggi simpati dan dukacita yang tidak terhingga kepada keluarga-keluarga yang terlibat.

Malah sebelum ini banyak peristiwa-peristiwa yang berlaku, kemalangan kapalterbang Nuri di Landau, Sarawak juga mengorbankan para tentera kita yang dedikasi.

Sebelum itu dalam macam-macam peristiwa tanahair, kita lihat bahawa banyak kejadian-kejadian anih seumpama ini berlaku. Walau apapun terpulanglah kepada pihak Kerajaan untuk meneliti apakah sebab-sebab di atas kejadian ini walaupun kita tahu takdir itu di tangan Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian mengenai dengan perletakan senjata Parti Komunis Malaya. Untuk menyeru pihak Kerajaan supaya benar-benar berhati-hati dan berwaspada di atas persetujuan Parti Komunis Malaya ini meletak senjata. Kita tahu kenapakah tiba-tiba Parti Komunis Malaya bersetuju untuk meletak senjata. Apakah mungkin kerana perubahan dasar luar Beijing yang sudah melihat bahawa perjuangan ala senjata dan militant tidak mampu lagi untuk meneruskan perjuangan untuk mencapai cita-cita mereka selama ini. Begitu juga perubahan yang berlaku di Soviet Union di bawah Gorbachev dengan dasar Perestroikanya yang menyebabkan berlaku perubahan di Eropah Timur. Pendek kata, sememangnya perjuangan komunis ala senjata sudah tidak berupaya lagi. Malah dalam tahun kebelakangan ini, kita lihat banyak gerakan perjuangan komunis bersenjata meletak perjuangan senjata mereka seperti yang berlaku di negeri Thailand dan lain-lain negara. Pendekatan baru telah dibuat dan apakah ini arahan baru dari segi taktik perjuangan komunis di seluruh dunia? Kita bimbang dengan pertukaran taktik ini penyusupan masuk mereka ini dalam negara-negara yang berkenaan termasuk negara kita bahawasanya perjuangan komunis ala ideologi menyusup melalui politik akan berlaku dan jika kita tidak berhati-hati, ianya akan mengancam keselamatan negara pada masa akan datang. Kita lihat

bahawa perletakan senjata PKM ini adalah hasil usaha Kerajaan Thailand. Mengikut laporan dan tulisan-tulisan di dalam akhbar-akhbar kerana Kerajaan Thailand berusaha sedaya upaya supaya PKM ini meletakkan senjata dan menyerah diri bagi membolehkan Kerajaan Thailand menumpukan perjuangan mereka menghapuskan golongan-golongan Perjuangan Pemisah Empat Wilayah Selatan Thailand.

Walaupun itu bukan soal kita tetapi yang pentingnya sesudah PKM meletak senjata, ada syarat-syarat yang dituntut oleh PKM walaupun kita tidak tahu apakah yang diterima oleh Kerajaan Malaysia tetapi apa yang dipersetujui oleh Kerajaan Thailand tersiar dalam akhbar. Antara lain, publisiti yang besar telah diberi kepada PKM. Memang kita tidak mengiktiraf PKM, sebagai sebuah parti yang sah tetapi publisiti yang diberi kepada PKM yang disiarkan di seluruh dunia, cukup secara tidak langsung mengakui kewujudan Parti Komunis Malaya ini. Mereka telah diberi liputan dalam televisyen, mereka telah diberi liputan dalam akhbar-akhbar tanah air yang begitu luas sekali yang menunjukkan bahawasanya mereka masih wujud dengan angkuh. Bahawasanya mereka tidak kesal dengan perjuangan yang mereka lakukan selama ini. Berapa banyak tentera kita yang telah terkorban, berapa banyak wang negara kita telah habis. Semuanya ini menjadi tandatanya dalam sejarah kita kemudian nanti tetapi soalnya kita harus berhati-hati.

Saya menyeru Kerajaan supaya benar-benar berwaspada kerana seperti di Thailand sendiri sesudah mereka menyerah diri dalam satu perletakan senjata dua tahun dahulu, kalau tidak silap saya, mengikut laporan dan artikel yang saya baca, sudah ada 7 Ahli Parlimen daripada Parti Komunis Thailand menjadi Ahli Parlimen negara tersebut. Mereka menyertai Dewan Rakyat di Thailand. Apakah mungkin tuntutan mereka untuk kembali dalam tanahair kita menyertai politik dengan mengatakan mereka

menghormati undang-undang negara tetapi kemudian menukar strategi perjuangannya menyusup masuk dengan mengembangkan ideologi seumpama ini dan saya tidak hairanlah kalau satu hari nanti tertubuh parti politik baru pula di mana Ahli Parlimen Kok Lanas mungkin akan menjadi Setiausaha Agungnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sangkaan dan tuduhan semata-mata tetapi saya percaya bahawa sekali seorang itu berfahaman ke arah kiblat itu, sukar untuk menukar fikirannya tetapi memang manusia boleh berubah dan kita terima bahawa hakikat manusia boleh berubah tetapi kita mesti berwaspada sebab kita cukup arif dan juga kita tahu bahawasanya perjuangan komunis melalui taktik baru ini, merupakan satu perjuangan yang sememangnya diubah sendiri oleh kuasa-kuasa komunis sama ada di China dan Soviet bagi menghalalkan perjuangan mereka memandangkan suasana politik di dunia sudah berubah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai dengan kenyataan Putera Charles. Saya sendiri tidak percaya bahawa Kerajaan Malaysia boleh melakukan pembunuhan terhadap kaum Penan di Sarawak walaupun saya tidak tahu bagaimana orang-orang Penan ini diurus oleh Kerajaan Sarawak ataupun oleh Kerajaan Malaysia tetapi kenyataan Putera Charles sememangnya saya bersetuju mencabar mertabat dan maruah negara kita. Sampai hari ini kita tidak tahu reaksi yang sebenarnya. Malah Kerajaan Britain berdiam diri. Putera Charles adalah sebahagian daripada keluarga Di Raja Britain dan lazimnya kita tahu ucapan yang dibuat oleh putera-putera Di Raja dalam Sistem Demokrasi Berparlimen sentiasa dibuat oleh pihak Kerajaan. Apakah Kerajaan Britain turut bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung dengan kenyataan Putera Charles ini yang boleh mencemar mertabat dan maruah negara kita? Soalnya memang bantahan sudah

dibuat. Saya mengalu-alukan usaha Pergerakan Pemuda UMNO Baru untuk ke London bertemu dengan Putera Charles tetapi kita hanya menunggu Putera Charles datang ke Kuala Lumpur, tidak sampailah kita ke London tetapi tinggal lagi apakah sikap Kerajaan negara kita dalam membersihkan maruah dan mertabat negara ini? Apakah cukup dengan bantahan? Apakah cukup dengan satu nota? Apakah cukup dengan penerbangan kita ke London untuk bertemu dengan Putera Charles manakala kenyataan tersebut tinggal sebagai kenyataan sejarah!

Saya ingin menarik perhatian di sini untuk mencadangkan kepada pihak Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini. Pertama ialah supaya Kerajaan bertindak balas dengan tegas bagi membersihkan maruah negara ini. Antara lain, dahulu pernah dianjurkan satu Dasar "Buy British Last" apabila Kerajaan Britain dingin dengan usah-usaha yang dibuat oleh Kerajaan pada waktu itu. Kemudian kita beralih semula kepada Kerajaan Britain dengan membeli senjata Tornado untuk melengkapi angkatan tentera kita.

Saya ingin menganjurkan bertolak daripada kenyataan Putera Charles ini, sewajarnya Kerajaan membatalkan langsung niat untuk membeli senjata Tornado tersebut sebagai tindakbalas kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Putera Charles ini dan sekaligus boleh menyelamatkan wang negara kita kerana senjata Tornado yang hendak dibeli, walaupun selama ini kita bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kita masih membangkitkan perkara yang sama, kerana kita percaya ianya satu pembaziran dan ianya tidak diperlukan pada masa kini. Wang yang kita ada perlu dipergunakan untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi kelengkapan dan alat-alat tentera yang sedia ada pada masa ini supaya kapal terbang-kapal terbang yang sedia ada boleh digunakan dan selamat digunakan oleh para tentera kita. \$4.3 bilion bukannya

sedikit dan Kerajaan Britain boleh goncang kaki dengan pembelian tersebut dan mereka suka melihat telatah bagaimana negara kita yang mengatakan kita mempunyai para pemimpin yang berwibawa, yang mampu mempertahankan maruah dan martabat bangsa tetapi apabila dicemoh begitu tidak ada reaksi yang tegas untuk membela maruah dan nasib bangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah perkara mengenai Tahun Melawat Malaysia. Satu perkara yang saya bangkitkan dengan Tahun Melawat Malaysia ini, sememangnya kita mengalu-alukan apa juga bidang untuk kemajuan rakyat, lebih-lebih lagi dalam bidang pelancongan. Tetapi yang saya hendak tahu daripada Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, perhiasan Bandaraya Kuala Lumpur, dengan izin, iaitu satu kota yang dihias dengan lampu-lampu sampai waktu pagi. Saya hendak tanya berapa pelancong jalan tengah malam ini? Saya berjalan waktu malam, Tuan Yang di-Pertua, tidak jumpa pun pelancong jalan tengah malam pukul 4 atau 5 pagi! Yang ditambah lampu saya hendak tahu berapa bil elektrik sebulan? Berapa banyak? Bukankah ini satu pembaziran? Apakah tidak cukup dengan lampu yang sedia ada, ditambah lagi dengan bermacam-macam perhiasan? Saya cadangkan lampu-lampu itu dipindahkan ke kawasan-kawasan luar bandar—untuk kawasan Tanah Merah, untuk kawasan Rantau Panjang, untuk kawasan-kawasan di luar daripada kita membazir. Bukan kita tidak mahu kota kita indah. Saya pun mahu kota indah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak munasabah sampai pukul 4 atau 5 pagi lampu itu terang-benderang, memang membazir!

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli dari Tanah Merah bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Orang tolong bela pun susah juga. *(Ketawa)*

Tuan Hashim bin Safin: Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Pasir Mas. Tanah Merah lampu sudah cukup, cuma kita cadang hendak pasang lagi macam Kuala Lumpur di Tanah Merah supaya maju Tanah Merah, kecuali Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, dengarlah itu, Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang tidak bertanggungjawab ini, itulah sikapnya, saya cadang dengan baik.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Minta penjelasan. Yang Berhormat dari Pasir Mas, Sarawak memang tidak cukup sama sekali dari segi pembekalan elektrik, bila boleh pinjam sedikit dari Kuala Lumpur dan Tanah Merah kepada Sarawak ini best!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Tujuan saya mengemukakan pertanyaan ini ialah untuk menyelamatkan pembaziran. Cukup kalau kita hendak pasang sampai pukul 10.00 atau 12.00 malam itupun tidak perlu, sebab pelancong luar seperti yang datang daripada New York, sudah tengok lampu di New York itu sudah melambak. Orang Australia datang, sudah penuh lampu di Australia itu, mereka bukan hendak tengok lampu, orang luar datang ke Malaysia ini hendak tengok apa, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bertanya dengan pelancong, ia kata "They want to be closed to the nature", dengan izin. Kerana kita ada air terjun, kita ada pantai, kita ada pokok, mereka yang sakit jiwa dengan pembangunan kebendaan semata-mata yang berlaku di negara masing-masing, maka mereka datang untuk merasa, mereka dekat dengan alam semula jadi—itu dia, tetapi kita buat begitu sekali untuk apa? Berapa ramai pelancong-pelancong yang berjalan waktu malam dan pelancong-pelancong datang pun tidaklah banyak juga kita lihat dari segi mendapat faedah kepada rakyat. Ada setengah-setengahnya, saya tengok yang membawa beg itu jalannya

macam ini, Tuan Yang di-Pertua, naik kereta pun hendak tumpang, berapa banyak yang naik teksi, berapa banyak yang naik kapal terbang dalam negeri. Berapa ramai yang naik kereta sewa?

Saya tengok macam ini sahaja, pakai pun seluar pendek, betullah occupancy hotel pun memang bertambah, memang pihak hotel mungkin mendapat faedah, tetapi dari segi jumlah wang yang kita guna sama ada melalui Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ataupun lain-lain agensi secara tidak langsung membantu dari segi Tahun Melawat Malaysia ini. Kalau kita himpun duit itu, apakah balik modalnya dengan pelancong yang datang. Kalau tidak balik modal, lebih baik duit kita kumpul, bawa masuk ke luar bandar, boleh lagi banyak, tambah basikal—boleh, bawa buku-buku sekolah, pakaian sekolah, tanah-tanah merah—boleh. Saya menyanjung baik usaha-usaha seperti ini—ini ikhlas cagak daripada membazir.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Hendak menanya. Saudara saya dari Pasir Mas, dalam penilaian, apakah kita boleh menilai daripada mata kasar berdasarkan tunjuk tangan dan sebagainya. Apakah kita tidak boleh membuat penilaian secara kajian tepat seperti yang diterangkan oleh Menteri-menteri ataupun pegawai-pegawai yang ditugas khas, masanya belum sampai. Kalau kita hendak bercakap berdasarkan nilai dengan mata kasar itu tidak profesional jawabnya. Minta penjelasanlah bagaimana ataupun saudara bersetuju nilai berdasarkan pandangan begitu sahajakah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memanglah kita boleh buat kajian secara profesional, tetapi bab lampu ini semua orang boleh tengok dengan mata kasar, sebab valve itu besar, apakah Yang

Berhormat dari Tanah Merah tidak nampak? Kalau tidak nampak lampu, aniyalah ini. Kalau tidak nampak lampu, lampu banyak sangat, yang saya ungit ini banyak sangat, itu sahaja dan saya percaya ini cadangan, pandangan yang baik untuk dipertimbangkan, sebab saya kira membazir—itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, itu bab Tahun Melawat Malaysia dan bab yang seterusnya, saya hendak bangkitkan mengenai dengan satu report dan saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri ataupun Menteri Dalam Negeri, report yang dibuat oleh Encik Abdullah bin Ahmad, No. Report 658/89 mengenai dengan aduannya kepada Haji Zakaria bin Haji Hassan iaitu seorang ADUN dalam kawasan Gua Musang, di mana berlaku satu peristiwa pada jam 2.30 petang pada 4hb Julai, 1989 iaitu mengenai dengan peristiwa mengacu pistol terhadap orang yang membuat report ini. Oleh itu, saya ingin tahu sejauhmanakah penyiasatan telah dibuat, sebab saya kira kes ini kes yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin bangkitkan di sini mengenai dengan ucapan Yang Berhormat dari Kok Lanas. Ramai orang susah hati mengenai dengan Ketuanan Politik Melayu sesudah wujudnya Semangat 46. Bahawasanya dengan kewujudan Semangat 46 ini politik Melayu, Ketuanan Melayu akan terjejas.

Saya ingin menarik perhatian di sini bukan untuk perbahasan ataupun untuk melawan sesiapa—tidak. Tetapi kita juga mempunyai hak untuk mengemukakan pandangan dan pendirian kita dalam politik negara demokrasi berparlimen ini.

Dewan Rakyat ini ada 177 kerusi, insya Allah, pilihanraya akan datang tambah 3 jadi 180. Daripada 180, 27 di Sarawak, 20 di Sabah, 1 di Labuan, 132 di Semenanjung. Daripada 132 di Semenanjung mengikut kajian yang kita buat, ada 90 kerusi yang diwakili oleh

orang-orang Melayu. Ada sebanyak 42 kerusi yang diwakili oleh majoriti orang-orang China, orang-orang kaum Tionghua kita yang hari ini 24 kerusi DAP pegang dan ada setengah MCA pegang, ada setengah Gerakan pegang. Katakanlah MCA, DAP, Gerakan ini bersatu, mana tahu satu hari mereka bersatu, kita tidak boleh jangka dari segi politik, ikhlas dari segi pandangan saya. Yang mereka dapat 42 kerusi hendak membentuk Kerajaan mesti separuh daripada 180-90 + 1 mesti 91. Kita ada 90 dan kita tahu kedudukan Ketuanan Melayu dari segi Perlembagaan negara Perkara 153 yang sudah dijamin diwaktu kita mencapai kemerdekaan dahulu dan tidak timbul soal Ketuanan Politik Melayu ini, sesudah pilihanraya nanti, tengoklah keadaan macam mana. Sudah barang tentu, tinggal lagi kalaupun wujudnya Semangat 46 dengan Angkatan, kita bertanding sama kita secara yang sihat: DAP lawan MCA. DAP menang, MCA kalah. MCA kalah, Barisan kalah. Angkatanlah menang—itu teori saya, tidak semestinya betul, tetapi tinggal lagi hendak menegakkan soal Ketuanan Politik Melayu tidak akan terjejas dan saya sebagai Ahli Parlimen

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kota Setar bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Dahulu sebelum Yang Berhormat dari Pasir Mas menyertai Semangat 46 bukankah beliau antara yang paling kuat menyokong saranan-saranan Yang Berhormat dari Kok Lanas?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Betul, saya menyokong pandangan daripada Kok Lanas, saya menyokong kenyataan-kenyataan pemimpin UMNO lalu dan sekarang pun ada yang baik-baik, saya

sokong. Tidak timbul soal saya tidak sokong. Dahulupun saya kritik DAP, sekarang ini rapat dengan DAP, tidak betul pun DAP kena pula lepas ini, sama juga dengan MCA, sama juga dengan MIC. Kita hendak membina negara Malaysia. Dahulu memang saya berbeza pendapat apabila banyak isu timbul mengenai dengan Ketuanan Melayu yang dibangkitkan oleh MCA, DAP sama. Kita tidak tahu perkara-perkara perkauman lagi. Kita hendak bina negara yang benar-benar bermertabat, semua rakyat ada hak, agama pun tidak ada paksaan. Kita mahu, tetapi kita percaya bahawa keadilan hanya boleh wujud, perpaduan hanya boleh wujud kalau adanya prinsip-prinsip keadilan, prinsip-prinsip kebenaran, kasih di antara satu sama lain, bukannya orang kata sayang bertompok-tompok, benci merata.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): (*Bangun*)

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh): (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini Kuching pun bangun.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sama-sama bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Simunjan, Tasik Chenderoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Tasik Cenderoh dahulu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas, adakah beliau sedar dalam pilihanraya tahun 1986 daripada 90 majoriti kawasan Melayu, UMNO hanya mendapat 84 termasuk di Labuan, jadi bermakna 6 kerusi Melayu yang telah diserahkan kepada MCA atau MIC. Apakah ini bermakna UMNO cuba menghakikkan kuasa dominan Melayu?

Yang kedua, di dalam pilihanraya akan datang, apakah Angkatan akan bertanding di dalam semua kawasan Melayu, saya minta penjelasan bagi mempertahankan dominan Melayu atau kuasa politik Melayu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memanglah kita bertanding di kawasan majoriti Melayu. Kalau ada rakan-rakan lain hendak pertahankan Ketuanan Politik Melayu, nah! bertanding di Bukit Bintang, boleh menang tak? Bertanding di Jelutong, bertanding di Kota Melaka, itu diserahkan kepada MCA. Kita pun belum ada kuasa, dituduh jual kuasa. Di Pulau Pinang umpamanya, Naib Presiden UMNO (Baru), Menteri Pendidikan buat kenyataan, Ahli Parlimen dari Kepala Batas, saya tidak mahu, tuduh apabila Presiden Semangat 46 buat kenyataan akan menyerahkan kerusi Ketua Menteri kepada Yang Berhormat dari Tanjong, wah! kita jual Ketuanan Melayu. Saya hendak bertanya, bukan kah Pulau Pinang 12 kerusi UMNO ada, Gerakan ada 8, Naib Presiden rapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada 2 Naib daripada Pulau Pinang, pun boleh serah kerusi kepada Gerakan. Tetapi ini bukan soal perkauman, tidak. Dan tidak ada salahnya bagi saya Gerakan menjadi Ketua Menteri, cuma kita hendak mempertahankan mengapa kita sahaja dituduh seolah-olah tidak pandai dan tidak tahu menjaga maruah dan mertabat bangsa (*Tepuk*). Walaupun kita dalam Semangat 46, tuduhlah apa hendak tuduh, tetapi langkah mayat anak Melayu dahulu sebelum sesiapa boleh mencabar ketuanan Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Masa sudah cukup. Macam mana Simunjan, masa sudah cukup? (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Oh, sudah cukup?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, sudah cukup sudah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ada masa, hendak cakap juga.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Eh, hendak tutup lagi, mana ada.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sedikit bolchkah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedikit boleh. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tidak boleh Yang Berhormat. Biar dia gulunglah, masa sudah lebih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Oh, gulung ya, jadi saya ini . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia gulung. Tidak perlulah, tidak perlu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Nanti kempunan pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Pasir Mas gulung ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, memang banyak saya hendak perkatakan, tetapi ini bukan bererti satu ucapan untuk provoke ataupun hendak bidas sesiapa, tidak. Dalam Dewan yang mulia ini saya menyatakan sekadar mengambil bahagian di atas menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Di-Raja, untuk sekadar menjelaskan pendirian kita supaya marilah kita sama-sama mengamalkan politik yang sihat, menjunjung Demokrasi Berparlimen, menjunjung Raja Berperlembagaan dan berjuang ke arah perpaduan kaum, berjuang ke arah satu

negara yang kita sama-sama dapat nikmati dari segi keadilan, kebebasan dan sebagainya.

Sememangnya banyak saya hendak perkatakan, Tuan Yang di-Pertua, ada tujuh lapan perkara lagi saya hendak bercakap dan hendak huraikan lagi pertanyaan-pertanyaan yang ditanya tadi, tetapi cukup sekadar itu.

Di atas budi baik Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya berucap, maka saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan sekali lagi saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bandar Kuching.

5.54. *ptg.*

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebab memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada minggu yang lalu.

Bagi pihak DAP, saya ingin berikrar di sini bahawa kami DAP, penyokong-penyokong dan Ahli-ahli semuanya selalu bertaat setia kepada Baginda, negara ini dan rakyatnya, sedaya-upaya ingin menyumbang kepada pembinaan negara ini. Sekiranya kami DAP mengkritik dasar Kerajaan, ini bukanlah sebab kami anti-nasional dan bukanlah sebab kami DAP orang extremist, bukanlah sebab DAP tidak pandai puji-puji orang, khasnya tidak pandai puji-puji orang sebab Ahli-ahli Yang Berhormat backbencher Barisan Nasional sudah memonopolikan semua peluang untuk puji-puji seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal dan Hulu Selangor (*Tepuk*). Setiap ayat tahniah, sokong, doa, syabas dan sebagainya, dan saya tidak ada chance lagi.

Maka tanggungjawab untuk satu His Majesty's loyal Opposition, sebagai ahli Pembangkang ini tugas untuk kami DAP ialah mengemukakan teguran dengan jujur, ikhlas supaya pihak Kerajaan dan rakyat negara ini dapat memastikan kelemahan-kelemahan di dalam melaksanakan program-program Kerajaan supaya kita boleh dapat membetulkan kesalahan yang sudah berlaku dan mencegah kesilapan daripada berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga ingin saya menolak hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, seolah-olah negara ini selalulah condemn, dengan izin, kepada falsafah perkauman, dasar kebangsaan perkauman, sebab saya sendiri mempunyai satu idealisme dan ini sebab menarik saya kepada DAP. Malaysia adalah suatu negara yang berbilang kaum. Saya tidak lagi percaya dengan satu myth, iaitu myth perpaduan bangsa. Orang Cina, bangsa Cina, masyarakat Cina sudah berpecah-belah beberapa tahun, dua tiga dekad. Sekarang nampaknya di dalam masyarakat Melayu ini berlaku juga dan ini saya nampak atau anggap sebagai satu inevitability, suatu kesimpulan yang logik, tidak dapat dielakkan, sebab dari segi survival individu dan kepentingan ekonomik, politik, pendidikan, bahasa, agama dan sebagainya, tidak kira apa-apa bangsa pun memang satu keadaan akan timbul yang mana satu bangsa, tidak kira dia Cinakah, Tamilkah, Ibankah, Melayukah, ada dua jenis orang. Satu jenis orang pandai, kaya, mempunyai kuasa politik, pengaruh politik. Satu jenis kurang pandai, miskin, mungkin tidak begitu bersekolah dan tidak dapat dielakkan dalam masyarakat manusia orang yang kaya, yang pandai, yang mempunyai kuasa politik memang selalu mencari peluang untuk mendapat banyak lagi kekayaan untuk secara cycle supaya dia boleh mengukuhkan keadaan politiknya sendiri dan yang menjadi mangsa itu rakyat yang miskin, yang tidak dapat organize, yang tidak dapat

menubuhkan parti politik. Mereka yang miskin hanya bergantung kepada orang yang kuat, yang kaya sebab ini kebudayaan politik ataupun political culture, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam Malaysia ini politics of patronage, ini kebudayaan politik yang diamalkan oleh pihak Barisan Nasional. Ini membahayakan kepada mereka sendiri

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli dari Sungai Petani, hendak apa?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau saya diberi masa 25 minit, saya boleh beri penjelasan, kalau tidak, saya tidak akan beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh!

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak boleh, sorry.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Sim Kwang Yang: Maka dalam proses ini, memanglah mereka yang mempunyai dominant di dalam arena politik pecah-belah sebab ramai orang mahu masuk pusat kuasa politik supaya dapat kontrakkah, dapat kepentingan sendirikah, banking licencekah, permitkah, dengan alasan NEPkah atau quotakah. Maka dengan pendidikan yang lagi luas, dengan rancangan persekolahan negeri ini diperluaskan dan dipertingkatkan lebih lagi orang dapat bersekolah. Merekapun pandai, mahu cari jalan bagaimana masuk pusat kuasa ini untuk dapat kepentingan sendiri dan ramai orang bersaing untuk dapat patronage yang terhad, memang pecah-

belah. Ini sebabnya sekarang UMNO pecah-belah, tetapi ini sudah berlaku lama dengan bangsa Cina sebab saya tidak percaya dengan perpaduan bangsa Cina, itu tidak guna juga. Kalau selalu cakap perpaduan bangsa Cina (*Chinese unity*), orang Melayu cakap *Malay unity*, memang bangsa Melayu dan bangsa Cina gaduh. Itu sebab kami DAP cuba berpakat dengan orang Semangat 46 untuk membina jambatan menyeberang sungai yang besar dan dalam di antara beberapa bangsa di dalam masyarakat yang berbagai jenis ini. Dalam hubungan ini, ingin saya menyentuh kepada satu perkara lain sedikit, sebab isu perkauman amat sensitif, saya tidak mahu sentuh dan tidak ada masa untuk menyiasat dalam Dewan yang mulia ini.

Satu perkara lain yang ingin saya sentuhkan ialah tentang penubuhan satu citizen's group bernama Election Watch yang sudah ditubuhkan yang diketuai oleh bekas L.P., Tun Suffian yang terdiri dari beberapa orang individu-individu yang sudah membuktikan perkhidmatan mereka kepada negara ini yang cemerlang.

Mereka yang tidak dapat dipersoalkan integriti dan kejujurannya, mereka yang tidak tahu sama ada dia sokong DAP atau tidak, itu tidak penting. Saya mengalu-alukan penubuhan Election Watch ini untuk memastikan supaya pilihanraya umum akan datang dijalankan secara bebas dan adil. Ini bukan satu cabaran kepada integriti ataupun satu cabaran kepada kejujuran Suruhanjaya Pilihanraya, sebab penubuhan Election Watch ini adalah untuk semua aspek pilihanraya. Mungkin untuk memonitorkan perjalanan tugas Polis, media massa ataupun parti-parti politik. Kalau kami, DAP ada silap, saya pasti memang kita mengalu-alukan teguran daripada Election Watch ini dan Barisan Nasional, juga UMNO Baru, khususnya mesti mengalu-alukan apa-apa teguran dari satu kumpulan yang tidak mempunyai vested interests, kepentingannya sendiri. Malangnya Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab kepada wartawan-wartawan apabila dibangkitkan perkara ini, jawapan Yang Amat Berhormat ini menunjukkan sifat dan sikap angkuh yang tipikal Barisan Nasional.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata ini "Election Watch", mereka adalah bekas LP dan sebagainya memang "bias", tidak objektif sebab mereka anti-government. Kalau memang anti-government, kalau mereka tidak objektif lagi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi satu gambaran bahawa mereka tidak layak untuk menjalankan tugas sukarela mereka. Ini logik yang sedikit bengkok-bengkok. Saya mahu membuat satu analisa, kalau mereka anti-government, secara criminal (penjenayah), secara tidak sah, maka jawapan saya senanglah—mendudukkan mereka kepada Mahkamah, seolah-olah kita melayan penjenayah. Tetapi kita tahu Tun Suffiankah, Chandra Muzaffarkah, Abdul Azizkah, Paramkah, mereka bukan penjenayah, mereka adalah warganegara Malaysia yang cemerlang, yang sudah mempunyai kehidupan mereka kepada kemajuan demokrasi di negara ini. Maka apakah yang dimaksudkan dengan perkataan bahawa mereka anti-government dan "bias". Mereka bukan anti-government, mereka cuma kadangkala, jika ada, anti-ruling parti, mungkin anti-UMNO Baru. UMNO Baru bukan government. UMNO Baru cuma parti memerintah. UMNO Baru esok mungkin tidak jadi Kerajaan lagi, mungkin esok Semangat 46 dan DAP jadi Kerajaan siapa tahu. "Nothing is impossible in politic", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ampang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa. Tetapi walaupun parti politik boleh datang dan pergi, masuk dan keluar, seperti Ahli Yang Berhormat dari

Ampang, mungkin nasib baik sedikit, sekarang boleh masuk, mungkin pilihan raya akan datang dia kalah, mana tahu. (*Ketawa*) Saya sendiri juga, saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Sains dan Teknologi, mana tahu dia orang kuat—Menteri, orang kanan, tetapi tidak takutlah, boleh cuba.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Sim Kwang Yang: Sorry, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sedikit pun tidak boleh?

Tuan Sim Kwang Yang: Nanti boleh cakup lebih lanjut dalam kedai kopi. (*Ketawa*)

Tetapi Kerajaan tidak datang dan pergi, Kerajaan tidak masuk dan keluar, Kerajaan selalu ada. Ia ialah satu institusi. Parlimen ini pun Kerajaan, Mahkamah pun Kerajaan, Kabinet pun Kerajaan—tiga cawangan Kerajaan. Maka jikalau orang-orang tertentu, termasuklah sesiapa ahli dalam "Election Watch" ini menentang UMNO Baru, ia tidak salah. Ini hak mereka untuk menentang pemimpin Kerajaan seperti Menteri-menteri. Ini hak demokrasi, kalau dengan alasan mereka tidak bersetuju dengan Menteri-menteri, maka mereka tidak objektif, cuma ada satu cara tunggal untuk mereka menjadi objektif iaitu selalu bersetuju dengan Menteri-menteri, seperti Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal dan Hulu Selangor, selalu bersetuju. Kalau begini, haramkan pembangkanglah, haramkan pilihanraya, tidak payah ada pilihanraya lagi.

Ia menjadi sasaran Yang Amat Berhormat, tetapi sebenarnya Suruhanjaya pilihanraya sendiri pun membuat hujjah yang sama pada 28hb Februari, oleh Setiausaha Encik Abdul Rashid. Maka saya rasa, kalau . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh bercakap berkenaan dengan

Tuan Sim Kwang Yang: Kelakuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, 36(8). Okay saya tarik balik, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Maka untuk objektiviti semua orang mesti menerima satu hakikat iaitu hak asasi untuk semua warganegara menentang parti yang memerintah. Ini hak asasi. Kalau tidak ada hak ini kita tutup Parlimen, tidak payah lagi dan dijadikan Yang Amat Berhormat sebagai diktator seperti yang diadakan di Soviet Union, China, Rumania, dan Yugoslavia, sebelum ini ingin refomasi bertiup.

Tadi Yang Berhormat dari Nibong Tebal mengatakan demokrasi tidak cekap, mesti ada dictatorship, baru ada cekap. Cekap mungkin dari segi pembangunan ekonomi. Itu "gostan" punya kereta, otak "gostan". Dari segi pembangunan ekonomi, kalau kita nampak sekarang negara-negara yang sudah diperintah oleh regim diktator seperti Soviet Union, China, Haiti dan seperti Philippines di bawah Marcos, adakah mereka berkesan dan cekap? Tidak. Sebab, mengapa perjuangan menukarkan pihak yang memerintah di negara Eropah Timur, di negara-negara yang diperintah oleh diktator ialah sebab ekonomi mundur, ataupun disebabkan oleh korupsi dan tidak cekap. Maka saya rasa demokrasi adalah cekap, lebih cekap dari dictatorship. Sebab ini saya mahu pihak DAP mempertahankan demokrasi.

Kalau DAP ada membuat sesuatu kesilapan tentang demokrasi, saya pun boleh tegur untuk kita semua sebagai satu negara, tidak kira bangsa mendapat kemajuan dan salah satu sebab ataupun unsur yang menghalang kemajuan ialah

pembaziran wang. Baginda pun mengingatkan semua untuk selalu menjalankan urusan kewangan dengan baik, maka saya hendak sebutkan satu perkara yang berasal dari negeri Sarawak, tetapi yang sudah melibatkan pihak Persekutuan, iaitu kontrak makanan.

Tuan Yang di-Pertua, kontrak makanan ke sekolah-sekolah di negeri Sarawak berjumlah lebih kurang \$50 juta setahun. Ini amat diperlukan oleh kanak-kanak atau murid-murid sekolah di kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah, sebab mereka tidak mencukupi makanan yang lazat. Ramai dari mereka sudah menderita dari "malnutrition". Dalam kawasan-kawasan tertentu seperti Belaga, Julau, Lubok Antu—kanak-kanak itu ada makan, tetapi makanannya tidak lazat, sebab itu perut dia besar dan tulang semua keluar, tidak ada tenaga.

Pihak Kerajaan ada niat baik kerana memperuntukkan jumlah wang yang besar bagi makanan kepada sekolah-sekolah berasrama ini tetapi kesilapan sudah berlaku dan saya ingin baca daripada Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1985, mukasurat 94. Saya ada petikan dalam bahasa Inggeris sahaja—minta maaf—dan saya baca sedikit, dengan izin:

"Supply of Rations to a School in Sarawak:

A school in the Second Division, Sarawak entered into a contract for the supply of, amongst other items, a certain type of soft drink at a cost of \$2.56 a packet and jelly at \$3.10 a gram. An investigation revealed that, in the same region, the market price for the soft drink was 70 cents a packet—and not \$2.56."

dan jeli itu bukan \$3.10 tetapi 10 sen sahaja.

Yang hendak saya tekankan ialah Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun

1986, mukasurat 167, ada tersebut dan saya baca, dengan izin:

“Supply of Rations to Schools in Sarawak:

119. Contracts for the supply of rations to residential schools in Sarawak are processed centrally by the Sarawak Director of Education. In 1986, the value of contracts for the supply of rations totalled 43.7 million.”

“In 1985 a secondary school in Muara Tuang iaitu di kawasan Ketua Menteri Sarawak sendiri—had purchased 582 tins of margerine at \$4.80 per tin although the market price was only \$2.80, while another school had purchased 288 tins of condensed milk at \$12 per tin although the market price was only \$1.20.”

Tuan Yang di-Pertua, kontrak makanan ke sekolah-sekolah di negeri Sarawak nampaknya sudah dijadikan satu peluang untuk makan darah daging dan merompak makanan dari kanak-kanak murid-murid sekolah di kawasan luar bandar. Tetapi ianya dijadikan satu isu nasional sebab baru-baru ini kita didapati tahu bahawa sebuah syarikat yang beralamat di Jalan Kelang Lama di Kuala Lumpur ini diberi pemberian kontrak ini secara monopoli tanpa tender terbuka untuk membekalkan makanan tin-tin serta 200,000 ekor ayam sebulan kepada sekolah-sekolah pada harga \$6.69 sekilo walaupun dia senang-senang boleh beli pada kadar \$2.80 sen sekilo kalau ayam ini diimport dan \$3.40 sen sekilo kalau dia beli dari petani-petani di negeri Sarawak.

Soalan-soalan yang saya ingin bangkitkan ialah kenapa memberi satu pemberian kontrak makanan ke sekolah-sekolah kepada sebuah syarikat Destima (Sdn) Berhad tanpa open tender? Dan kenapa membenarkan syarikat ini mengimportkan ayam-ayam dari luar daripada Sarawak ke Sarawak sebab makanan kepada sekolah-sekolah me-

rupakan 40% dari pasaran bagi petani-petani yang menternakkan ayam. Syarikat ini akan membunuh dan memusnahkan industri kecil di negeri Sarawak termasuk mereka yang sekarang menternak ayam. Reaksi dari mereka yang sudah jadi mangsa itu yang tidak boleh jual ayam lagi, mahu bankrap, ialah orang-orang Malaya datang ke sini makan daging anak Sarawak, ini satu bahaya. Dan saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengambil perhatian sebab dia sudah dengar kes ini secara langsung, dan dia tahu siapakah terlibat di dalam kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya pemberian kontrak ini dirujuk kepada ACA untuk menyasat sama ada rasuah dilakukan dan keduanya, untuk membuat satu peraturan baru supaya bagi semua kontrak yang diberi dari peruntukan Kerajaan Persekutuan, yang diperuntukkan kepada kegunaan di dalam negeri Sarawak, pihak kontraktor harus diperlukan mendapat barang-barang utama dan barang-barang perkhidmatan yang mereka perlukan di dalam Sarawak sendiri dan tidak harus diimport supaya peruntukan dari pihak Kerajaan Persekutuan dapat menjadi galakan kepada pertubuhan ekonomi negeri Sarawak. Sekiranya tidak, mungkin Kerajaan Barisan Tiga di Negeri Sarawak akan jatuh kepada PBDS juga sebab PBDS sekarang adalah kuat. Dan DAP tidak takut kalau selepas habisnya pilihanraya Parlimen, DAP Negeri Sarawak mahu bincang bersama PBDS dijadikan pihak Kerajaan Negeri Sarawak yang akan datang, apa salah. Saya bukan kurang pandai dari Menteri-menteri di Sarawak sekarang, boleh cuba Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kerana diberi saya peluang dan saya haraplah negara kita akan menghadapi pilihanraya yang akan datang ini tanpa apa-apa gangguan yang tidak diingini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Maran.

6.17 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk menjunjung kasih di atas Ucapan Kebawah Duli pada 26 haribulan yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya akan bercakap agak pendek. Pertama ialah saya bagi pihak saya sendiri sebagai Wakil Rakyat bersimpati dengan kemalangan yang berlaku di Jalan Karak/Kuala Lumpur. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tempat yang selalu berlaku itu bukannya kali ini, telah beberapa kali berlaku dan berapa banyak nyawa telah kehilangan. Pada pandangan saya kita boleh ikhtiar bagi mengurangkan kemalangan ini, ajal dan maut adalah di tangan Allah. Kemalangan juga di tangan Allah tetapi kita diberikan pemikiran untuk berikhtiar bagi menghindarkan daripada kemalangan yang selalu berlaku daripada berlaku. Sebab itulah saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengadakan highway daripada Kuala Lumpur ke Kuantan bagi mengelakkan kemalangan-kemalangan yang sedemikian rupa selalu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan mengenai dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berhubung dengan pengambilan peserta-peserta peneroka dalam sistem yang baru. Saya telah menyuarakan banyak kali dalam hal ini, yang mana pada pandangan saya sistem baru ini adalah merupakan sistem estet hanya mengambil pekerja sebagai pekerja estet. Saya tidak tahu apakah Kerajaan akan mengambil tindakan, sama ada mereka yang bekerja di dalam FELDA di bawah sistem baru ini akan hanya merupakan pekerja-pekerja biasa sahaja apabila tidak diperlukan dan akan dikeluarkan daripada estet. Saya telah membayangkan beberapa kali kalau sekiranya inilah dilakukan maka sudah barang tentu ramai lagi di antara penduduk-penduduk kita yang tidak memiliki harta dan tidak memiliki rumah. Sebab itulah saya mencadangkan

supaya Kerajaan menentukan sekurang-kurangnya rumah ataupun tapak rumah di dalam estet itu adalah diberi milik kepada mereka supaya mereka boleh tinggal di situ. Kalau tidak, di mana mereka akan pergi sekiranya mereka tidak berupaya lagi untuk bekerja di estet-estet, maka timbullah lagi manusia-manusia yang tidak ada tempat tinggal, tidak berkesudahan. Perhatian yang berat mesti diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini, kalau tidak kita akan balik kepada keadaan yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menanya Kementerian berkenaan. Bagaimanakah kedudukan peserta-peserta yang telah menggunakan borang yang lama yang telah ditemuduga, adakah mereka ini akan diambil terus untuk masuk dalam sistem yang baru ini ataupun mereka terpaksa ditemuduga sekali lagi? Kalau ditemuduga sekali lagi, ini juga merupakan kesukaran kepada mereka.

Cadangan saya eloklah kalau boleh diberikan tawaran terus kepada mereka yang telah ditemuduga kepada mereka yang telah menggunakan borang-borang yang lama, kerana ini akan meringankan kepada mereka. Tujuan kita ialah untuk meringankan rakyat yang miskin, kalau tidak, kita akan memberat dan membebankan lagi kepada mereka.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, tujuan Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah diwujudkan, ialah untuk mempercepatkan pembangunan sebuah wilayah itu, tetapi ada di antara perkara-perkara yang tidak diselaraskan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Ada setengah agensi di bawah Kementerian ini Lembaga Tendernya adalah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga itu, tetapi ada pula lembaga yang lain pengerusi tendernya diberi kepada orang yang lain daripada Kementerian sendiri. Kalau ini dilakukan, saya berpendapat bahawa tidak ada keadilan daripada segi ini dan juga

akan melewati dan melambatkan lagi proses kita bertujuan untuk membangunkan lembaga itu lebih cepat.

Jadi, saya menyarankan kepada Kementerian yang berkenaan selaraskanlah perkara ini supaya semua Pengerusi-pengerusi Lembaga Tender bagi Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi-agensi di bawah Kementerian diberikan kepada pengerusi yang berkenaan ataupun kalau tidak diberi, tariklah semua sekali, janganlah setengahnya dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah berkenaan ataupun agensi yang berkenaan, tetapi ada pula Pengerusi-pengerusi Lembaga Tender, Lembaga Kemajuan Wilayah yang dipengerusikan oleh orang yang lain. Jadi, kalau ini dilakukan sudah tentulah perkara yang kita mengatakan hendak mempercepat pembangunan wilayah yang kita wujudkan itu akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai hutan. Manusia memandang hutan ada dua perkara. Bagi orang yang mencinta kepada alam semula jadi memandang hutan itu supaya dikekalkan selama-lamanya hidup sebagai hutan, tetapi bagi negara yang perlu kepada ekonomi atau pendapatan daripada hutan, maka sudah barang tentu negara itu akan menggunakan hutan itu sebagai untuk mendapatkan hasil ataupun pendapatan kepada negara. Saya percaya dan saya mengharapkan bagi negara kita, kita ambillah jalan yang tengah, mana yang boleh kita pelihara, kita pelihara; mana yang boleh kita ambil untuk hasil, kita ambil buat hasilnya dan kita berikhtiarlah untuk menanam semula supaya hutan itu tidak hilang begitu sahaja, sebagaimana negara-negara yang lain apabila hutan ditebang, yang dibangunkan semula ialah batu-batu sebagai ganti hutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya negara kita mengambil tindakan ini. Jadi, kalau ada negara lain yang memandang serong kepada kita, adalah mereka itu hanya iri hati apa yang sebenarnya ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju kata oleh pihak parti Pembangkang, kita mengadakan parti politik ialah untuk berkuasa. Tujuan kita berkuasa ialah untuk memberi kemudahan kepada siapa yang memegang kuasa. Jadi, sudah barang tentu oleh kerana negara kita sekarang adalah di dalam keadaan ekonominya yang baik, sudah barang tentu parti-parti politik lain yang ingin dan berangan-angan untuk memerintah kerana mereka ingin berkuasa dan seterusnya dari kuasa itulah akan memberi kemudahan balik kepada pengikut-pengikutnya. Ini tidak boleh lari. Bagi pihak DAP sendiri menerangkan dengan jelas mengatakan bahawa itulah hasrat mereka hendak mendapat kuasa. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ingatlah di dalam kita hendak merebut kuasa janganlah kita cuba memperkecil-kecilkan seseorang yang tertentu, janganlah kita cuba menghina-hinakan seseorang tertentu kerana ini adalah perbuatan yang tidak baik. Terangkanlah prinsip parti kita masing-masing kepada orang ramai supaya mereka itu memilih kita. Janganlah kita cuba membuat fitnah dan berbagai-bagai kepada orang lain kerana kita hendak naik. Kalau ini kita lakukan, maka sudah barang tentu orang yang bersifat demikian adalah orang-orang yang tidak mempunyai pendirian ataupun maruah yang sepatutnya mereka itu sebagai orang yang mempunyai fikiran yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ibarat pokok kelapa, kalau kita hidup satu tandan, maka kalau kita marahkan sebiji di antara kelapa yang setandan itu, maka kita gugurkanlah buah kelapa itu, tetapi janganlah kita bubuh racun di pokoknya. Kalau kita bubuh racun di pokoknya, maka buah kelapa yang ada setandan itu semuanya akan jatuh. Jadi, pilihlah sama ada kita mahu semuanya gugur kerana kita marah kepada sebiji kelapa sehinggakan pokok itu jatuh dan begitulah keadaannya kepada negara.

Pepatah Arab juga ada mengatakan, kalau kita membuat bangunan, apabila

bangunan itu telah wujud, apabila telah lama dan banyak keburukan dan sebagainya di sana sini, maka janganlah kita robohkan bangunan itu untuk membuat bangunan yang baru kerana membuat bangunan yang baru itu amat sukar. Yang paling baik bagi kita ialah kita perbaiki di mana yang rosak kepada bangunan yang berkenaan. Inilah yang patutnya kita bertindak. Janganlah disebabkan kita marah kepada satu, dua orang, kita berani mengorbankan prinsip kita dan kita sanggup berpaling tadah daripada perjuangan yang asal, lain dahulu kita cakup cukup bersemangat, tetapi apabila kita telah tidak boleh berkuasa dan kita telah agak kecewa, kita telah bertindak lain daripada yang dahulu. Jadi, ini satu keadaan yang amat membimbangkan kepada kita. Janganlah kita hendak berkuasa, kita cuba membuat apa sahaja yang kita suka sehingga mengelirukan orang ramai dan apa yang rugi ialah kepada negara kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi kebiasaan mana-mana negara yang dijajah adalah berhasrat untuk merdeka, tetapi cuba kita lihat berapa banyakkah negara-negara yang telah merdeka dan lepas daripada belunggu penjajah yang dapat menjayakan negaranya boleh hidup dengan keadaan aman dan berjaya, jarang-jarang sekali. Kebanyakan negara-negara yang telah dijajah apabila merdeka, kadangkala mereka berkedudukan lebih teruk daripada mereka semasa dijajah. Tetapi bagi negara kita Malaysia, saya perhatikan daripada berbagai-bagai bidang, kita telah mencapai kejayaan yang begitu baik. Jadi, eloklah kita memperbaiki negara kita ini, janganlah kita meruntuhkan negara kita. Memang jarang sekali negara yang merdeka boleh mendapat kejayaan sedemikian rupa. Bagi negara Malaysia dalam jangka masa 32 tahun kita telah mencapai

kejayaan yang sebegini besar. Saya bukanlah memuji Kerajaan sebagaimana yang tidak disukai oleh DAP, tetapi ini adalah kenyataan yang jelas, yang perlu kita sama-sama menghormati. Kalau negara luar dan orang luar memuji negara kita sudah maju dan sebagainya, mengapa kita sendiri rakyat Malaysia masih ragu-ragu dengan kejayaan negara kita. Janganlah disebabkan sedikit kesilapan sehinggalah kita sanggup menjatuhkan prinsip ataupun kita menganiayakan perkara yang benar. Kalau kita marahkan nyamuk, janganlah kelambu dibakar kerana kalau kelambu dibakar, semua satu keluarga tidak boleh tidur dalam kelambu itu. Begitu juga negara kita, kalau negara kita dirosakkan, maka semua sekali kita akan hidup di dalam tidak aman. Jadi, marilah kita sebagai manusia yang mempunyai pemikiran yang rasional, kita mengakui bahawa apa sahaja yang dipuji dan disanjung oleh negara-negara luar di atas kemajuan negara kita ini adalah satu kenyataan yang tidak boleh berdalik lagi.

Saya juga ingin menyentuh bahawa di antara parti-parti, di antara pemimpin-pemimpin Semangat 46 sekarang yang dahulu-dahulunya mengatakan berbagai-bagai mengenai dengan projek-projek besar, seperti Proton Saga, Jambatan Pulau Pinang, Perwaja dan sebagainya, saya ingin bertanya kepada mereka apakah kalau sekiranya mereka memerintah, Jambatan Pulau Pinang akan dirobohkan? Apakah kalau sekiranya mereka memerintah Perwaja akan ditutup? Apakah kalau sekiranya mereka memerintah Proton Saga akan ditutup? Tolonglah jawab persoalan saya ini. Saya akan menyatakan bahawa kalau sekiranya mereka memerintah, maka mereka akan mengekalkan perkara ini yang mereka dahulu mengatakan projek-projek ini adalah tidak memberi guna

kepada negara. Itulah sebab saya kembali kepada asal, sebenarnya mereka irihati untuk hendak berkuasa, merasa sebagaimana kita berkuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya hendak bercakap, pukul 6.30 petang, saya tidak ingin hendak menyambung lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin hadapan, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.